



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

# Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

---

**LAPORAN  
TAHUNAN  
2022**





© Kementerian Pendidikan Malaysia 2022

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)  
Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025  
Laporan Tahunan 2022  
Ogos 2023  
ISSN : 0128-0295

Diterbitkan oleh:  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Blok E8, Parcel E, Presint 1  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604, Putrajaya, Malaysia  
[www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Pelan  
Pembangunan  
Pendidikan  
Malaysia  
2013-2025**

---

**LAPORAN  
TAHUNAN  
2022**





## Prakata

<b>MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA</b>	<b>06</b>
<b>KETUA SETIAUSAHA</b>	<b>08</b>
<b>KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA</b>	<b>10</b>



## BAB 01

### MENINGKATKAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN

1.1 Peningkatan Akses daripada Prasekolah hingga Menengah Atas	13
1.2 Program Pendidikan Pintar Cerdas	21

## BAB 02

### MEMPERTINGKATKAN KUALITI DALAM PENDIDIKAN

2.1 Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah (PLaN)	27
2.2 Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu	30
2.3 Pengukuhan Pendidikan Bahasa Inggeris	37
2.4 Pembudayaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran Abad ke-21	41



2.5 Pengukuhan Pendidikan STEM	45
2.6 Transformasi Institut Pendidikan Guru (IPG) untuk Meningkatkan Kualiti Latihan Guru	50
2.7 Pemantapan Profesionalisme Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP)	56
2.8 Pemerksaan Institut Aminuddin Baki (IAB) bagi Peningkatan Kualiti Pembangunan Kepimpinan Pendidikan	59



# KANDUNGAN

## LAPORAN TAHUNAN 2022

### BAB 03

#### MENINGKATKAN EKUITI DALAM PENDIDIKAN

- |  |    |
|--|----|
| 3.1 Pelaksanaan Program Transformasi Daerah (DTP)                                    | 63 |
| 3.2 Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi                                  | 67 |
| 3.3 Peningkatan Akses dan Kualiti Pendidikan bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas | 73 |



### BAB 05

#### MEMANTAPKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PENDIDIKAN

- |  |     |
|--|-----|
| 5.1 Penyediaan Infrastruktur Asas di Semua Sekolah   | 98  |
| 5.2 Pembiayaan Saksama Bagi Bantuan Persekolahan KPM | 100 |

### BAB 06

#### MERAIKAN KEJAYAAN PPPM BERSAMA

- |   |     |
|---|-----|
| Kerjasama Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) & KPM | 104 |
|---|-----|


#### GLOSARI

G1

### BAB 04

#### MEMBANGUNKAN KARAKTER DAN MEMUPUK PERPADUAN MELALUI PENDIDIKAN

- |  |    |
|--|----|
| 4.1 Pengukuhan Perpaduan di Sekolah        | 83 |
| 4.2 Pembangunan Potensi dan Karakter Murid | 89 |





# Prakata

**YB FADHLINA SIDEK**  
Menteri Pendidikan

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia Madani.**

**Alhamdulillah, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 kini telah memasuki tahun kesepuluh pelaksanaan dan hanya berbaki tiga tahun sebelum menganjak ke penghujung Gelombang 3 (2021-2025). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan terus memantapkan usaha serta fokus bagi memastikan kesemua baki inisiatif di bawah PPPM 2013-2025 akan terlaksana dengan jayanya.**

Pada 1 April 2022, negara telah memasuki fasa peralihan endemik COVID-19 yang menyaksikan sektor pendidikan kembali beroperasi hampir seperti sedia kala secara berperingkat. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) yang dikuatkuasakan sepanjang tempoh pandemik COVID-19 bermula dari 2020 telah beralih kepada Pengajaran dan Pembelajaran secara bersemuka apabila sekolah kembali beroperasi seperti biasa. Di samping itu, *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) yang dibangunkan oleh KPM bagi memudahkan akses kepada pembelajaran semasa pandemik COVID-19 terus diperkukuh dalam meningkatkan keupayaan pendidikan digital di sekolah sebagai akses kepada pendidikan berkualiti.

Isu keciciran murid terus diberikan penekanan pada tahun 2022 bagi memastikan semua anak-anak di negara ini mendapat kesaksamaan serta tidak ketinggalan dalam pendidikan. Data bagi kohort umur 4+ dan 5+ menunjukkan peningkatan enrolmen pada tahun 2022 berbanding 2021. KPM akan terus memantau dan melakukan intervensi agar golongan murid khususnya di kawasan pedalaman kekal bersekolah sehingga tamat tingkatan lima. Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9) dan Komprehensif 11 (K11) merupakan antara inisiatif

KPM dalam usaha menangani isu keciciran murid dengan harapan mencapai sasaran sifar keciciran pada satu masa nanti.

KPM juga amat prihatin dalam memastikan ekuiti dalam peluang mendapat pendidikan yang berkualiti bagi semua murid tanpa mengira tahap kebolehpayaan, latar belakang sosioekonomi dan jantina. Pendidikan Inklusif kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK), melalui Program *Outreach* Inklusif semakin diterima ramai dan impaknya telah meningkatkan peratus kebolehpasaran MBPK. Selain itu, KPM turut memperkasakan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang merupakan alternatif kepada pendidikan akademik bagi memenuhi keperluan industri yang semakin berkembang. Program Pendidikan Pintar Cerdas (PPPC) yang telah diperkenalkan juga merupakan bukti komitmen KPM dalam memastikan semua murid dengan keupayaan pelbagai diberi perhatian. PPPC akan diperluaskan lagi bagi menggalakkan penyertaan lebih ramai murid yang berkelayakan agar dapat mengasah bakat dan potensi intelek, kreativiti serta sosial mereka. Selain itu pelbagai program intervensi turut dilaksanakan. Kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti juga diberi kepada murid Orang Asli dan Peribumi melalui Inisiatif Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi


yang bertujuan meningkatkan kehadiran murid Orang Asli ke sekolah dan peratus transisi murid Orang Asli dari Tahun 6 ke Tingkatan 1.

Seiring dengan hasrat untuk mengangkat darjat kemuliaan (karamah insaniah) semua warga pendidikan, para guru merupakan antara jentera utama KPM yang sentiasa diberi perhatian. Sumbangan para guru dalam transformasi pendidikan negara merupakan agenda yang perlu terus diperkasa, sejajar dengan anjakan 4 PPPM iaitu mentransformasikan profesion keguruan menjadi profesion pilihan. Justeru, penghasilan tenaga pengajar yang berkualiti amat dititikberatkan oleh KPM dalam memastikan kecemerlangan kualiti pendidikan di sekolah. Pada tahun 2022, tahap standard penarafan Institut Pendidikan Guru (IPG) menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan kualiti guru adalah kritikal dalam memastikan pendidikan dapat disampaikan dengan penuh beriltizam daripada peringkat prasekolah hingga menengah atas melalui peningkatan keupayaan guru merentas bidang. Kebajikan para guru juga diberikan perhatian khusus oleh KPM bagi memastikan usaha mendidik anak bangsa diberikan keutamaan serta mengurangkan beban tugas guru di luar bilik darjah. Di samping itu, KPM juga memberi sokongan dalam memastikan kesejahteraan psikologi golongan pendidik ini kekal terpelihara dan dilindungi melalui pemahaman dan literasi undang-undang bagi golongan pendidik penjawat awam.

Melangkah ke hadapan, saya bersama-sama warga KPM tekad berusaha ke arah memastikan lanskap pendidikan negara menjadi sebuah ekosistem yang harmoni dan mendokong konsep manusiawi serta memberi penekanan kepada aspek karamah insaniah dalam membentuk jati diri serta keperibadian murid yang beradab, berakhlak dan berintegriti. Ini sejajar dengan hasrat melahirkan Anak yang Baik lagi Cerdik (ABC) sebagai generasi pewaris negara yang berilmu serta berakhlak mulia.

Usaha membudayakan pengayaan ilmu melalui transformasi pendidikan merupakan satu perjalanan yang amat mencabar, namun saya yakin dengan keiltizaman KPM, hasrat yang telah termaktub dalam PPPM 2013-2025 untuk mentransformasikan pendidikan negara dapat dicapai dengan kesepakatan serta kerjasama semua pihak. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga KPM serta semua pihak berkepentingan atas semangat juang yang tidak pernah pudar demi memartabatkan pendidikan negara kita yang tercinta. Semoga usaha murni kita ini akan dirahmati Allah Subhanahuwata'ala, Insya-Allah.

**“Isu keciciran murid terus diberikan penekanan pada tahun 2022 bagi memastikan semua anak-anak di negara ini mendapat kesaksamaan serta tidak ketinggalan dalam pendidikan”**



# Prakata


**DATO' INDERA NIK NASARUDIN  
BIN MOHD ZAWAWI**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

**Agenda transformasi pendidikan terus diperkasa oleh KPM pada tahun 2022 dengan menetapkan sasaran yang perlu dicapai dari segi akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan seperti yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang kini berada dalam Gelombang 3 (2021-2025). Pascapandemik COVID-19, perancangan dan pelaksanaan inisiatif juga telah dibugarkan untuk merapatkan jurang pencapaian transformasi pendidikan.**

KPM sentiasa memantau setiap ringgit yang dikeluarkan bagi mengoptimumkan perbelanjaan dalam usaha melestarikan pendidikan negara. Perbelanjaan berhemah menggunakan kaedah Bajet Berasaskan Keberhasilan (*Outcome-Based Budgeting*, OBB) oleh pasukan inisiatif secara kolektif, membolehkan inisiatif PPPM yang dirancang berupaya memaksimumkan keberhasilan, walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran.



**“KPM yakin penggunaan DELIMa dalam PdP secara bersemuka akan memberikan suasana persekitaran pembelajaran yang lebih mengujakan kepada guru serta murid di sekolah”**

Pembiayaan Saksama bagi Bantuan Persekolahan KPM merupakan salah satu matlamat bawah anjakan ke-10 PPPM 2013-2025. Dalam usaha Kementerian untuk memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap perbelanjaan yang dikeluarkan, pemberian autonomi kepada sekolah dalam menguruskan kewangan sentiasa dipantau dan diselia secara cekap dan sistematik.

Bagi memastikan murid mendapat akses kepada persekitaran pembelajaran yang kondusif, usaha KPM dalam menyediakan infrastruktur asas di semua sekolah terus dipergiat. Sepanjang tempoh Pengajaran dan Pembelajaran di rumah (PdPR) semasa pandemik melanda negara, banyak bangunan sekolah turut terbiar disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan oleh kerajaan. Oleh itu, kepentingan menaik taraf sekolah daif menjadi keutamaan khususnya untuk memastikan kemudahan di sekolah-sekolah berada dalam keadaan baik apabila sesi persekolahan secara bersemuka kembali beroperasi sepenuhnya. Sebanyak 57 projek pembangunan semula dan naik taraf sekolah yang mempunyai bangunan daif berjaya dilaksanakan pada tahun 2022. Sehingga kini, sebanyak 935 projek sekolah daif di seluruh negara telah dinaik taraf dan KPM menasaskan lebih banyak sekolah bakal diselenggara serta ditambah baik menjelang penghujung Gelombang 3 PPPM.

*Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa)*, platform pembelajaran dalam talian yang digunakan secara meluas sepanjang PdPR dikuatkuasakan sebelum ini, kini dipertingkatkan dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru serta murid di sekolah. DELIMa didatangkan dengan ciri baharu menggabungkan tiga aspek utama iaitu pembelajaran yang diperibadikan, pengalaman pengguna dan analisis data. KPM yakin penggunaan DELIMa dalam PdP secara bersemuka akan memberikan suasana persekitaran pembelajaran yang lebih mengujakan kepada guru serta murid di sekolah.

Sesungguhnya perjalanan kita untuk menambahbaik lanskap pendidikan negara masih jauh dan akan terus berhadapan dengan cabaran dari semasa ke semasa. Semoga dedikasi serta komitmen setiap warga KPM dalam melaksanakan transformasi pendidikan akan menjadi kenyataan, Insha-Allah.



*“Bagi memastikan murid mendapat akses kepada persekitaran pembelajaran yang kondusif, usaha KPM dalam menyediakan infrastruktur asas di semua sekolah terus dipergiat.”*



# Prakata

## DATUK HAJI PKHARUDDIN BIN HAJI GHAZALI

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Anak yang Baik lagi  
Cerdik.**

**Syukur ke hadrat Ilahi kerana kita kini sudah  
berada dalam fasa pemulihan negara setelah  
didepani cabaran serta kesan ekonomi  
akibat pandemik COVID-19. KPM mengorak  
langkah ke tahun 2022 dengan memberi  
tumpuan terhadap penambahbaikan kepada  
pendidikan berkualiti seperti yang dihasratkan  
dalam Pelan Pembangunan Pendidikan  
Malaysia (PPPM) 2013-2025.**

Transformasi pendidikan negara terus dipacu dengan memberi penekanan kepada dua aspek utama iaitu kompetensi dan kualiti guru serta keberhasilan murid. Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) 2.0 telah dirangka bagi menggariskan tindakan terperinci Pembangunan Profesionalisme Berterusan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) daripada lantikan pertama hingga ke akhir perkhidmatan. Dengan adanya PIPPK 2.0 yang bakal diterbitkan pada tahun 2023, laluan kerjaya serta mobiliti PPP adalah lebih jelas dan berstruktur. Peningkatan kompetensi PPP menerusi laluan kepimpinan dan pengurusan turut diberikan perhatian selain usaha melestarikan kesejahteraan PPP dalam perkhidmatan di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Modul Kesejahteraan Kerjaya Guru (MKKG) diperkenalkan bagi mengadakan intervensi untuk meningkatkan kesejahteraan psikologi warga PPP. Kefahaman



Pada tahun 2022,  
jurang pencapaian  
Gred Purata SPM  
2022 Bandar dan  
Luar Bandar merapat  
sebanyak

**24.59%**



PPP mengenai Literasi Undang-undang turut dititikberatkan oleh KPM. Sehubungan dengan itu, Buku Panduan Literasi Undang-Undang KPM dan Dokudrama Literasi Undang-Undang KPM telah dihasilkan sebagai sumber rujukan dan panduan warga PPP.


Program Transformasi Daerah yang merupakan inisiatif bawah PPPM 2013-2025 diwujudkan untuk memastikan jurang pendidikan antara kumpulan bandar dan luar bandar, status sosioekonomi dan jantina dapat dirapatkan di semua negeri. Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) di seluruh negara telah dipertanggungjawabkan untuk meningkatkan prestasi sekolah bagi mencapai objektif tersebut. Pada tahun 2022, jurang pencapaian Gred Purata SPM. Bandar dan Luar Bandar merapat sebanyak 29.51% dari tahun 2012. Jurang pencapaian Layak Sijil SPM 2022 mengikut jantina juga telah merapat sebanyak 40.48% dari tahun 2016. Walau bagaimanapun jurang pencapaian Layak Sijil SPM 2022 mengikut status sosioekonomi telah melebar sebanyak 2.76% dari tahun 2021.

Peningkatan kualiti pendidikan melalui penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) untuk mencapai keberhasilan murid tidak akan tercapai tanpa PdP yang berkesan. KBAT telah diperkenalkan untuk memperkukuhkan kemahiran murid untuk mengapikasi pengetahuan dan menggunakan

KBAT dalam menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi, dan mencipta. Inisiatif ini bertujuan untuk menempatkan negara pada kedudukan sepertiga teratas dalam penilaian antarabangsa menjelang 2025. Menyedari akan kepentingan menerapkan budaya KBAT, KPM telah membangunkan Instrumen Standard Penilaian Pembudayaan KBAT (ISPPK) dalam PdP untuk guru dan murid bagi menilai tahap pembudayaan KBAT di sekolah daripada aspek Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan, Pengajaran dan Pembelajaran Guru dan Murid, serta Kokurikulum. Pada tahun 2022, sejumlah 306,363 guru telah dinilai menggunakan ISPPK. Daripada jumlah guru yang dinilai, 96.28% mencapai sekurang-kurangnya tahap Baik manakala 43.35% guru mencapai tahap Cemerlang dalam PdP berasaskan KBAT.

Selain bermatlamat untuk meningkatkan kemahiran murid dalam bidang akademik, KPM turut prihatin dalam membentuk sahsiah murid untuk menjadi insan berilmu serta berakhlak mulia selaku pewaris anak bangsa. Di sinilah pentingnya untuk kita membina generasi Anak yang Baik lagi Cerdik (ABC), selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Pembinaan generasi ABC ini juga selari dengan 7 teras utama yang menjadi tunjang KPM, khususnya dalam memberi penekanan kepada aspek "Karamah Insaniah" melalui pembentukan adab, akhlak dan integriti dalam diri murid.

Akhir kata, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha menjayakan transformasi pendidikan melalui pelaksanaan inisiatif bawah PPPM 2013-2025. Sesungguhnya menjadi harapan saya agar ibu bapa, masyarakat, pihak swasta dan pihak berkepentingan untuk terus memberi sokongan serta bersama-sama KPM dalam melestarikan agenda pendidikan negara bagi kesejahteraan negara kita yang tercinta ini.



**"Di sinilah pentingnya untuk kita membina generasi Anak yang Baik lagi Cerdik (ABC), selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan."**



---

# BAB 01

MENINGKATKAN AKSES  
KEPADA PENDIDIKAN

## 1.1 PENINGKATAN AKSES DARIPADA PRASEKOLAH HINGGA MENENGAH ATAS

Setiap kanak-kanak warganegara Malaysia, tanpa mengira status ekonomi, etnik, atau latar belakang, berhak mendapatkan akses yang sama bagi pendidikan berkualiti untuk membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing. Sistem pendidikan di Malaysia berhasrat memastikan peningkatan enrolmen murid daripada peringkat prasekolah hingga menengah atas.

Sejak pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, sistem pendidikan telah berjaya meningkatkan tahap akses pada peringkat pendidikan prasekolah hingga menengah atas. Walau bagaimanapun, pandemik COVID-19 telah memberi kesan terhadap enrolmen murid pada semua peringkat pendidikan.

Pada tahun 2022, fokus KPM adalah untuk peluasan kelas prasekolah KPM serta program intervensi bagi peluasan kelas prasekolah KPM dan peningkatan enrolmen murid daripada prasekolah hingga menengah atas.

### 1.1.1 PENINGKATAN ENROLMEN MURID PRASEKOLAH AWAM DAN SWASTA BERUMUR 4+ DAN 5+ TAHUN

Melaksanakan peluasan kelas prasekolah awam bagi memberi peluang kepada lebih ramai murid 4+ dan 5+ untuk mengikuti pendidikan prasekolah di prasekolah kerajaan

Memastikan cakupan data murid prasekolah swasta yang komprehensif

Memberi kesedaran kepada pengusaha prasekolah swasta untuk mendaftar dengan KPM

Memberi bantuan yuran prasekolah swasta yang berdaftar kepada murid daripada keluarga B40 yang layak

Sejak pelaksanaan PPPM 2013-2025, sistem pendidikan telah berjaya meningkatkan tahap akses pada peringkat pendidikan prasekolah hingga menengah atas





Antara faktor utama peningkatan ini adalah disebabkan oleh keyakinan ibu bapa atau penjaga tentang keselamatan anak-anak mereka untuk mengikuti pendidikan prasekolah secara bersemuka setelah dua tahun penularan wabak COVID-19

### 1.1.2 PENINGKATAN ENROLMEN MURID MENENGAH ATAS DI SEKOLAH MENENGAH KPM DAN SWASTA

Mengenal pasti punca-punca murid tidak menyambung pendidikan pada peringkat menengah atas

Merancang dan melaksanakan program-program intervensi berfokus berdasarkan punca-punca yang dikenal pasti

### 1.1.3 PENINGKATAN ENROLMEN MURID 15+ TAHUN DALAM ALIRAN VOKASIONAL MELALUI:

Peluasan Pendidikan Vokasional Menengah Atas (PVMA)

Peluasan Program Pertanian ke peringkat Diploma di Kolej Vokasional

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)

Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) bersama-sama McDonald's

### 1.1.4 PENGURANGAN KADAR KECICIRAN MURID SEKOLAH MENENGAH

Melaksanakan Program *Outreach* Murid Cikir bagi mengesan murid cikir


Membina Modul Kajian Kes dan Amalan Terbaik Intervensi Murid Berisiko Cikir dan Murid Cikir



## 1.1.1 Peningkatan Enrolmen Murid Prasekolah Awam dan Swasta Berumur 4+ dan 5+ Tahun

Secara keseluruhan, analisis pencapaian enrolmen murid prasekolah bagi tahun 2022 menunjukkan kadar enrolmen bagi kohort umur 5+ telah mencapai 88.81% manakala bagi kohort umur 4+ pula adalah 71.54% (rujuk Rajah 1).

Eksibit 1.1: Peratus Enrolmen Murid Prasekolah



(Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian)

Terdapat peningkatan peratus enrolmen bagi kohort umur 5+ pada tahun 2021 iaitu 83.65% kepada 88.81% pada tahun 2022. Bagi murid yang berada dalam kohort umur 4+, data menunjukkan peningkatan enrolmen penyertaan kanak-kanak iaitu 71.54% pada tahun 2022 berbanding 68.45% pada tahun 2021.

Antara faktor peningkatan ini adalah disebabkan oleh keyakinan ibu bapa atau penjaga tentang keselamatan anak-anak mereka untuk mengikuti pendidikan prasekolah secara bersemuka setelah dua tahun penularan wabak COVID-19. Di samping itu, program serta kempen yang dijalankan bagi meningkatkan kesedaran ibu bapa terhadap pendidikan awal kanak-kanak turut menyumbang kepada peningkatan peratus enrolmen pada tahun 2022.

Aktiviti utama bagi meningkatkan enrolmen murid di prasekolah swasta ialah:

- Kutipan dan Penyelarasan Data Tadika Swasta
- Sesi Libat Urus (*Townhall*), dan
- Bantuan Yuran Murid Prasekolah Swasta Tahun 2022

### i. Kutipan dan Penyelarasan Data Tadika Swasta

Objektif utama aktiviti ini adalah untuk memastikan cakupan data dan enrolmen murid merangkumi semua prasekolah swasta. Terdapat sebilangan prasekolah yang tidak berdaftar dengan KPM dan ini menyebabkan kesukaran untuk mengumpulkan data keseluruhan murid prasekolah. Usaha ini bukan sahaja meningkatkan enrolmen murid prasekolah swasta, tetapi juga dapat menggalakkan pendaftaran prasekolah swasta dengan KPM.



Eksibit 1.2: Data Bilangan Murid Tadika Swasta Selepas Kutipan Data Secara Manual

DAPATAN SELEPAS LAWATAN					
Negeri	Bilangan Tadika Swasta	Enrolmen 4+		Enrolmen 5+	
		Sebelum	Selepas	Sebelum	Selepas
Sarawak	31	90	124	83	137
Selangor	41	330	564	522	580
Putrajaya	22	479	672	480	634
Kelantan	15	271	303	466	518
Sabah	27	1,465	1,515	1,607	1,617
Kedah	23	42	152	66	163
<b>Jumlah</b>	159	2,677	3,330	3,224	3,649
<b>Jumlah Penambahan</b>		<b>653</b>		<b>425</b>	

Terdapat sebilangan prasekolah yang tidak berdaftar dengan KPM hal ini ini menyebabkan data enrolmen murid prasekolah yang kurang tepat

ii. Sesi Libat Urus (Townhall)

Sepanjang tahun 2022, tiga sesi libat urus (townhall) telah diadakan di Melaka, Pulau Pinang dan Sarawak, bagi memberi kesedaran kepada para pengusaha prasekolah swasta untuk berdaftar dengan KPM. Hasil daripada sesi tersebut, bilangan tadika swasta yang berdaftar telah meningkat dan sekali gus meningkatkan bilangan enrolmen murid 4+ dan 5+ tahun.



Eksibit 1.3: Lokasi townhall, impak kepada bilangan pengelola prasekolah swasta dan bilangan murid yang berdaftar

NEGERI	IMPAK SESI LIBAT URUS	ENROLMEN MURID 4+ DAN 5+
Melaka	18 buah tadika swasta baharu berdaftar dengan KPM.	833 orang
Sarawak	20 buah tadika swasta sedang dalam proses mendaftar dengan KPM.	101 orang
Pulau Pinang	52 buah tadika swasta belum berdaftar dengan KPM telah dikenal pasti.  JPN Pulau Pinang akan melaksanakan sesi rundingan dan konsultasi supaya tadika swasta ini dapat berdaftar dengan KPM.	2,142 orang

### iii. Bantuan Yuran Murid Prasekolah Swasta Tahun 2022

Bagi menggalakan ibu bapa serta penjaga dari keluarga yang kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah (golongan B40) untuk menghantar anak-anak mereka meneruskan pendidikan prasekolah, KPM juga telah memberi bantuan yuran murid prasekolah yang juga dapat membantu meringankan beban keluarga.

Syarat-syarat permohonan bantuan yuran murid adalah seperti berikut:

- Warganegara Malaysia;
- Berumur 4+ dan 5+ tahun (lahir tahun 2016, 2017 dan 1 Jan 2018);
- Dari keluarga kumpulan pendapatan B40 (miskin dan miskin tegar);
- Belajar di prasekolah swasta yang berdaftar dengan KPM.

Bagi memastikan bantuan ini diberikan kepada golongan yang disasarkan, maklumat permohonan disemak silang dengan Bahagian Kesejahteraan Rakyat, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri.


Pada tahun 2022, seramai 1,135 murid telah menerima bantuan yuran prasekolah swasta berjumlah RM1,055,470 yang melibatkan 478 prasekolah swasta berdaftar dengan KPM di seluruh Malaysia.

**Pada tahun 2022, seramai 1,135 murid telah menerima bantuan yuran prasekolah swasta berjumlah RM1,055,470 yang melibatkan 478 prasekolah swasta berdaftar dengan KPM di seluruh Malaysia**



## 1.1.2 Peningkatan Enrolmen Menengah Atas di Sekolah Menengah Awam dan Swasta

Eksibit 1.4: Peratus Enrolmen Menengah Atas (EMA) bagi Murid Sekolah Menengah Awam dan Swasta sejak tahun 2018



Pencapaian peratus enrolmen menengah atas mengalami penurunan pada tahun 2020 iaitu 87.57% disebabkan oleh wabak COVID-19 yang melanda bukan sahaja Malaysia malah seluruh dunia. Namun, KPM telah berjaya meningkatkan semula peratusan enrolmen menengah atas pada tahun 2021 iaitu 88.68% dan mencapai peningkatan yang lebih baik pada tahun 2022 iaitu 89.97%.

Antara program yang dijalankan bagi meningkatkan enrolmen murid menengah atas adalah Ziarah Cakna, program kesedaran bersama-sama ibu bapa tentang kepentingan pendidikan dan memberi motivasi serta kaunseling kepada murid. Program yang dijalankan ini telah mendapat kerjasama daripada ibu bapa, komuniti dan agensi swasta.


---

**Kementerian berjaya meningkatkan semula peratusan enrolmen menengah atas pada tahun 2021 dan mencapai peningkatan terbaik pada tahun 2022 iaitu 89.97%**

### 1.1.3 Peningkatan Peratus Enrolmen 15+ dalam Aliran TVET

Pada tahun 2022, enrolmen murid dalam program TVET ialah 6.38%. Enrolmen ini melibatkan 17,034 orang murid yang mengikuti program TVET di 86 Kolej Vokasional (KV), 427 orang Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV), 352 orang murid lepasan Tingkatan 3 yang terlibat dalam program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan 313 orang murid dalam program SLDN KV bersama-sama McDonald's Malaysia yang merupakan satu alternatif ke arah peluasan TVET KPM melalui kerjasama awam-swasta. Seramai 4,801 orang murid di bawah Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) serta 266 orang murid terlibat dengan program Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA). Enrolmen tahun semasa turut merangkumi enrolmen kumulatif daripada agensi luar KPM seperti GIATMARA dan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dengan pelibatan seramai 911 orang murid.

Eksibit 1.5: Peratus Enrolmen Murid 15+ dalam Aliran TVET sejak tahun 2018



Sumber: Bahagian Pendidikan Khas



## 1.1.4 Pengurangan Kadar Keciciran Murid Sekolah Menengah

Kadar keciciran murid sekolah menengah menunjukkan trend penurunan mulai tahun 2018 hingga tahun 2022. Pada tahun 2018, kadar keciciran murid ialah 1.21 peratus berbanding 0.99 peratus pada tahun 2022. Trend penurunan ini adalah hasil usaha berterusan Kementerian yang telah memperkasakan Program *Outreach* di semua Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Hasilnya telah berjaya mengembalikan seramai 1,711 orang murid sekolah menengah yang cicir ke sekolah.

Eksibit 1.6: Peratus Murid Cicir Sekolah Menengah daripada Tahun 2018 hingga 2022

TAHUN	PERATUS MURID CICIR (%)
2018	1.21
2019	1.14
2020	1.13
2021	1.11
2022	0.99

Kementerian juga telah menerbitkan Modul Kajian Kes Intervensi Kaunseling Murid Berisiko Cicir dan Murid Cicir. Modul kajian ini bertujuan sebagai panduan serta rujukan untuk menangani isu murid cicir melalui pendekatan kaunseling di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan.

## Melangkah ke Hadapan

Pada tahun 2023, Kementerian akan memberi tumpuan kepada peningkatan enrolmen bagi prasekolah awam dan swasta serta menengah atas melalui:

1. Peluasan 118 kelas prasekolah KPM;
2. Jelajah BP Swasta 2023 untuk memastikan pendaftaran prasekolah swasta yang belum berdaftar;
3. Pemberian bantuan yuran prasekolah swasta khusus bagi murid dari keluarga B40;
4. Peluasan Program PVMA dan MPV ke sekolah harian bagi murid menengah atas;
5. Pemerksaan kerjasama dengan McDonald's melalui Program SLDN;
6. Pengurangan kadar keciciran murid dengan perancangan pembangunan Sistem Pengesanan Murid.



**Peluasan  
118 kelas  
prasekolah KPM**

## 1.2 PROGRAM PENDIDIKAN PINTAR CERDAS

Program Pendidikan Pintar Cerdas (PPPC) menyediakan pendidikan yang bersesuaian dengan tahap *Intelligence Quotient* (IQ) melebihi 130 melalui kesepaduan Program Pembelajaran Pecutan, Mampatan dan Pengayaan. Selain itu, program ini juga memberikan penekanan kepada peningkatan profesionalisme guru yang terlibat melalui jaringan dan jalinan dengan agensi serta institusi pendidikan yang relevan untuk membimbing murid pintar cerdas.

Kementerian terus memperkasa program PPPC bagi mengalakkan lebih ramai murid pintar cerdas dapat mengikuti program ini melalui sesi libat urus dan promosi. Usaha untuk memantapkan program ini juga dilaksanakan melalui Pelan Operasi PPPC di Sekolah Menengah Sains Pendang atau Akademi Sains Pendang (ASP). Murid Pintar Cerdas (PC) juga diberi peluang yang luas untuk mengembangkan bakat dan potensi mereka melalui penyertaan dalam pelbagai pertandingan, penerbitan penyelidikan dan seminar.

Pada tahun 2022, fokus inisiatif ini adalah:

**1.2.1 PROMOSI BAGI MENINGKATKAN PERMOHONAN MURID KE PPPC**

**1.2.2 PELAKSANAAN PELAN OPERASI PPPC**

**1.2.3 PENINGKATAN PENCAPAIAN MURID PINTAR CERDAS**



## 1.2.1 Promosi bagi Meningkatkan Permohonan Murid ke PPPC

Pelbagai sesi promosi bagi Pencarian Murid Pintar Cerdas. Melalui pencarian ini, murid-murid akan disaring melalui ujian-ujian yang dikenali sebagai UKM1 dan UKM2. Mereka juga perlu melalui Program Perkhemahan Cuti Sekolah (PPCS). Ujian UKM3 akan turut diadakan bagi mengenal pasti murid-murid yang berkelayakan untuk ditawarkan mengikuti PPPC di ASP. Tujuan promosi dan publisiti ini adalah untuk memastikan supaya orang awam terutamanya ibu bapa untuk mengetahui mengenai:

- a) **maksud murid pintar dan berbakat atau pintar cerdas**
- b) **jenis-jenis ujian saringan bagi murid pintar dan berbakat atau pintar cerdas**
- c) **sekolah yang menawarkan pendidikan pintar dan berbakat atau pintar cerdas**
- d) **memastikan lebih ramai murid mengambil ujian saringan UKM1**

Hasil daripada pencarian ini, seramai 100 orang murid yang melepasi semua saringan telah ditawarkan mengikuti PPPC di ASP.



## 1.2.2 Pelaksanaan Pelan Operasi PPPC

- i. **Pembangunan Modul Asas Kepimpinan dan Pengurusan kepada Pihak Pentadbir Sekolah Menengah Sains Pendang atau Akademi Sains Pendang (ASP)**

Selaras dengan Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.3 Tahun 2021: Garis Panduan Pengoperasian PPPC di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia, Institut Aminuddin Baki (IAB) bertanggungjawab memainkan peranan dalam memberi latihan kepimpinan kepada pemimpin PPPC. Modul yang berasaskan Domain dan Kompetensi KOMPAS 2.0 dan juga Dasar Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam (Model Pembangunan Berdasarkan 3P) telah dibangunkan.

## ii. Pelaksanaan Latihan kepada Kumpulan Pengurusan

Beberapa siri latihan yang telah diberikan kepada kumpulan pengurusan ASP dalam memastikan kumpulan ini mendapat ilmu pengurusan dan kepimpinan pendidikan yang sesuai. Latihan untuk kumpulan ini dilaksanakan melalui beberapa mekanisme iaitu bengkel latihan, kursus Pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD) IAB serta sesi *coaching*.

## iii. Pembangunan Modul Kesejahteraan Psikologi Berfokus kepada Murid Program Pendidikan Pintar Cerdas

Satu modul kesejahteraan Psikologi Murid Akademi Sains Pendang (i-WASP – *i Wellbeing* Akademi Sains Pendang) telah dibangunkan bagi murid pintar cerdas dan berbakat yang mempunyai daya kognitif yang tinggi berdasarkan pencapaian ujian kecerdasan otak (IQ) mereka. Modul Kesejahteraan Psikologi Murid Pintar Cerdas dibina untuk meningkatkan kemahiran bagi mencapai kesejahteraan psikologi dalam kalangan murid pintar cerdas, meningkatkan tahap kesejahteraan psikologi yang holistik dari aspek fisiologi, kognitif, emosi dan tingkah laku.



## iv. Jalinan dan Jaringan antara Institusi Pendidikan


Perbincangan bersama-sama pihak Akademi STEM Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi membincangkan perkongsian maklumat berkaitan bidang penyelidikan dan hasil kajian yang telah dilaksanakan oleh murid ASP. Bagi tujuan meningkatkan profesionalisme guru dalam mengajar anak pintar cerdas kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah dimeterai di mana pihak UPM memperkenalkan program pesisir kepada guru ASP dan kepada guru-guru zon utara bagi menyambung pengajian mereka di peringkat Sarjana dan Kedoktoran. Kerjasama juga turut diperolehi daripada Albukhary International University (AIU) sebagai institusi yang menyediakan premis pengajian kepada guru-guru yang mengikuti program pesisir.

## v. Pembinaan Modul Pembelajaran Murid Asas 1 hingga 3

Penyelarasan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi Asas 1 hingga 3 telah dilaksanakan bersama-sama Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Modul Asas 1 bagi semua mata pelajaran telah dilengkapkan bersama-sama ringkasan kurikulum sebagai rujukan guru yang mengajar di ASP.

## vi. Penyediaan Latihan kepada Guru dan Bakal Guru

Bakal guru serta guru-guru ASP sedia ada sentiasa diberikan pendedahan strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berorientasikan proses (*process-based learning*), kandungan (*content-based learning*) dan hasil (*outcome-based learning*) bawah Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) supaya mereka dapat memberi bimbingan yang inklusif kepada murid pintar cerdas.



---

Murid pintar cerdas (PC) juga harus diberikan peluang untuk mengembangkan bakat dan potensi mereka serta menerapkan dan menghayati jati diri sebagai warganegara Malaysia

### 1.2.3 Peningkatan Pencapaian Murid Pintar Cerdas

Murid pintar cerdas (PC) juga diberikan peluang untuk mengembangkan bakat dan potensi mereka serta menerapkan dan menghayati jati diri sebagai warganegara Malaysia. Sepanjang tahun 2022, tenaga pengajar serta murid-murid pintar cerdas telah bergerak maju mengambil bahagian dalam pelbagai pertandingan, menerbitkan penyelidikan, dan menghadiri seminar di institusi-institusi ternama. Murid pintar cerdas telah membuktikan tahap kepintaran mereka dengan memenangi pertandingan seperti berikut:

#### Pingat Emas:

- *The 11th Online ASEAN +3 Student Camp*
- *HIPPO English Olympiad*
- *Lavoisier International Chemistry Olympiad 2022*
- *10th Malaysia International Young Inventors Olympiad 2022*
- *Sintok International Games & Gamification 2022*
- *Virtual Innovation Competition 3rd Edition*
- *Jambori Sambutan 100 Tahun Pengakap Negeri Kedah dan Persaudaraan Pengakap Antarabangsa 2022*

#### Pingat Perak:

- *Newtonian International Physics Olympiad Challenge*
- *ASEAN +3 Junior Science Odyssey*

## Bahan Penerbitan yang Dihasilkan oleh Murid Pintar Cerdas

Jurnal:

***Proceeding of the International Future Scientists Conference***

Tajuk:

***The Application of Mean Top Bottom Imputation Method for Replacing the Missing Data of CO Time Series***

Tahun: 2021

ISSN: 2773-6342

Penulis: Ahmad Habil bin Ahmad Zubir, Angela Rina Francis, Franklin Chai Jun, Mohamad Darius Elman bin Mohamad Adnan

Jurnal:

***Akademi Sains Malaysia Science Journal***

Tajuk:

***Prediction Modelling Through Chaotic Approach on Ozone (O<sub>3</sub>) Pollutant Time Series in Shah Alam City***

Tahun: 2022

Penulis: Franklin Chai Jun

Jurnal:

***Proceeding of International Sustainability Invention, Innovation and Design Showcase***

Tajuk:

***Single Data Imputation by Using Mean-Top-Bottom Method in Handling Missing Data for Chaotic Modelling.***

Tahun: 2022

eISBN: 978-629-96523-0-4

Penulis: Ahmad Habil bin Ahmad Zubir, Angela Rina Francis, Franklin Chai Jun, Mohamad Darius Elman bin Mohamad Adnan, Muhammad Luqmanul Hakeem bin Mohd Faisal

## Melangkah ke Hadapan

Dalam usaha membangunkan PPPC, Kementerian akan terus menambah baik aspek kurikulum, peningkatan profesionalisme pegawai/ guru/ pensyarah dan instrumen saringan melalui inisiatif:

### 1. Pengakreditasi Kurikulum PPPC

- Mendapatkan pengiktirafan Kurikulum PPPC.
- Menyemak semula mata pelajaran tambahan untuk mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan.

### 2. Peningkatan Profesionalisme Guru

- Menyediakan guru/ pensyarah yang kompeten dalam melaksanakan PPPC.

### 3. Pembangunan Pelan Hala Tuju PPPC

- Menyediakan satu Pelan Hala Tuju bagi memastikan kelestarian program PPPC.





---

## BAB 02

MEMPERTINGKATKAN KUALITI  
DALAM PENDIDIKAN

## 2.1 PROGRAM LITERASI DAN NUMERASI SEKOLAH RENDAH (PLaN)

Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah (PLaN) merupakan inisiatif di bawah PPPM 2013-2025. PLaN ialah program intervensi dalam memastikan murid dapat menguasai tahap penguasaan minimum literasi dan numerasi yang ditetapkan. Pada tahun 2022 PLaN telah dilaksanakan di semua sekolah rendah di seluruh negara.

Sebagai panduan dalam pelaksanaan PLaN di sekolah, Kementerian telah menyediakan pelbagai bahan sokongan dan penerangan berkaitan PLaN yang telah dimuat naik ke laman PLaN melalui pelantar DELIMa KPM yang beralamat url <https://sites.google.com/moe-dl.edu.my/plan>.

Terdapat dua fokus utama dalam pelaksanaan PLaN pada 2022, iaitu:

### 2.1.1 PENINGKATAN TAHAP PENGUSAHAAN MINIMUM 419 SEKOLAH FOKUS YANG MEMPUNYAI 30 HINGGA 70 PERATUS MURID TAHAP 1 DALAM PENGUSAHAAN BAHASA MELAYU (BM), BAHASA INGGERIS (BI) DAN MATEMATIK

Pembinaan bahan bantu belajar murid bagi BM, BI dan Matematik untuk kegunaan murid Tahun 2 dan Tahun 3 (sesi 2023);

Penyebaran dan pemerksaan Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza (MoLIB) Literasi dan Numerasi untuk guru BM dan BI, serta Schemes of Work (SoW) untuk guru BI;


Jerayawara untuk bimbingan pentadbir sekolah

Pembinaan Item pentaksiran formatif yang menyokong Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) untuk guru BM, BI dan Matematik; serta

Pelaksanaan jalinan kerjasama komuniti dalam menyokong penguasaan literasi dan numerasi murid.

### 2.1.2 PEMBERIAN AUTONOMI KEPADA SEKOLAH RENDAH YANG DIKENAL PASTI DALAM PELAKSANAAN INTERVENSI PLaN

PLaN ialah program intervensi untuk memastikan murid dapat menguasai tahap penguasaan minimum literasi dan numerasi yang ditetapkan. Pada tahun 2022 PLaN telah diperluaskan ke semua sekolah rendah di seluruh negara



## 2.1.1 Peningkatan Tahap Penguasaan Minimum 419 Sekolah Fokus yang Mempunyai 30 hingga 70 Peratus Murid Tahap 1 dalam Penguasaan Bahasa Melayu (BM), Bahasa Inggeris (BI) dan Matematik

### **Pembinaan Bahan Bantu Belajar Murid (BBBM) BM, BI dan Matematik untuk Kegunaan Murid Tahun 2 dan Tahun 3 (sesi 2023)**

BBBM telah dibangunkan bagi menyokong aktiviti pembelajaran literasi dan numerasi mata pelajaran BM, BI dan Matematik mengikut tahap penguasaan (TP) murid, iaitu TP1 hingga TP3 khusus bagi murid Tahun 2 dan 3. BBBM telah dimuat naik ke laman sesawang PLaN melalui *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) KPM untuk kegunaan guru Tahun 2 dan Tahun 3 yang dapat disesuaikan dalam aktiviti PdP mengikut TP murid dengan menggunakan pendekatan terbeza dan mengadaptasi bahan yang telah disediakan.

### **Penyebaran dan Pemeraksanaan Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza (MoLIB) Literasi dan Numerasi untuk guru BM, BI dan Matematik**

MoLIB Literasi dan Numerasi dimantapkan berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) (Semakan 2017). Seramai 107 guru BM dan 68 guru Matematik telah menghadiri bengkel pemeraksanaan MoLIB (bersemuka) dan dilantik sebagai Jurulatih Utama (JU) dan Rakan MoLIB. Manakala seramai 1,709 orang guru BM dan 1,615 orang guru Matematik menghadiri kursus penyebaran MoLIB secara dalam talian.

### **Jerayawara PLaN untuk Bimbingan Pentadbir Sekolah FUFT**

Jerayawara PLaN telah diadakan bagi meningkatkan kefahaman pemimpin sekolah tentang pengoperasian PLaN. Seramai 151 pemimpin sekolah, serta 577 JPN/ PPD/ *School Improvement Partner Plus* (SIP+)/ SISC+, 392 penolong kanan/ ketua panitia dan 1,490 guru besar mengikuti jerayawara.

### **Pembinaan Item Pentaksiran Formatif yang Menyokong Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) untuk Guru BM, BI dan Matematik**

Pembinaan item pentaksiran formatif yang menyokong PBD untuk guru BM, BI dan Matematik membolehkan guru membina item PBD dengan tepat dan menepati standard pembelajaran dalam DSKP. Usaha ini dapat memastikan murid menguasai sekurang-kurangnya tahap minimum. Satu modul pembinaan item dihasilkan untuk kegunaan guru sebagai panduan membina item formatif yang menyokong PBD. Sebanyak 400 item pentaksiran telah dihasilkan bagi BM, BI dan Matematik manakala *Modul Impact* dihasilkan untuk kegunaan guru.

### **Pelaksanaan Jalinan Kerjasama Komuniti untuk Menyokong Penguasaan Literasi dan Numerasi Murid**

Pelaksanaan jalinan kerjasama dengan ibu bapa/ penjaga untuk menyokong penguasaan literasi dan numerasi murid untuk membantu anak-anak semasa mereka berada di rumah dengan pembekalan kit/ modul intervensi.

## 2.1.2 Pemberian Autonomi Kepada Sekolah Rendah yang Dikenal Pasti dalam Pelaksanaan Intervensi PLaN

*Pelaksanaan intervensi yang meningkatkan penguasaan literasi dan numerasi*

### Mekanisme:

- Memberi autonomi kepada sekolah mengenal pasti intervensi yang bersesuaian mengikut keperluan murid dan konteks sekolah
- Memperkasakan peranan JPN & PPD: memberi sokongan, khidmat kepakaran, prasarana dan sumber mengikut keperluan



## Melangkah ke Hadapan

Pada tahun 2023, KPM meneruskan PLaN bagi **392 sekolah** yang mempunyai 30 peratus ke atas murid yang masih belum menguasai tahap penguasaan minimum BM, BI dan Matematik.

Usaha akan difokuskan kepada aspek peningkatan kompetensi pemimpin sekolah, guru BM, BI dan Matematik serta penguasaan kemahiran murid Tahap I.



## 2.2 PEMARTABATAN PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

Inisiatif Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu dibangunkan dan dilaksanakan demi menjulang martabat bahasa kebangsaan negara Malaysia dalam dunia Pendidikan. Dalam mencapai visi inisiatif iaitu keterampilan berbahasa Melayu murid, kompetensi guru Bahasa Melayu diutamakan supaya PdP Bahasa Melayu berkesan berpandukan Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM).

Pada tahun 2022, inisiatif ini memberi tumpuan kepada:

### 2.2.1 PENGGUNAAN KSBM SECARA MENYELURUH SEBAGAI STANDARD KOMPETENSI BAHASA MELAYU

### 2.2.2 PENINGKATAN KOMPETENSI GURU BAHASA MELAYU BUKAN OPSYEN

Pelaksanaan Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru (UPBMG) berdasarkan Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM).

### 2.2.3 PEMANTAPAN KEMAHIRAN BERBAHASA MURID TINGKATAN 4 DAN 5 MELALUI AKTIVITI DALAM DAN LUAR BILIK DARJAH SECARA BERFOKUS

## 2.2.1 Penggunaan KSBM Secara Menyeluruh sebagai Standard Kompetensi Bahasa Melayu


Perakuan dan pengiktirafan KSBM oleh Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai dokumen rujukan standard kompetensi berbahasa dalam kalangan pengguna bahasa Melayu dalam dan luar Malaysia dan digunakan secara menyeluruh pada 2022.

Pengiktirafan KSBM sebagai rujukan utama piawaian bahasa Melayu dalam pendidikan:

- Format baharu kertas Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
- UPBMG bagi guru bukan opsyen Bahasa Melayu



Eksibit 2.2: Kerangka hala tuju pendidikan Bahasa Melayu



Eksibit 2.3: Deskriptor Standard Kompetensi Berbahasa

PERINGKAT	TAHAP	KOMPETENSI
<b>PEMEROLEHAN DAN PENGUSAHAAN BAHASA</b>	<b>TINGGI</b>	<b>6 SANGAT CEKAP</b> Berupaya untuk menjana idea baharu berdasarkan bahan yang mengandungi maklumat kompleks dengan menggunakan Bahasa Melayu tinggi dan berbudaya
		<b>5 CEKAP</b> Berupaya untuk menilai maklumat daripada pelbagai bahan dengan menggunakan Bahasa Melayu tinggi dan berbudaya
	<b>PERTENGAHAN</b>	<b>4 MEMUASKAN</b> Berupaya untuk merumuskan idea berdasarkan perbincangan dan teks yang kompleks dengan menggunakan laras bahasa dan wacana secara bertatasusila
		<b>3 MEMADAI</b> Berupaya untuk menyampaikan maklumat berdasarkan teks yang lazim dan diminati dengan menggunakan pelbagai jenis dan ragam ayat
	<b>ASAS</b>	<b>2 TERBATAS</b> Berupaya untuk menerangkan tentang perihal kejiranan dan aktiviti harian dengan menggunakan kata hubung, ayat mudah dan lazim untuk berkomunikasi
		<b>1 SANGAT TERBATAS</b> Berupaya untuk menyatakan perihal diri dan keluarga dengan menggunakan symbol, perkataan, frasa mudah dan lazim

## 2.2.2 Peningkatan Kompetensi Guru Bahasa Melayu Bukan Opsyen

### Pelaksanaan UPBMG berdasarkan KSBM

6432 guru Bahasa Melayu bukan opsyen telah menduduki UPBMG bagi menilai tahap penguasaan kompetensi berbahasa guru tersebut. Berdasarkan kriteria penentuan standard berbahasa dalam KSBM, kategori guru perlu mencapai sekurang-kurangnya Tahap 5. Guru yang tidak mencapai standard kompetensi berbahasa Tahap 5 akan diberi intervensi secara terancang. Data menunjukkan 43.6% guru Bahasa Melayu bukan opsyen mencapai standard kompetensi berbahasa yang ditetapkan iaitu Tahap 5.

Eksibit di bawah menunjukkan keputusan pencapaian guru mengikut tahap dalam UPBMG.

Eksibit 2.4: Pencapaian UPBMG Tahun 2022 Secara Keseluruhan (Empat Kemahiran)

TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3	TAHAP 4	TAHAP 5	TAHAP 6	CALON UPBMG
0	1	88	3536	2807	0	6432

Eksibit 2.5: Pencapaian UPBMG Tahun 2022 Mengikut Kemahiran


KEMAHIRAN	TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3	TAHAP 4	TAHAP 5	TAHAP 6	CALON UPBMG
BERTUTUR	0	4	175	2130	3991	132	6432
MEMBACA	0	5	69	772	3350	2236	6432
MENULIS	6	664	3533	2114	115	0	6432
MENDENGAR	0	0	38	1283	4961	150	6432

## 2.2.3 Pemantapan Kemahiran Berbahasa Murid Tingkatan 4 dan 5 Melalui Aktiviti Dalam dan Luar Bilik Darjah Secara Berfokus

### a. Aktiviti Dalam Bilik Darjah

#### Manual Kecemerlangan Bahasa Melayu (MKBM)

Pelaksanaan program ini berjaya melatih 200 orang guru Bahasa Melayu daripada 200 buah sekolah yang dipilih daripada lapan buah negeri, iaitu Johor, Pulau Pinang, Kedah, Sabah, Sarawak, Selangor, Pahang dan Perak. Pemilihan sekolah berdasarkan gred purata mata pelajaran bahasa Melayu sekolah pada nilai 5.0-7.0 (kategori lemah).



## MURID TINGKATAN 5

Manual Kecemerlangan Bahasa Melayu (MKBM) telah dibangunkan dan dijadikan panduan bagi melatih guru-guru Bahasa Melayu menggunakan alat berfikir untuk menjana idea dalam proses PdP dengan mempelbagaikan kreativiti dan teknik PdP Bahasa Melayu yang membolehkan murid meningkatkan kemahiran menulis. Seramai 200 guru Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5 telah terlibat. Matlamat utama aktiviti ini adalah untuk meningkatkan keputusan peperiksaan Bahasa Melayu SPM agar mendapat sekurang-kurangnya Gred C (kepujian).

Dapatan awal menunjukkan bahawa 88.9% guru yang menggunakan MKBM dapat membantu meningkatkan penguasaan penulisan dalam karangan murid.

Eksibit 2.6: Taburan Sekolah Terpilih Menggunakan Manual Kecemerlangan Bahasa Melayu Mengikut Negeri



## Pembelajaran Bahasa Melayu Berasaskan Projek (PBMP)

PBMP merupakan satu kaedah PdP untuk meningkatkan keterampilan berbahasa murid. Kaedah ini mengaplikasikan dan menggabungkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari daripada pelbagai disiplin ilmu untuk menguasai kemahiran berbahasa melalui aktiviti berasaskan projek.


Eksibit 2.7: Pencapaian Terbaik Projek Yang Dilaksanakan oleh Murid

NEGERI	AKTIVITI PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU BERASASKAN PROJEK (PBMP)
KELANTAN	Projek BIJAK Emosi (BIJAK Jati Diri Artikulasi)
PAHANG	Majlis Citra Warisan SMK Teluk Chempedak, Kuantan
PERAK	Kolokium Pembelajaran Bahasa Melayu Berasaskan Projek (PBMP)
PERLIS	Persembahan video yang bertema di SK LKTP Chuping, Perlis
MELAKA	Projek Usahawan Cili Padi di SK Datuk Hj Baginda
SELANGOR	Projek Bertemakan Kebudayaan, Kesenian dan Estetika di SJKT Ladang Batu Ampat
NEGERI SEMBILAN	Pameran dan Kolokium di SMK Yam Tuan Radin

Eksibit 2.7 menunjukkan secara ringkas antara aktiviti yang telah dijalankan di beberapa buah negeri. Aplikasi penggunaan bahasa Melayu telah memberi impak kepada murid yang terlibat mengikut keunikan jenis projek yang dirancang dan penggunaan bahan bagi menguji kreativiti murid dalam keterampilan berbahasa.

---

**PBMP merupakan satu kaedah PdP untuk meningkatkan keterampilan berbahasa murid**



Impak pelaksanaan aktiviti ini telah menunjukkan hasil berikut:

- Menampilkan kemenjadian murid dalam kesantunan berbahasa melalui pemilihan kosa kata yang sesuai dalam pembentangan/ penerangan setiap jenis projek dan aktiviti yang menguji keterampilan murid.
- Menarik minat murid terhadap bidang pengacaraan dan penggunaan bahasa mengikut jenis projek.

- iii. Menggalakkan penyzoalan dan merangsang rasa ingin tahu, di samping membantu murid menyumbang idea.
- iv. Peningkatan keyakinan diri murid khususnya murid bukan penutur jati dalam berkomunikasi dan berucap depan khalayak menggunakan bahasa Melayu – melalui lontaran kata-kata gramatis yang tepat, penjanaaan idea menulis salutasi dan pelbagai jenis teks dengan betul dan yakin.
- v. Minat murid bertambah untuk belajar bahasa Melayu serta peningkatan kehadiran ke sekolah demi menjayakan projek.
- vi. Memupuk semangat kerjasama dalam kalangan ahli dan rasa tanggungjawab atas peranan yang diberikan – melalui perbincangan dalam kumpulan untuk menghasilkan teks perbentangan dengan menggunakan bahasa yang betul.
- vii. Perkongsian amalan terbaik kepada warga sekolah yang lain melalui persembahan atau *showcase* dalam aktiviti sekolah dan bulan bahasa.



## b. Aktiviti Luar Bilik Darjah

### Karnival Keterampilan Bahasa Bitara Peringkat Kebangsaan

Pelaksanaan Karnival Keterampilan Bahasa Bitara berfungsi sebagai aktiviti penggalakan untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid. Karnival ini menyokong pelaksanaan Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu (PIKeBM) yang telah diwajibkan di semua sekolah KPM. Karnival yang mengandungi empat cabang aktiviti ini melibatkan konsep berikut:

#### i. Cabaran Bicara Kreatif

Cabaran ini memberi ruang dan peluang kepada murid-murid sekolah untuk berkongsi pendapat, cerita, perasaan dan pengalaman mereka secara kreatif berdasarkan topik dan tema. Tujuan cabaran ini untuk membantu mengembangkan potensi dan meningkatkan keyakinan murid ketika berkomunikasi serta berfikir kritis, kreatif dan inovatif.

#### ii. Cabaran Penglipur Lara

Cabaran ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran lisan dan merangsang imaginasi murid. Cabaran Penglipur Lara akan merangsang murid menggunakan bahasa, pergerakan dan mimik muka yang sesuai dengan jalan cerita. Cerita yang berunsurkan nilai murni dan sarat dengan pengajaran juga dapat membentuk peribadi murid kepada sifat-sifat yang positif.


#### iii. Cabaran Wartawan Muda

Cabaran ini bertujuan untuk mengasah kemahiran dan mengetengahkan bakat kewartawanan murid di samping meningkatkan keyakinan berhadapan dengan kamera dan bertutur secara bersahaja dan spontan.

#### iv. Cabaran Monolog

Cabaran ini berkonsepkan percakapan oleh seorang penutur sahaja. Cabaran ini memupuk kebolehan murid menyampaikan harapan ataupun keinginan yang dimiliki seseorang terhadap sesuatu isu atau persoalan yang diberikan dalam sesebuah persembahan dengan tujuan meluahkan perasaan dan isi hati yang diterjemahkan melalui lontaran suara.

Eksibit 2.8: Jumlah Penyertaan Keseluruhan Mengikut Cabaran Peringkat Kebangsaan



Eksibit 2.9: Keputusan Pemarkahan Murid Sekolah Rendah (SR) dan Menengah (SM) dalam Karnival Ketrampilan Bahasa Bitara 2022

SKALA MARKAH	JUMLAH MURID (SR)	JUMLAH MURID (SM)
90-100	0	0
80-89	23	41
65-79	212	346
50-64	1645	2117
30-49	2001	747
0-29	16	2

Pelaksanaan Karnival Keterampilan Bahasa Bitara secara keseluruhannya telah berjaya meningkatkan tahap keterampilan berbahasa murid melalui pelibatan mereka dalam aktiviti kebahasaan. Sebanyak 3,897 (48.24%) murid sekolah rendah dan 3,553 (76.97%) murid sekolah menengah mencapai sekurang-kurangnya 50 markah.

## Melangkah ke Hadapan

Pada tahun 2023, KPM merancang untuk:

1. meningkatkan bilangan guru BM bukan opsyen yang menduduki UPBMG dan mencapai Tahap 5,
2. memberi intervensi kepada guru yang tidak mencapai Tahap 5 UPBMG,
3. memperluas penggunaan Manual Kecemerlangan Bahasa Melayu (MKBM), dan
4. menggalakkan pembelajaran bahasa Melayu berasaskan projek di semua sekolah

## 2.3 PENGUKUHAN PENDIDIKAN BAHASA INGGERIS

Pada tahun 2022, Inisiatif Penguatan Pendidikan Bahasa Inggeris masih diteruskan bagi memantapkan penguasaan bahasa Inggeris murid dan guru berdasarkan piawaian antarabangsa *Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)*. Inisiatif ini masih meneruskan aktiviti bagi mewujudkan ekosistem imersif bahasa Inggeris pada peringkat sekolah rendah, meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris murid melalui mata pelajaran Sains dan Matematik, serta memastikan semua guru bahasa Inggeris mencapai tahap CEFR C1.

Sepanjang tahun 2022, usaha inisiatif penguatan pendidikan bahasa Inggeris telah bertumpu kepada:

### 2.3.1 PENINGKATAN PENGUASAAN BAHASA INGGERIS MURID UNTUK MENCAPAI SASARAN MENGIKUT TAHAP CEFR

*Highly Immersive Programme (HIP)*

*Dual Language Programme (DLP)*

### 2.3.2 PENINGKATAN PROFISIENSI DAN KOMPETENSI GURU OPSYEN BAHASA INGGERIS MENCAPAI TAHAP CEFR C1

*Professional Upskilling for English Language Teachers (Pro-ELT)*


Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah (PPKBIS)

## 2.3.1 Peningkatan Penguasaan Bahasa Inggeris Murid Untuk Mencapai Sasaran Mengikut Tahap CEFR

### *Highly Immersive Programme (HIP)*

Program HIP telah diadakan bagi menyediakan satu persekitaran yang menggalakkan murid berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris di dalam dan luar bilik darjah. Semua sekolah telah melaksanakan program HIP dengan kerjasama agensi bukan kerajaan (NGO), swasta dan komuniti. Hasil aktiviti ini telah menunjukkan peningkatan pencapaian tahap imersif yang tertinggi untuk 10,231 sekolah KPM. Sebanyak 96% berada di tahap 3 dan 4.

Eksibit 2.10: Trend Pencapaian Tahap Imersif Sekolah KPM sejak tahun 2019



Sumber : English Language Teaching Centre



Buku *HIP Best Practices and Innovation* telah diterbitkan pada tahun 2022 yang memaparkan amalan terbaik aktiviti Bahasa Inggeris bawah program HIP.

### Dual Language Programme (DLP)


Untuk meningkatkan pencapaian murid dalam penguasaan bahasa Inggeris melalui program DLP, fokus diberikan kepada 3 elemen utama:

- i. Membina bahan digital sokongan untuk murid dalam bentuk video dan bahan belajar
  - a) Video pengajaran dan pembelajaran (PdP) telah disediakan untuk mata pelajaran Sains dan Matematik yang merangkumi topik yang terkandung dalam sukatan mata pelajaran Sains dan Matematik. Video tersebut telah dimuat naik ke dalam laman sesawang EduWebTV KPM.
  - b) Bahan Sokongan Murid Matematik DLP Tahun 4 dan 5 Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah dibangunkan dengan kerjasama guru-guru pakar dari sekolah dan telah dimuat naik ke dalam laman sesawang rasmi ELTC dalam bentuk digital supaya mudah dicapai dan muat turun bagi kegunaan para guru dan juga murid sebagai bahan tambahan selain buku teks sedia ada.
- ii. Memantapkan penguasaan bahasa Inggeris guru Sains dan Matematik melalui empat (4) tahap iaitu *Language Awareness*, *Advanced*, *Reinforcement* dan *Enrichment* bagi meningkatkan kompetensi PdP mata pelajaran Sains dan Matematik.
- iii. Mengadakan sesi libat urus bersama-sama pemimpin sekolah bagi melancarkan pelaksanaan program DLP.

Eksibit 2.11: Pencapaian SPM BI sekolah yang terlibat dalam DLP

TAHUN	PERATUS
2021	87.5%
2022	83.8%

(Sumber: English Language Teaching Centre)




Memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris guru Sains dan Matematik melalui 4 tahap iaitu *Language Awareness*, *Advanced*, *Reinforcement* dan *Enrichment* bagi meningkatkan kompetensi PdP mata pelajaran Sains dan Matematik

## 2.3.2 Peningkatan Profisiensi dan Kompetensi Guru Opsyen Bahasa Inggeris

### *Professional Upskilling for English Language Teachers (Pro-ELT)*

Program *Professional Upskilling of English Language Teachers (Pro-ELT)* bertujuan untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan guru opsyen Bahasa Inggeris (BI) mencapai tahap minimum CEFR C1. Hasil daripada program Pro-ELT ini yang bermula sejak tahun 2014 telah menunjukkan peningkatan jumlah guru yang menguasai tahap CEFR C1.

Eksibit 2.12: Jumlah Kumulatif Guru Opsyen Bahasa Inggeris yang Menguasai Tahap CEFR C1



(Sumber: e-Operasi)

Seramai 6,030 guru Bahasa Inggeris telah diberi latihan sokongan secara berterusan oleh ELTC dan fasilitator. Latihan ini merangkumi:

- pembelajaran tidak segerak iaitu lima (5) modul latihan di portal IMPROVE melalui Learning Management System (LMS) *OpenLearning* yang merangkumi enam komponen bahasa, iaitu *Grammar, Vocabulary, Listening, Speaking, Reading dan Writing*. Kandungan modul latihan meliputi sumber rujukan seperti nota dan video pembelajaran serta latihan dalam bentuk tugasan, kuiz, perbincangan dan penilaian sumatif;
- pembelajaran segerak, iaitu sesi Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) yang dijalankan dalam talian bersama fasilitator. PLC merangkumi perbincangan pelaksanaan kursus dalam talian, cara meningkatkan pencapaian, sesi bacaan tambahan dan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan untuk *self-improvement*;
- instrumen penilaian sendiri pada akhir pembelajaran setiap modul latihan *OpenLearning*; dan
- toolkit* pembelajaran sendiri yang disediakan menggunakan aplikasi pembelajaran dalam talian (pautan disertakan dalam setiap modul latihan *OpenLearning*).

Setelah tamat latihan, jumlah jam pembelajaran yang diikuti direkod sebagai mata kredit dalam Sistem Pengurusan Latihan KPM (SPLKPM) bawah Modul Individu; 'Pembelajaran Kendiri Aktiviti e-Pembelajaran' dan 'PLC'. Peserta juga akan menerima sijil penyertaan setelah melengkapkan kesemua bahan pembelajaran yang disediakan dalam modul latihan *OpenLearning*. Pada akhir latihan, peserta wajib menduduki satu ujian profisiensi BI pasca latihan.

## Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah (PPKBIS)

Seramai 109 orang Guru BI Tingkatan 4 di sekolah yang memerlukan intervensi bahasa Inggeris atau dikenali sebagai sekolah Hotspot, telah diberi bimbingan dan sokongan melalui Bengkel School Support Plan PPKBIS secara atas talian (Fasa 1) dan bersemuka (Fasa 2). Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kaedah pedagogi berkesan dalam meningkatkan kemahiran murid dalam penulisan.

Amalan terbaik kreativiti dan inovasi guru dalam meningkatkan pencapaian murid telah dibukukan dalam 2 siri buku, “*Best Practices: Teachers’ Initiative from PPKBIS 2020*” dan “*Best Practices: Teachers’ Initiative from PPKBIS 2021*”. Penerbitan dua buah buku ini boleh dijadikan sebagai rujukan atau cetusan idea buat guru-guru di sekolah dalam melaksanakan intervensi kepada murid-murid mereka..

Eksibit 2.13: Pencapaian Bahasa Inggeris SPM Murid Sekolah Hotspot

TAHUN	PENCAPAIAN SEKOLAH HOTSPOT YANG DILATIH
2021	44.7% (Format Baharu)
2022	46%

(Sumber: English Language Teaching Centre)

## Melangkah ke Hadapan

- Peningkatan Penguasaan Bahasa Inggeris Murid untuk Mencapai Sasaran mengikut tahap CEFR.**
  - Sebanyak 2,420 buah sekolah, iaitu 1,613 buah sekolah rendah dan 807 buah sekolah menengah akan meneruskan program DLP.
  - Kursus Sokongan Bahasa Inggeris *Improve with DLP* kepada guru-guru Sains dan Matematik dari sekolah DLP akan diteruskan.
  - Remedial instruction* (RI) mula dilaksanakan untuk murid Tahun 4 pada tahun 2023 di 1,221 buah sekolah yang disasarkan untuk memastikan murid tidak tercicir dalam pembelajaran BI. RI bertujuan membantu murid tersebut mencapai tahap CEFR A1.
- Peningkatan profisiensi Guru Opsyen Bahasa Inggeris mencapai tahap CEFR C1.**
  - Program PPKBIS akan diteruskan di 100 buah sekolah *hotspot*.
  - 6,030 guru BI akan menduduki ujian profisiensi BI untuk mencapai sekurang-kurangnya tahap minimum CEFR C1.

## 2.4 PEMBUDAYAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM PEMBELAJARAN ABAD KE-21

Inisiatif Pembudayaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pembelajaran Abad ke-21 telah diperkenalkan untuk memperkukuh kemahiran murid untuk mengaplikasikan pengetahuan dan KBAT dalam menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi, dan mencipta. Inisiatif ini bertujuan untuk menempatkan negara berada dalam kedudukan sepertiga teratas dalam penilaian antarabangsa menjelang 2025.

Usaha juga diteruskan untuk meningkatkan kompetensi dan profesionalisme guru dalam penghasilan soalan pentaksiran bercirikan KBAT. Oleh itu, Kementerian komited untuk memberikan sokongan dan latihan yang diperlukan kepada guru untuk memperkukuhkan kemahiran mereka dalam menyampaikan pengajaran yang efektif. Kementerian juga berusaha untuk memperkasakan infrastruktur ICT pada peringkat sekolah bagi menyokong pembudayaan KBAT dalam Pdp.

Pada tahun 2022, fokus inisiatif ini:

### 2.4.1 PENYEDIAAN MURID DALAM MENGHADAPI PENTAKSIRAN ANTARABANGSA

Penyediaan Pentaksiran Kompetensi dan Literasi (PKL) untuk sekolah rendah dan menengah sebagai alat mengukur kesediaan murid dalam pentaksiran antarabangsa.

### 2.4.2 PEMBUDAYAAN KBAT GURU DAN MURID

Penilaian tahap pembudayaan guru dan murid melalui Instrumen Standard Penilaian Pembudayaan KBAT (ISPPK).

Pertandingan video dokumentari KBAT.

## 2.4.1 Penyediaan Murid dalam Menghadapi Pentaksiran Antarabangsa

### Penyediaan PKL untuk SR dan SM

Hasrat Kementerian adalah untuk menempatkan Malaysia dalam kedudukan sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa menjelang 2025. Bagi mencapai hasrat tersebut, 70 peratus murid yang menduduki pentaksiran tersebut perlu mencapai sekurang-kurangnya skor minima 600. Namun, pencapaian murid masih belum mencapai tahap yang dihasratkan berdasarkan PKL yang dijalankan pada setiap tahun. Bagi tahun 2022, pencapaian PKL adalah seperti Eksibit 2.14.



Eksibit 2.14: Pencapaian Murid Tahun 4 dan Tingkatan 1 dalam Pentaksiran Kompetensi dan Literasi Bacaan, Kewangan, Sains dan Matematik bagi tahun 2022

LITERASI	BILANGAN SAMPEL	SAMPEL YANG MENCAPAI SKOR 600 DAN KE ATAS	PERATUS (%)
BACAAN TAHUN 4	48,505	9,136	18.84
KEWANGAN TAHUN 4	52,260	9,965	19.07
MATEMATIK TAHUN 4	49,353	4,385	8.88
SAINS TAHUN 4	49,464	3,395	6.86
BACAAN TINGKATAN 1	22,458	9,900	44.08
KEWANGAN TINGKATAN 1	24,096	4,856	20.15
MATEMATIK TINGKATAN 1	24,641	1,076	4.37
SAINS TINGKATAN 1	24,673	907	3.68

Daripada pelaksanaan PKL 2022, dapatan menunjukkan bahawa peratus murid yang mencapai skor 600 dan ke atas masih di bawah tahap 70 peratus.

Dalam usaha Kementerian untuk mencapai peningkatan peratus tersebut, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan. Bengkel Kerja KBAT dalam PdP Sains dan Matematik bagi sekolah menengah telah diadakan di seluruh negara antara bulan Ogos dan Oktober 2022. Bengkel ini melibatkan JU yang terdiri daripada Pegawai JPN, SISC+, dan Guru Cemerlang. Bengkel ini memberikan pendedahan tentang modul baharu kepada guru dalam menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi, dan mencipta.

Selain itu, sebanyak 500 item pentaksiran KBAT turut dihasilkan bagi domain Bacaan, Matematik, Kewangan, dan Saintifik yang melibatkan panel pembina item sekolah rendah dan menengah. Penataran Dokumen Pentaksiran KBAT juga telah dilaksanakan mengikut zon (Selatan dan Timur; Utara dan Tengah; Sabah, Labuan, dan Sarawak) bermula September hingga Oktober 2022.

Kementerian juga telah membekalkan peralatan ICT seperti komputer riba yang mencukupi melalui Projek Perkhidmatan Sewaan Perkakasan ICT Secara Sewa Guna (*Lease to use*) ke sekolah terpilih.



**Bengkel ini memberikan pendedahan tentang modul baharu kepada guru dalam menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi, dan mencipta**

## 2.4.2 Pembudayaan KBAT Guru dan Murid

### Penilaian Tahap Pembudayaan Guru dan Murid Melalui Instrumen Standard Penilaian Pembudayaan KBAT (ISPPK)

Kementerian telah membangunkan Instrumen Standard Penilaian Pembudayaan KBAT ISPPK dalam PdP untuk guru dan murid. Instrumen ini menilai tahap pembudayaan KBAT di sekolah dari aspek Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan, PdP Guru dan Murid, serta Kokurikulum. Dapatan ISPPK bertujuan membantu sekolah merancang tindakan susulan untuk meningkatkan pembudayaan KBAT dalam PdP guru dan murid.

Pada tahun 2022, sebanyak 306,363 guru telah dinilai menggunakan Instrumen ISPPK dalam PdP. Daripada jumlah tersebut, 96.28% guru mencapai tahap Baik dan Cemerlang dalam PdP berasaskan KBAT.

Eksibit 2.15: Pencapaian Guru dalam Pembudayaan KBAT

NEGERI	JUMLAH RESPONS (DATA BERSIH)	SEKURANG-KURANGNYA TAHAP BAIK ( $\geq 61\%$ ) PEMBUDAYAAN KBAT DALAM PdP	PERATUS PENCAPAIAN SEKURANG-KURANGNYA TAHAP BAIK (%)	TAHAP CEMERLANG ( $\geq 81\%$ ) PEMBUDAYAAN KBAT DALAM PdP	PERATUS PENCAPAIAN TAHAP CEMERLANG (%)
PERLIS	3,615	3,554	98.31	1,898	52.50
KEDAH	25,263	24,729	97.89	12,587	49.82
PULAU PINANG	15,331	15,030	98.04	7,985	52.08
PERAK	31,195	30,140	96.62	14,036	44.99
SELANGOR	42,574	40,952	96.19	21,208	49.81
KUALA LUMPUR	12,001	11,437	95.30	5,097	42.47
PUTRAJAYA	128	124	96.88	78	60.94
NEGERI SEMBILAN	12,966	12,604	97.21	6,193	47.76
MELAKA	8,948	8,562	95.69	3,844	42.96
JOHOR	39,104	36,226	92.64	12,571	32.15
PAHANG	19,346	18,826	97.31	9,642	49.84
TERENGGANU	17,998	17,494	97.20	6,471	35.95
KELANTAN	24,374	23,854	97.87	10,502	43.09
SARAWAK	28,677	27,578	96.17	9,954	34.71
LABUAN	1,034	1,015	98.16	486	47.00
SABAH	23,809	22,840	95.93	10,255	43.07
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>306,363</b>	<b>294,965</b>	<b>96.28%</b>	<b>132,807</b>	<b>43.35</b>

**96.28%**  
guru mencapai tahap Baik dan Cemerlang dalam PdP berasaskan KBAT



## Pertandingan Video Dokumentari KBAT 2022

Pertandingan Video Dokumentari KBAT 2022 telah diadakan pada November 2022 bertujuan mewujudkan platform untuk para murid Sekolah Berasrama Penuh (SBP) menunjukkan idea kreatif kefahaman KBAT dalam bahan pembelajaran. Pertandingan ini telah menerima sebanyak 57 penyertaan secara berkumpulan. Senarai pemenang 2 kategori yang dipertandingkan adalah seperti yang berikut:

### Kategori Menengah Atas

Pertama: SM Sains Hulu Terengganu  
Kedua: Kolej Melayu Kuala Kangsar  
Ketiga: Kolej Melayu Kuala Kangsar

### Kategori Menengah Rendah

Pertama: Kolej Melayu Kuala Kangsar  
Kedua: SM Sains Raja Tun Azlan Shah  
Ketiga: SM Sains Rembau



## Melangkah ke Hadapan

Fokus tahun 2023 ialah:

1. Kesinambungan ISPPK sebagai alat penilaian pembudayaan KBAT oleh guru dan murid.
2. Pembinaan item KBAT diteruskan dan boleh diakses oleh guru dan murid.
3. Pembangunan platform digital untuk memenuhi keperluan pembelajaran KBAT dan memastikan aksesibiliti yang lebih luas.
4. Penghasilan video interaktif dan animasi untuk mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih menarik dan interaktif seterusnya meningkatkan pemahaman, pengaplikasian pengetahuan dan KBAT.
5. Peluasan Pertandingan Video Dokumentari KBAT juga akan dilaksana dengan membuka penyertaan kepada semua murid peringkat menengah di seluruh negara.



**Penghasilan video interaktif dan animasi untuk mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih menarik dan interaktif seterusnya meningkatkan pemahaman, pengaplikasian pengetahuan dan KBAT**

## 2.5 PENGUKUHAN PENDIDIKAN STEM

Inisiatif Pengukuhan Pendidikan STEM diperkenalkan bagi memastikan murid dilengkapi kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi cabaran dunia yang sedang berubah dengan pengaplikasian Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Usaha ini adalah selari dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 yang menggariskan pembangunan kumpulan bakat sains, teknologi dan inovasi (STI) yang kompeten dan mencukupi bagi mentransformasikan negara daripada pengguna teknologi kepada pembangun teknologi.

Inisiatif Pengukuhan Pendidikan STEM memberikan tumpuan kepada pemupukan minat murid melalui pendekatan pembelajaran yang baharu, peningkatan kemahiran dan kebolehan guru bidang STEM dan kesedaran terhadap STEM dalam kalangan murid, ibu bapa dan orang awam.

Pada tahun 2022 fokus inisiatif ini adalah seperti yang berikut:

### 2.5.1 PENINGKATAN KESEDARAN DAN PEMBUDAYAAN STEM DALAM KALANGAN MURID

### 2.5.2 PEMANTAPAN PEDAGOGI GURU BIDANG STEM YANG BERFOKUSKAN PENDIDIKAN STEM BERSEPADU SERTA PENDEKATAN BERASASKAN INKUIRI DAN PROJEK

### 2.5.3 PENINGKATAN PENGETAHUAN GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING TENTANG KERJAYA BIDANG STEM TERKINI

### 2.5.4 PENGUKUHAN KERJASAMA STRATEGIK PEMEGANG TARUH BAGI MELAKSANAKAN PROGRAM STEM


## 2.5.1 Peningkatan Kesedaran dan Pembudayaan STEM dalam Kalangan Murid

Pelbagai program telah dilaksanakan pada tahun 2022 untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan bidang STEM, kebersandaran antara bidang STEM, pengaruh sains dan teknologi terhadap masyarakat dan alam semula jadi, serta pengalaman autentik untuk menyelesaikan masalah sebenar dalam kalangan murid.

Aktiviti yang dilaksanakan ialah:

- **Sambutan Hari Sains Sedunia untuk Keamanan dan Pembangunan (*World Science Day for Peace and Development*)** yang bertemakan "*Basic Sciences for Sustainable Development*" telah dianjurkan dengan kerjasama *Young Scientist Network* - Akademi Sains Malaysia (YSN-ASM).
- **Sambutan Hari Matematik Antarabangsa** yang bertemakan '*Mathematics Unites*' yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dalam kalangan masyarakat umum tentang kepentingan matematik dalam pendidikan dan meningkatkan akses kepada maklumat tentang peranan matematik kepada kehidupan. Sambutan ini telah diadakan menggunakan platform YouTube dan Facebook Pusat STEM Negara dan telah berjaya menarik minat hampir 70,000 penonton. Seramai 48,000 peserta terdiri daripada murid sekolah rendah dan menengah telah menyertai sambutan tersebut.

- **Pembangunan Modul Matematik dalam Konteks Aplikasi untuk Sekolah Rendah dan Menengah** menggunakan pendekatan '*backward design*' dan memberi penekanan khusus kepada ABC (*activity before concept*). Modul ini memperkenalkan konsep dalam konteks realistik bagi menepis tanggapan umum bahawa matematik ialah nombor, prosedur dan abstrak. Setiap aktiviti dalam modul ini akan menjelaskan hubungan aktiviti dengan:
  - (a) Situasi dalam kehidupan seharian,
  - (b) Topik-topik matematik yang lain; dan/ atau
  - (c) Mata pelajaran lain.
- Sebanyak 64 buah sekolah terlibat dalam **Projek STEM Executive Consultation (STEMEC)**. Projek ini bertujuan untuk memberikan pengalaman pembelajaran STEM bersepadu yang bermakna kepada setiap murid dalam persekitaran pembelajaran yang konduksif. Ia tertumpu kepada kepimpinan untuk pemimpin sekolah dan *Project Based Learning* (PBL) STEM Bersepadu untuk murid. Projek ini juga menggunakan pendekatan Pembangunan Organisasi untuk menerajui sekolah dalam pelaksanaan pendidikan STEM bersepadu dengan melibatkan semua warga sekolah dan komuniti setempat.
- Sebanyak 64 buah sekolah terlibat dalam **Projek STEMEC (PBL STEM Bersepadu)** yang bertujuan memberi panduan kepada pihak sekolah untuk melaksanakan PdP menggunakan Modul Pelaksanaan PBL STEM Bersepadu. Secara keseluruhan didapati PdP STEM yang dilaksanakan di sekolah telah meningkatkan motivasi belajar dalam kalangan murid sama ada di sekolah menengah mahupun di sekolah rendah.
- Program Young STEMist Expo (YSE) melibatkan 64 sekolah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada dron, reka bentuk 3D, reka bentuk laman web, robotik, internet of things (IoT) dan animasi serta bidang bukan STEM iaitu kesenian dan keusahawanan. Program ini menyasarkan sekolah yang mempunyai populasi ramai murid kumpulan B40 dengan kerjasama Kementerian agensi seperti Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Elvira Sdn. Bhd., Chumbaka, Intel Malaysia, Shell, Maxis dan agensi-agensi lain.
- **Kajian Indeks STEM Murid** telah dilaksanakan di seluruh Malaysia melibatkan 26,957 murid Tahun 6, Tingkatan 2 dan Tingkatan 4 secara dalam talian. Tahap pembudayaan STEM murid Malaysia diukur melalui Indeks STEM Murid (ISM), yang merangkumi empat domain utama iaitu PdP, Sikap, Kokurikulum dan Literasi. Dapatan kajian menunjukkan indeks STEM murid seluruh negara mencatatkan 44.09 iaitu tahap rendah. Nilai indeks ini menunjukkan tahap pembudayaan STEM murid adalah sangat lemah. Ini bermakna penilaian murid terhadap persekitaran pembelajaran mereka adalah sangat tidak memberangsangkan, dan komitmen serta sikap murid terhadap pembelajaran Sains dan Matematik tidak memberangsangkan.



## 2.5.2 Pemantapan Pedagogi Guru Bidang STEM yang Berfokuskan Pendidikan STEM Bersepadu serta Pendekatan Berasaskan Inkuiri dan Projek

Pendekatan pembelajaran berasaskan inkuiri dan pendekatan STEM bersepadu ialah komponen penting dalam pedagogi guru STEM. Bahan sumber pengajaran dan PdP turut disediakan sebagai sokongan berterusan kepada guru.

- Seramai 183 orang guru dan **SISC+** telah menyertai **Program Inquiry-Based Science Education (IBSE)** yang dilaksanakan secara hibrid. Modul latihan yang digunakan berdasarkan modul IBSE yang dibangunkan oleh *Fondation La main à la pâte*, Perancis. Program ini berjaya melengkapkan peserta dengan ilmu dan kemahiran berkaitan pendekatan IBSE yang merupakan satu pendekatan pembelajaran yang melibatkan murid dalam proses penyiasaan dan penerokaan. Selain itu, proses inkuiri yang dilalui juga dapat menggalakkan pemikiran kreatif dan kritis serta memberi pengalaman baharu dalam pembelajaran murid di dalam kelas.
- Seramai 100 orang guru Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) sekolah rendah telah menyertai **Program 1,2,3... Code!** dianjurkan oleh Kementerian dengan kerjasama *International Science, Technology and Innovation Centre for South-South Cooperation under the auspices of UNESCO (ISTIC)* dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur. Modul latihan berpandukan *Projet 1,2,3... codez!* oleh *Fondation La main à la pâte*. Program ini bertujuan untuk membekalkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan empat konsep utama dalam sains komputer iaitu *machine, algorithm, language, dan information* menerusi aktiviti *unplugged* yang merupakan satu strategi popular dalam memperkenalkan konsep sains komputer.

---

Proses inkuiri yang dilalui juga dapat menggalakkan pemikiran kreatif dan kritis serta memberi pengalaman baharu dalam pembelajaran murid di dalam kelas



- Seramai 100 orang guru Sains dan Matematik menyertai **Program Inovasi Pendidik** yang merupakan kerjasama antara Kementerian dengan Pusat Sains Negara. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kreativiti serta kemahiran penyampaian PdP guru Sains dan Matematik supaya lebih menarik dan berkesan. Melalui pendekatan pembelajaran sains tidak formal, kaedah PdP Sains dan Matematik secara *hands-on* yang menarik dan menyeronokkan, dapat memupuk minat murid terhadap STEM.
- Seramai 186 orang JU STEM Program Matrikulasi KPM yang telah dilatih melalui **Program STEM Inquiry-based Learning Program Matrikulasi** yang melibatkan pembinaan Modul *STEM Inquiry-based Learning Program Matrikulasi (STEMatic-IBL)* bagi setiap bidang STEM iaitu Kimia, Biologi, Fizik, Matematik, Sains Komputer dan Kejuruteraan. JU tersebut bertanggungjawab membuat latihan dalam perkhidmatan dan membimbing pensyarah di kolej matrikulasi masing-masing.
- **Program STEMinar RBT dan Kimia** yang dianjurkan dengan kerjasama Pusat Kajian Pembudayaan STEM, UKM dan IPG Kampus Pendidikan Teknik serta *American Chemical Society (ACS) Malaysia Chapter* dan *ACS UKM Student Chapter* telah berlangsung melalui platform media sosial rasmi Facebook dan YouTube. Program ini bertujuan untuk mempertingkatkan pengetahuan para peserta berkenaan perkembangan terkini dalam bidang RBT dan Kimia. Program ini juga memberi pendedahan berkaitan aktiviti *hands-on* yang boleh digunakan dalam PdP RBT dan Kimia. Penyertaan webinar terbuka kepada semua terutamanya guru RBT dan Kimia serta murid sekolah menengah.
- Seramai 145 orang guru prasekolah telah mengikuti **Program In\_STEM**. Program ini bertujuan untuk memantapkan pemahaman guru dalam mereka bentuk kandungan yang boleh memupuk minat murid untuk bertanya dan melibatkan diri dalam aktiviti STEM, merancang aktiviti yang menggalakkan murid belajar untuk berfikir untuk menyelesaikan masalah harian dan merancang pentaksiran secara berterusan melalui permainan.
- Seramai 405 orang guru telah mengikuti **bengkel penataran Modul Doing\_STEM**. Peserta terdiri daripada guru mata pelajaran RBT, Sains dan Matematik sekolah rendah. Modul *Doing\_STEM* bertujuan untuk memberikan cadangan aktiviti pengintegrasian bidang Sains, Matematik dan RBT berdasarkan DSKP melalui aktiviti pembelajaran berasaskan projek, serta mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai etika STEM dalam kehidupan sebenar.

---

Melalui pendekatan pembelajaran sains tidak formal, kaedah PdP Sains dan Matematik secara *hands-on* yang menarik dan menyeronokkan, dapat memupuk minat murid terhadap STEM



## 2.5.3 Peningkatan Pengetahuan Guru Bimbingan dan Kaunseling Tentang Kerjaya Bidang STEM Terkini

Peningkatan kesedaran pemegang taruh terhadap kerjaya bidang STEM terkini diperlukan untuk menggalakkan murid memilih aliran STEM. Dapatan enrolmen murid menengah atas yang memilih mata pelajaran bidang STEM adalah sebanyak 40.94%. Kementerian bekerjasama dengan pemegang taruh untuk menyumbang idea, sumber dan kepakaran untuk meningkatkan enrolmen STEM.

Antara program yang dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

- Seramai 6,213 orang peserta telah menyertai Program STEM4ALL: STEM Street 2022 yang bertujuan meningkatkan pengetahuan guru terutama Guru Bimbingan dan Kaunseling terhadap kerjaya bidang STEM. Program ini dilaksanakan bersama-sama rakan strategik Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Teknologi Melaka (UTeM), Universiti Sains Malaysia (USM), UTM dan PPD Sentul, dengan sokongan daripada badan profesional iaitu Institution of Engineers Malaysia (IEM), Board of Engineers Malaysia (BEM), Institution of Engineering and Technology Malaysia (IET Malaysia) dan Malaysian Board of Technologist (MBOT).

---

**Dapatan enrolmen murid menengah atas yang memilih mata pelajaran bidang STEM adalah sebanyak 40.94%**



## 2.5.4 Pengukuhan Kerjasama Strategik Pemegang Taruh bagi Melaksanakan Program STEM

Pelaksanaan inisiatif pengukuhan pendidikan STEM memerlukan kerjasama pemegang taruh untuk merancang secara kolektif dan memperluas peluang pembelajaran demi pemupukan bakat STEM yang kompeten, adaptif dan mencukupi. Pada tahun 2022, KPM telah memperkukuh kerjasama strategik dengan rakan strategik untuk bersama-sama menyumbang idea, sumber dan kepakaran dalam melaksanakan program pendidikan STEM. Rakan strategik yang utama ialah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan agensi di bawahnya, Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM) dan agensi di bawahnya, International Science, Technology and ISTIC, universiti awam, universiti swasta seperti Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Chemical and Bioengineering Technology (UniKL MICET), badan profesional seperti IEM, BEM, MBOT, IET Malaysia, ACS Malaysia Chapter, YSN-ASM, industri serta pelbagai agensi swasta lain.

## Melangkah ke Hadapan

Pada tahun 2023, inisiatif ini akan melaksanakan aktiviti berikut:

1. Peningkatan kesedaran dan pembudayaan STEM dalam kalangan murid melalui pendidikan STEM bersepadu dan kokurikulum.
2. Peningkatan kompetensi guru bidang STEM dalam pelaksanaan pendidikan STEM bersepadu.
3. Pengukuhan kerjasama strategik pemegang taruh bagi melaksanakan program STEM.
4. Pelaksanaan kajian Indeks STEM Murid.

## 2.6 TRANSFORMASI IPG UNTUK MENINGKATKAN KUALITI LATIHAN GURU

Inisiatif Transformasi IPG untuk Meningkatkan Kualiti Latihan Guru berhasrat mentransformasikan profesion keguruan menjadi profesion pilihan. Fokus utama dalam inisiatif ini adalah untuk meningkatkan kualiti IPG seluruh negara melalui pemantapan kompetensi kepimpinan Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK), peningkatan kompetensi pensyarah dan kualiti latihan.

Usaha transformasi IPG sebagai peneraju kecemerlangan pendidikan guru diteruskan pada tahun 2022 dengan berfokus kepada.

### 2.6.1 PENARAFAN KAMPUS IPG BERDASARKAN STANDARD PENARAFAN IPG

### 2.6.2 PEMANTAPAN KOMPETENSI PEMIMPIN IPG BERDASARKAN STANDARD KOMPETENSI KEPEMIMPINAN

### 2.6.3 PENINGKATAN KOMPETENSI PENSYARAH IPG BERDASARKAN STANDARD KUALITI PENSYARAH

### 2.6.4 PENINGKATAN KUALITI MODUL LATIHAN GURU BERDASARKAN STANDARD MODUL DAN GARIS PANDUAN KUALITI LATIHAN IPG




## 2.6.1 Penarafan Kampus IPG berdasarkan Standard Penarafan IPG

KPM telah memantapkan Standard Penarafan IPG (SP IPG) dalam usaha meletakkan tahap dan taraf IPG bagi mencapai visi sebagai peneraju kecemerlangan pendidikan guru. SP IPG ini telah diujarkannya dengan keperluan pematuan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan pematuan ISO 21001 Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan (EOMS) oleh Standards and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM) Quality Assurance Services (QAS) International bertujuan memastikan tahap kualiti yang diguna pakai diiktiraf pada peringkat antarabangsa.

Standard IPGK ditentukan berdasarkan penilaian menyeluruh dalam tujuh (7) dimensi meliputi kualiti kepimpinan, pensyarah, penyelidikan dan inovasi, infrastruktur dan infostruktur, kurikulum, pelajar dan latihan.

Eksibit 2.16: Kerangka Standard Penarafan IPG



Pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 bagi memantapkan penarafan kampus berdasarkan SP IPG. Program yang telah dilaksanakan ialah Program Peningkatan Kompetensi Pelajar IPG, Program Peningkatan Kualiti Program Ijazah Sarjana Perguruan (PISP), Bengkel Pembangunan Rubrik Analitik dan Holistik, Program Peningkatan Kompetensi Penyelidikan Pengurusan IPG serta Program Penghasilan Artikel Jurnal Berimpak Tinggi pada peringkat antarabangsa. Usaha ini telah berjaya meningkatkan tahap penarafan IPGK.

Eksibit 2.17: Antara Muka Sistem myTARAF



Sistem myTARAF telah dibangunkan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengumpulan, analisis dan pelaporan data. Hasil dapatan audit standard penarafan pada tahun 2022, 25 IPGK telah berjaya mencapai tahap baik dan 2 IPGK telah mencapai tahap cemerlang.

Eksibit 2.18: Tahap Pencapaian Standard Penarafan IPG

TAHUN	TAHAP STANDARD (BILANGAN IPG)			
	LEMAH	SEDERHANA	BAIK	CEMERLANG
2021	1	25	1	-
2022	-	-	25	2

## 2.6.2 Pemantapan Kompetensi Pemimpin IPG Berdasarkan Standard Kompetensi Kepemimpinan

Peranan pemimpin IPG sebagai pemimpin instruksional telah dimantapkan dengan ilmu akademik, amalan penyelidikan dan inovasi serta kepakaran bidang di samping kualiti peribadi dan pengurusan sumber melalui beberapa siri kursus peningkatan kompetensi pemimpin IPG.

Antara kursus yang dijalankan ialah Kursus Pemantapan Kompetensi *Middle Leader* bersama-sama Razak School of Government, Kursus Pemantapan Kompetensi, Bengkel Coaching and Mentoring, Program Kompetensi Kapasiti Pedagogi, Pembelajaran Bermakna, Certified Instructional Coach, Certified Coach dan Program Peningkatan Kompetensi Kepimpinan Peringkat Global.

Eksibit 2.19: Kerangka Standard Kompetensi Pemimpin IPG



Sistem Profiling Pemimpin IPG (eMyPro@IPG) telah dibangunkan bagi melancarkan proses profiling kepemimpinan IPG. Melalui sistem ini, data profiling digunakan untuk mengenal pasti elemen-elemen yang perlu ditambah baik oleh para pemimpin IPG dan seterusnya membantu perancangan dan penyusunan aktiviti kursus dan latihan yang lebih berfokus pada masa hadapan.

Pada tahun 2022, 40.7% daripada pemimpin IPG yang diprofilkan telah berjaya mencapai tahap cemerlang.

Eksibit 2.20: Antara Muka Sistem myProfiling (eMyPro@IPG)



## 2.6.3 Peningkatan Kompetensi Pensyarah IPG Berdasarkan Standard Kualiti Pensyarah

Pada tahun 2022, Standard Pencapaian Kualiti Pensyarah IPG (SPKP IPG) telah berjaya dibangunkan. Standard ini merangkumi lapan dimensi utama iaitu kelayakan akademik pensyarah, kepimpinan, reka bentuk dan penyampaian kurikulum, pembangunan profesionalisme berterusan, penulisan dan pengkayaan, penyelidikan dan inovasi, pemanfaatan digital, serta kesukarelawanan dan pembangunan sendiri.

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 dalam usaha meningkatkan lagi kompetensi dan kecemerlangan pensyarah IPG. Antaranya adalah Pembangunan Garis Panduan Kualiti Pensyarah, Kursus GGP:AS (*Guideline to Good Practices Assessment of Student*), Program Peningkatan Kompetensi Insaniah Pensyarah dan Kursus *Certified Officer Quality Assurance (COQA)*.

Hasil audit SPKP IPG pada tahun 2022, 41.1% pensyarah telah mencapai tahap Baik, Cemerlang dan Unggul.

TAHAP	PERATUS PENSYARAH
BERPOTENSI	21.9
HARAPAN	37.0
BAIK	23.5
CEMERLANG	9.1
UNGGUL	8.5


## 2.6.4 Peningkatan Kualiti Modul Latihan Guru Berdasarkan Standard Modul dan Garis Panduan Kualiti Latihan IPG

Garis Panduan Kualiti Latihan dan Standard Modul IPG telah berjaya dibangunkan dan dikuatkuasakan pada tahun 2022.

Berdasarkan audit yang dilaksanakan pada tahun 2022:


- 59.3% latihan telah berjaya mencapai tahap disasarkan iaitu tahap baik dan selebihnya telah berjaya mencapai tahap lebih tinggi iaitu tahap cemerlang. Keseluruhannya 100% IPG berjaya mencapai sekurangnya tahap baik yang disasarkan.
- 50% modul latihan yang dihasilkan pada tahun 2022 telah berjaya mencapai tahap standard yang ditetapkan, manakala selebihnya memerlukan penambahbaikan dan pemurnian.

Eksibit 2.22: Kerangka Garis Panduan Kualiti Latihan



Sistem Pengurusan Data Latihan mySPDL (Eksibit 2.24) juga telah dibangunkan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan latihan.

Eksibit 2.23: Kerangka Standard Modul



Eksibit 2.24: Antara muka Sistem mySPDL IPG



59.3% latihan telah berjaya mencapai tahap disasarkan iaitu tahap baik dan selebihnya telah berjaya mencapai tahap lebih tinggi iaitu tahap cemerlang



## Melangkah ke Hadapan

Pada tahun 2023, aktiviti berikut akan diteruskan bagi meningkatkan penarafan IPG:

1. Meningkatkan peratus IPG yang mencapai Standard Penarafan pada tahap cemerlang.
2. Meneruskan program pemantapan kepemimpinan IPG.
3. Meningkatkan tahap kompetensi pensyarah.
4. Memantapan kualiti dan modul latihan.

## 2.7 PEMANTAPAN PROFESIONALISME PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP)

Pemantapan Profesionalisme Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) merupakan satu inisiatif yang komprehensif, bersepadu dan berterusan bagi meningkatkan profesionalisme dan kualiti PPP mengikut laluan kerjaya yang ada iaitu kepemimpinan dan Pdp. Inisiatif juga memberi penekanan kepada usaha memastikan kesejahteraan psikologi PPP melalui Pelaksanaan Program Kesejahteraan Psikologi, Program Literasi Perundangan dan Kes-Kes Salah Laku Penjawat Awam bagi PPP di seluruh negara.

Matlamat utama inisiatif ini ialah untuk memastikan PPP terus kekal berkualiti sepanjang tempoh perkhidmatan mereka sekali gus dapat menyokong aspirasi 4, guru sebagai kerjaya pilihan.

Usaha pemantapan profesionalisme PPP diteruskan pada tahun 2022 dengan;

### 2.7.1 PEMBANGUNAN PELAN INDUK PEMBANGUNAN PROFESIONALISME KEGURUAN (PIPPK) 2.0

Pelan ini merupakan satu dokumen perancangan yang menggariskan usaha dan tindakan PPP pembangunan Profesionalisme berterusan PPP dari lantikan pertama sehingga akhir perkhidmatan.

### 2.7.2 PENINGKATAN KOMPETENSI PPP

Laluan Kepimpinan dan Pengurusan

Laluan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

### 2.7.3 KELESTARIAN KESEJAHTERAAN PPP

Pembinaan modul intervensi: Modul Kesejahteraan Kerjaya Guru (MKKG)

Literasi Undang-Undang

### 2.7.4 PEMBANGUNAN LALUAN PAKAR BIDANG KHUSUS PENDIDIKAN (PBKP) KPM

## 2.7.1 Pembangunan Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) 2.0

PIPPK 2.0 ialah dokumen perancangan jangka panjang yang menggariskan tindakan terperinci Pembangunan Profesionalisme Berterusan PPP dari lantikan pertama hingga akhir perkhidmatan.

Draf akhir PIPPK 2.0 telah disediakan, walau bagaimanapun penerbitan dokumen PIPPK 2.0 tidak dapat dimuktamadkan mengikut perancangan yang ditetapkan.



Pada masa yang sama KPM telah membangunkan beberapa dokumen sokongan untuk memantapkan laluan kerjaya PPP iaitu:

- i. Garis Panduan Pelaksanaan Penandaan Opsyen Subjek Guru bagi sekolah bawah KPM.
- ii. Garis Panduan Penggunaan Kluster Mata Pelajaran bagi urusan pengambilan, penempatan dan pertukaran guru di KPM.
- iii. Garis Panduan Pemerkasaan PPP Guru Akademik Biasa Gred DG41 hingga DG54 di sekolah KPM.
- iv. Garis Panduan Pelaksanaan Mobiliti & Fleksibiliti dalam Kluster Laluan Utama: Laluan Kerjaya PPP di KPM.

## 2.7.2 Peningkatan Kompetensi PPP

### Laluan Kepimpinan dan Pengurusan

Pada tahun 2022, 208 pemimpin sekolah telah berjaya menamatkan kursus Kepimpinan Pemimpin Muda dan 310 pemimpin sekolah telah berjaya menamatkan kursus Kesarjanaan Pemimpin Sekolah (penulisan, penyelidikan dan inovasi). Selain itu, 248 PPP di Bahagian KPM telah berjaya menamatkan Kursus Kepimpinan Pemimpin Sistem dan 5,122 PPP yang terlibat sebagai Penilai 1 dan 2 dalam Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) telah mengikuti latihan penilaian PBPPP dan 11,084 PPP telah diberi taklimat pemantapan pelaksanaan PBPPP.

### Laluan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Pemantapan kompetensi PPP dilaksanakan melalui pembudayaan latihan sendiri secara dalam talian. Sebanyak 56 modul kursus dalam talian (e-KDT IPG) berkaitan kandungan, pedagogi dan pentaksiran telah dibangunkan oleh IPGM.

Seramai 18,686 PPP gred DG48 telah mengikuti e-KDT IPG dengan jayanya dan mencapai tahap pencapaian baik. 56 modul e-KDT IPG boleh diakses melalui pautan <https://sites.google.com/moe-dl.edu.my/kursus2u/home>



## 2.7.3 Kelestarian Kesejahteraan PPP

### Pembinaan Modul intervensi: Modul Kesejahteraan Kerjaya Guru (MKKG)

Kesejahteraan psikologi ialah keupayaan individu untuk mengurus tingkah laku, emosi dan pemikiran secara berkesan dalam kehidupan seharian. Di bawah inisiatif ini, pelaksanaan aktiviti kesejahteraan psikologi PPP meliputi aktiviti saringan dan intervensi Inventori Kesejahteraan Psikologi (iKPSI), pembangunan hub intervensi kesejahteraan psikologi, instrumen dan modul intervensi kerjaya guru, pelan kompetensi Kaunselor Pendidikan serta Literasi Undang-Undang KPM. Pada tahun 2022, 6.8% (98,364 PPP) yang menjalankan saringan iKPSI mencapai tahap sederhana tinggi dan tinggi. Bagi meningkatkan kesejahteraan psikologi warga PPP, KPM juga telah melaksanakan program intervensi kesejahteraan psikologi secara berfokus kepada PPP yang telah disaring.


### Literasi Undang-Undang

Mengambil kira literasi undang undang dan peraturan dalam perkhidmatan amat penting bagi melindungi diri daripada tindakan perundangan. Kementerian mengambil langkah untuk menyediakan Buku Panduan Literasi Undang-Undang KPM dan Dokudrama Literasi Undang-Undang KPM. Selain dari itu, dua siri Seminar Literasi Undang-Undang KPM yang dilaksanakan secara dalam talian telah mencatatkan lebih daripada 64,000 tontonan melalui YouTube sehingga Disember 2022.

Pautan sesi:

<https://www.youtube.com/live/JHkSFbs0Ju4?feature=share>

[https://www.youtube.com/live/IMfnnD-\\_qfc?feature=share](https://www.youtube.com/live/IMfnnD-_qfc?feature=share)



## 2.7.4 Pembangunan Laluan Pakar Bidang Khusus Pendidikan (PBKP) KPM

Dua bidang kepakaran khusus pendidikan bagi laluan Subject Matter Expert (SME) KPM iaitu Pendidikan Berkeperluan Khas dan Psikologi telah diangkat kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk kelulusan.

## Melangkah ke Hadapan

Pada tahun 2023 tumpuan inisiatif ini adalah seperti yang berikut:

1. Pelaksanaan Pelan komunikasi Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan 2.0 dan Mobiliti Laluan Kerjaya PPP melalui sesi taklimat dan jerayawara.
2. Peluasan peningkatan kompetensi kepimpinan dalam kalangan pemimpin.
3. Pembudayaan pembelajaran sendiri secara dalam talian (e-KDT IPG) bagi meningkatkan kompetensi bagi PPP gred DG44 hingga DG 52.
4. Peluasan pelaksanaan iKPSi kepada 90,000 PPP dan pelaksanaan modul kesejahteraan kerjaya guru.
5. Peluasan kesedaran Literasi Undang-Undang KPM melalui pelbagai medium komunikasi kepada PPP.
6. Pembangunan Kepakaran Pendidikan KPM berdasarkan bidang-bidang khusus pendidikan; kaunseling dan murid berkeperluan khas.

## 2.8 PEMERKASAAN INSITITUT AMINUDDIN BAKI (IAB)

Inisiatif ini adalah untuk memperkasakan IAB ke arah menjadi pusat pembangunan kepimpinan unggul. Penekanan inisiatif diberikan kepada penerusan program pada tahun 2021 iaitu ke arah meningkatkan kompetensi dan kepakaran pensyarah dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan, pengiktirafan kepakaran pensyarah IAB daripada badan profesional bertauliah, dan meningkatkan kerjasama dengan organisasi luar bagi melonjakkan profil IAB sebagai peneraju kepimpinan dan pengurusan pendidikan yang unggul pada peringkat antarabangsa.

Untuk memperkasakan IAB ke arah peningkatan kualiti pembangunan kepimpinan pendidikan, IAB akan memberi fokus kepada:

### 2.8.1 PEMANTAPAN KOMPETENSI DAN PROFESIONAL PENSYARAH

Peningkatan Kompetensi Pensyarah ke Tahap Yang Tertinggi.

Peningkatkan Bilangan Pensyarah Yang Layak Mendapat Pengiktirafan Profesional (kepakaran) daripada Badan Profesional Bertauliah dalam Bidang Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan.


### 2.8.2 PERLUASAN JALINAN KERJASAMA DENGAN ORGANISASI LUAR KPM DALAM BIDANG KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN PENDIDIKAN

## 2.8.1 Pemantapan Kompetensi dan Profesional Pensyarah


### Peningkatan kompetensi pensyarah ke tahap yang tertinggi

Kerangka Laluan Pembangunan Profesionalisme Pensyarah (LPPP) telah dibangunkan untuk memetakan profesiensi pensyarah kepada lima (5) tahap iaitu Permulaan, Asas, Kompeten, Profisien dan Pakar. LPPP ini membantu pensyarah untuk merancang pembangunan diri dalam setiap tahap dengan merujuk Standard Kompetensi Pensyarah IAB (Eksibit 2.24). Seorang pensyarah perlu mencapai 27 kompetensi sepertimana yang digariskan dalam Standard Kompetensi Pensyarah IAB untuk membolehkan mereka mencapai tahap pakar. Pada tahun 2022, dari 284 orang pensyarah IAB, seramai 97 orang (80.8%) mencapai tahap profisien manakala 23 orang (19.2%) berada di tahap pakar. (Eksibit 2.26).

Eksibit 2.25: Standard Kompetensi Pensyarah IAB



Eksibit 2.26: Bilangan Pensyarah IAB yang mencapai tahap berdasarkan Laluan Pembangunan Profesionalisme Pensyarah (LPPP)



Pada tahun 2022, daripada 23 orang kumpulan pensyarah berada pada tahap pakar, enam (6) orang pensyarah telah berjaya memperoleh pengiktirafan profesional daripada badan profesional yang bertauliah (KPI Institute dan International Association of Coaching) dalam bidang Pengurusan Strategik, Bimbingan & Pementoran, Pemikiran & Perancangan Strategik, Pengurusan & Kepimpinan Instruksional dan Petunjuk Prestasi Utama.

## 2.8.2 Perluasan Jaringan Kerjasama dengan Organisasi Luar KPM dalam Bidang Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan

Perkhidmatan kepakaran pensyarah IAB diperluas dengan konsultasi dalam bidang pembangunan organisasi luar KPM sama ada pada peringkat tempatan dan antarabangsa. Sehingga kini, tiga (3) organisasi iaitu USM, Pusat Koreksional Langkawi dan Institut Kajian Etnik (KITA) UKM sedang mendapatkan khidmat konsultasi daripada IAB berdasarkan beberapa bidang kerjasama seperti dalam Eksibit 2.27.

Eksibit 2.27: Kerjasama IAB dengan Organisasi Luar KPM

ORGANISASI	BIDANG KERJASAMA
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA	KAJIAN DALAM HUMAN GOVERNANCE
PUSAT KOREKSIONAL LANGKAWI, KEDAH	PEMBANGUNAN MODUL LATIHAN KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH DALAM PENJARA
INSTITUT KAJIAN ETNIK (KITA) UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA	RUJUKAN PAKAR DAN PEMANTAPAN PROGRAM PERPADUAN INSTITUT AMINUDDIN BAKI, KPM

## Melangkah ke Hadapan

Pada tahun 2023, IAB akan memberi tumpuan dalam:

1. Peningkatan bilangan pensyarah mencapai tahap pakar dan pengiktirafan profesional.
2. Pewujudan Kluster Korporat IAB menjelang 2025 bagi menjalankan khidmat konsultasi dalam bidang seperti Pengurusan Kualiti, Pensijilan *Master Trainer*, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta Khidmat Konsultasi Pengurusan.





---

## BAB 03

MENINGKATKAN EKUITI  
DALAM PENDIDIKAN

## 3.1 PELAKSANAAN PROGRAM TRANSFORMASI DAERAH (DTP)

Pelaksanaan Program Transformasi Daerah (DTP) memberi tumpuan kepada pengupayaan dan kebertanggungjawaban JPN dan PPD dalam memacu prestasi sekolah. Usaha ini adalah untuk membangunkan kepimpinan negeri, daerah dan sekolah agar mempunyai keupayaan dalam autonomi terpinpin, terutama dalam membuat keputusan berkenaan operasi harian dan melaksanakan intervensi khusus mengikut konteks lokaliti ke arah kecemerlangan. Pelaksanaan DTP berteraskan konsep sokongan dan akauntabiliti dengan memberi tumpuan kepada pengupayaan kepimpinan, sokongan kepada sekolah yang memerlukan, kesamarataan ekuiti dan peningkatan kualiti.

Fokus utama DTP adalah untuk memastikan jurang pendidikan antara kumpulan bandar dan luar bandar, status sosioekonomi dan jantina dapat dirapatkan khususnya di negeri melalui:

Pengupayaan JPN dan PPD dalam meningkatkan prestasi sekolah melalui pendekatan strategik dan intervensi berfokus.

### 3.1.1 PENDEKATAN PDP MENGIKUT KECERDASAN PELBAGAI DAN GAYA PEMBELAJARAN MURID

### 3.1.2 PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK ANTARA PPD DAN JPN

### 3.1.3 PENCAPAIAN PERATUS PENGURANGAN JURANG



### 3.1.1 Pendekatan PdP Mengikuti Kecerdasan Pelbagai dan Gaya Pembelajaran Murid

Profil Murid Fokus dihasilkan dengan pemadanan Data Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) data Inventori Kecerdasan Pelbagai (IKP), Inventori Minat Kerjaya (IMK) Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) dan Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS). Data daripada Profil Murid Fokus ini akan digunakan untuk membangunkan pelan intervensi yang spesifik berdasarkan kecerdasan dan keperluan murid.

Profil murid ini telah dapat membantu 612 sekolah fokus untuk melihat keperluan secara spesifik berdasarkan lokaliti di sekolah masing-masing. Pengupayaan *Senior Leader Team* (SLT), *Middle Leader* (ML), Guru Akademik Biasa (GAB) dan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) sekolah dalam memastikan pelan intervensi khusus dapat dibangunkan berdasarkan profil 43,911 murid fokus secara spesifik.

Aktiviti pendekatan PdP berdasarkan kecerdasan pelbagai dan gaya pembelajaran murid yang telah dilaksanakan ke atas 612 buah sekolah dan melibatkan 43,911 murid fokus telah menunjukkan hasil seperti berikut:



---

**Profil murid ini telah dapat membantu 612 sekolah fokus untuk melihat keperluan secara spesifik berdasarkan lokaliti di sekolah masing-masing**

#### i. Peningkatan potensi murid

- murid lebih mudah belajar berdasarkan minat dan kecenderungan murid dengan apa yang ingin dipelajari.

#### ii. Peningkatan pencapaian akademik murid

- meningkatkan keyakinan diri murid dengan pendekatan lebih bermakna melalui gaya pembelajaran yang pelbagai. Hal yang demikian dapat meningkat keyakinan diri, kreativiti dan motivasi mereka.

#### iii. Sokongan pembelajaran bersepadu

- memberi fokus kepada isi kandungan pelajaran kepada pembelajaran yang bermakna serta mengalakkan KBAT.
- pembelajaran reflektif dan dapat memupuk sikap positif terhadap pembelajaran sepanjang hayat.

#### iv. Pembelajaran secara koperatif dan kolaboratif

- aktiviti pengayaan pelengkap kepada proses pembelajaran secara kontekstual.

Kementerian turut mengupayakan pegawai sektor perancangan, pembelajaran dan hal ehwal murid di 16 buah JPN dan pegawai sektor perancangan di 142 buah PPD agar dapat melaksanakan bimbingan secara khusus berdasarkan pelan intervensi yang dirancang oleh sekolah dan tidak perlu lagi mengamalkan konsep *one size fits all* kepada sekolah fokus bawah pentadbiran mereka.

### 3.1.2 Perkongsian Amalan Terbaik Antara PPD dan JPN

Hasrat Kementerian dalam memperkasakan peranan PPD diteruskan dengan perkongsian amalan terbaik transformasi pendidikan melalui Konvensyen PPD Kebangsaan 2022.

Sesi pemugaran kefahaman peranan dan tanggungjawab PPD meliputi aspek pengupayaan dan kebertanggungjawaban PPD berteraskan konsep sokongan dan akauntabiliti, pengukuhan prinsip asas pengurusan kepada kepimpinan PPD, pengukuhan konsep ekuiti dalam pendidikan dan perkongsian transformasi pendidikan oleh rakan strategik korporat. Hasil dapatan dari perkongsian tersebut, 96.49 peratus peserta memberi maklum balas bahawa program ini mampu meningkatkan prestasi kerja di PPD.



Sesi taklimat serta amanat peserta disampaikan oleh YBrs. Tuan Zainal bin Abas




Sesi Bicara KPPM Bersama-sama YBhg. Datuk Nor Zamani binti Abdol Hamid

### 3.1.3 Pencapaian Peratus Pengurangan Jurang

Berdasarkan Eksibit 3.1, jurang pencapaian gred purata SPM 2022 bandar dan luar bandar merapat sebanyak **29.51%** dari tahun 2012.


Eksibit 3.1: Jurang pencapaian Gred Purata SPM Bandar dan Luar Bandar



Sumber data: Lembaga Peperiksaan


Jurang pencapaian layak sijil SPM 2022 mengikut jantina telah merapat sebanyak **40.48%** dari tahun 2016 seperti dalam Eksibit 3.2.

Eksibit 3.2: Jurang Pencapaian Layak Sijil SPM Mengikut Jantina



(Sumber data: Lembaga Peperiksaan)

Eksibit 3.3: Jurang Pencapaian Layak Sijil SPM 2022 Mengikut Status Sosioekonomi



(Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian)



Tahun 2020 merupakan *baseline* baharu kerana merujuk kepada Pendapatan Garis Kemiskinan 2019. Jurang pencapaian layak sijil SPM 2022 mengikut status sosioekonomi telah melebar sebanyak **2.76%** dari tahun 2021.

## Melangkah ke Hadapan

Bagi mencapai sasaran pengurangan jurang, KPM akan terus meningkatkan usaha pada tahun 2023 dengan memantapkan peranan JPN dan PPD dalam meningkatkan prestasi sekolah.

## 3.2 TRANSFORMASI PENDIDIKAN ORANG ASLI DAN PERIBUMI

Inisiatif Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi bertujuan meningkatkan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti murid Orang Asli dan Peribumi. Pada tahun 2022, inisiatif ini masih memberi tumpuan kepada peningkatan kehadiran murid Orang Asli, meningkatkan transisi murid Orang Asli dari Tahun 6 ke Tingkatan 1 dan peningkatan penguasaan tahap minimum murid tahap 1.



**Inisiatif Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi bertujuan meningkatkan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti murid Orang Asli dan Peribumi**

### 3.2.1 PEMANTAPAN INTERVENSI KEHADIRAN MURID PERIBUMI (DUSUN BONGGI DAN PENAN)

Program “Mojing Kenin” mengangkat semangat anak-anak Penan daerah Bintulu dan Belaga bersama-sama Pengarah Pendidikan Negeri Sarawak.

Program motivasi bersama-sama ibu bapa murid dan komuniti setempat daerah Belaga, Baram dan Kudat.

Sesi Libat Urus KPM bersama-sama agensi berkepentingan kerajaan Negeri Sarawak, ibu bapa dan komuniti setempat bagi meningkatkan kehadiran murid.

Pelaksanakan program intervensi berfokus di sekolah berkehadiran rendah:

- i. Program Kembali ke Sekolah
- ii. Program Jom masuk asrama
- iii. Pemberian Sijil Kehadiran 100% kepada murid
- iv. Program motivasi bersama-sama ibu bapa dan komuniti



SK Tegulang

### 3.2.2 PENINGKATAN PERATUS TRANSISI MURID ORANG ASLI DARI TAHUN 6 KE TINGKATAN 1

Program intervensi transisi:

- i. Program Karnival Jom ke Sekolah
- ii. Program Gerak Jangkau Transisi dan Intervensi Kehadiran

Program libat urus dan kesedaran kepentingan pendidikan kepada Tok Batin, ibu bapa dan masyarakat Orang Asli dengan kerjasama pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)



### 3.2.3 PENINGKATAN PERATUS MURID ORANG ASLI DAN PERIBUMI TAHAP 1 YANG MENCAI TAHAP PENGUASAAN (TP) MINIMUM PBD DALAM MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU, BAHASA INGGERIS, DAN MATEMATIK

Penataran Modul Program Intervensi Khas Murid Orang Asli dan Peribumi (PIKAP) kepada Guru Besar dan Ketua Panitia Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris serta Matematik.

Bengkel Kerja Modul Latihan Pedagogi Terbeza dalam PdP Murid Orang Asli dan Peribumi bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik.

Bimbingan penjaminan kualiti PBD berdasarkan TP murid.

Pelaksanaan ujian saringan bagi mengenal pasti murid pemulihan khas dan ujian saringan pengesahan MBPK.

## 3.2.1 Pemantapan Intervensi Kehadiran Murid Peribumi (Dusun Bonggi dan Penan)

Eksibit 3.4: Sekolah Peribumi yang telah melepasi sasaran kehadiran melebihi 87%

NEGERI	PPD	NAMA SEKOLAH	% KESELURUHAN
Sarawak	Baram	SK Long Pelutan	93.11
Sabah	Kudat	SK Sabur	88.96
		SK Batu Layar	88.21
		SK Palak	87.93
		SK Kapitangan	87.20

#### Program Intervensi Kehadiran Murid Peribumi (Dusun Bonggi dan Penan)

Karnival Jom Hadir ke Sekolah telah diadakan di SK Sabur, Pulau Banggi. Pelbagai aktiviti telah dijalankan. Program Ziarah Kasih juga telah diadakan bersama-sama Guru Besar SK Sabur.



Program yang dilaksanakan oleh Sekolah Peribumi di Pulau Banggi, Kudat, Sabah

## 3.2.2 Peningkatan Peratus Transisi Murid Orang Asli dari Tahun 6 ke Tingkatan 1

### Program Jom Belajar

Aktiviti intervensi yang dilaksanakan telah berjaya menyelamatkan 100% daripada senarai laporan keciciran murid bagi transisi dari Tahun 6 ke Tingkatan 1 yang dilaporkan. Senarai sekolah adalah seperti dalam Eksibit 3.5.

Eksibit 3.5: Jadual Bilangan Murid Terlibat Program Intervensi Transisi Tahun 6 ke Tingkatan 1

NEGERI	PPD	NAMA SEKOLAH	SUKU KAUM	BILANGAN MURID
Kelantan	Gua Musang	SK Aring	Bateq	34/34
Kedah	Baling	SK Siong	Kensiu	25/25
Perak	Hulu Perak	SK Pahit	Kintaq	19/19
Selangor	Klang	SJKC Hwa Lien	Mah Meri	11/11
<b>JUMLAH</b>				<b>89/89</b>



Eksibit 3.6: Program Intervensi Transisi Tahun 6 ke Tingkatan 1

NEGERI	NAMA SEKOLAH	NAMA PROGRAM	BILANGAN MURID
Kelantan	SMK Panggung Jaya	Ziarah Kasih, Kg. Pos Tohoi	12 / 12
Perak	SMK Bawong	Gerak Jangkau Transisi	14 / 14
Kelantan	SMK Panggung Jaya	Ziarah Kasih, Kg. Kuala Betis	6 / 6
Pahang	SK Sinderut	Karnival Jom Ke Sekolah	33 / 33
Perak	SMK Sungkai	Gerak Jangkau Transisi	14 / 14
Perak	SMK Slim	Gerak Jangkau Transisi	11 / 11
<b>JUMLAH</b>			<b>90 / 90</b>

Aktiviti intervensi yang dilaksanakan telah berjaya menyelamatkan 100% daripada senarai laporan keciciran murid bagi transisi dari Tahun 6 ke Tingkatan 1 yang dilaporkan



### 3.2.3 Peningkatan Peratus Murid Orang Asli dan pada Peribumi Tahap 1 Yang Mencapai Tahap Penguasaan (TP) Minimum PBD dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, dan Matematik

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bagi meningkatkan kefahaman dan minat murid Orang Asli serta Peribumi dalam pembelajaran. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Penataran Modul Latihan Intervensi Khas Murid Orang Asli dan Peribumi (PIKAP) telah dilaksanakan bagi meningkatkan kefahaman guru besar, ketua panitia bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris serta Matematik. PIKAP merupakan satu program intervensi pilihan yang dibangunkan berasaskan KSSR (Semakan 2017) yang menekankan kaedah PdP perspektif Peribumi. Program ini menepati konteks keperluan murid Orang Asli dan Peribumi bagi merapatkan jurang pemahaman kurikulum arus perdana dan meningkatkan keupayaan murid Orang Asli serta Peribumi. PIKAP juga memberi penekanan kepada murid yang berada pada Tahap 1 dan fokus diberikan kepada tiga (3) mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik.

- ii. Bengkel Kerja Modul Latihan Pedagogi Terbeza dalam PdP Murid Orang Asli dan Peribumi telah dilaksanakan mengikut zon bagi mengupaya Ketua Panitia Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik untuk membimbing guru mata pelajaran di bawah panitia masing-masing. Melalui usaha ini, guru-guru dapat merancang dan melaksanakan PdP secara lebih berkesan mengikut tahap keupayaan sebenar murid.
- iii. Pegawai penyelaras pembelajaran murid Orang Asli dan Peribumi di JPN dan PPD sentiasa membimbing guru berkaitan penentuan tahap penguasaan PBD supaya mereka memahami dan mengikut garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian. Usaha ini bagi memastikan PBD yang diberikan oleh guru kepada murid mengikut tahap sebenar keupayaan murid.



### PEMUGARAN MODUL PIKAP OLEH BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM (BPK)



**PIKAP** merupakan satu program intervensi pilihan yang dibangunkan berasaskan KSSR (Semakan 2017) yang menekankan kaedah PdP perspektif Peribumi

**PEMUGARAN MODUL PIKAP PADA PERINGKAT NEGERI BENGKEL KERJA MODUL LATIHAN PEDAGOGI TERBEZA DALAM PDP MURID ORANG ASLI DAN PERIBUMI**



ZON SELATAN & TENGAH  
(JOHOR, NEGERI SEMBILAN & SELANGOR)



ZON TIMUR  
(PAHANG, KELANTAN & TERENGGANU)




ZON UTARA (PERAK)



ZON BORNEO (SARAWAK & SABAH)

Dapatan analisis data PBD akhir tahun Sesi Akademik 2022/ 2023 menunjukkan peratus pencapaian Tahap Penguasaan (TP) 3 hingga TP 6 bagi murid Tahun 3 sekolah murid Orang Asli dan Peribumi untuk mata pelajaran Bahasa Melayu ialah 65.14%, Bahasa Inggeris 54.11% dan Matematik sebanyak 61.53%. Secara keseluruhannya pada tahun 2022 menunjukkan tahap penguasaan minimum meningkat dari tahun 2021 bagi Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik.

Eksibit 3.6: Peratus Pencapaian Tahap Penguasaan (TP) Minimum Sekolah Murid Orang Asli dan Peribumi Tahun 3 bagi Tahun 2021 dan 2022



(Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum)

## Melangkah ke Hadapan

Inisiatif Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi bawah KPM akan terus memberi fokus untuk menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti yang relevan dan seiring dengan arus perdana.

1. Pemantapan intervensi kehadiran murid Peribumi melalui peluasan sesi libat urus bersama-sama rakan strategik akan diperbanyakkan untuk tumpuan kepada hala tuju pendidikan, akses pengangkutan dan program motivasi kepada masyarakat Penan dan Dusun Bonggi.
2. Peningkatan peratus transisi murid Orang Asli dari Tahun 6 ke Tingkatan 1 dengan peluasan Program Jom Belajar di lokasi yang akan terus mengenal pasti murid Orang Asli dan Peribumi yang tercicir dalam sistem persekolahan. Pemantapan Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti serta Agensi Swasta (PIBKS) dan rakan strategik dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan murid Orang Asli dan Peribumi. Bimbingan dan tindakan susulan (*follow up, follow through*) yang dilaksanakan bagi mencapai impak yang disasarkan.
3. Memastikan peningkatan peratus murid Orang Asli dan Peribumi Tahap 1 yang mencapai TP minimum PBD dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, dan Matematik melalui pemantapan PdP bagi setiap mata pelajaran di sekolah murid Orang Asli dan Peribumi. Pelaksanaan inisiatif terus dipantau bagi memastikan pengaplikasiannya dijalankan seperti yang disasarkan. Selain itu, beberapa aktiviti lain terus dilaksanakan bagi memastikan guru-guru diberi pendedahan yang sewajarnya dalam melaksanakan penjaminan kualiti dalam PBD supaya murid dapat ditaksir mengikut kemampuan mereka.



**Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi bawah KPM akan terus memberi fokus untuk menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti yang relevan dan seiring dengan arus perdana**


### 3.3 PENINGKATAN AKSES DAN KUALITI PENDIDIKAN BAGI MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS

Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) merupakan murid yang diperakukan oleh pengamal perubatan ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi mengikut mana-mana yang berkenaan sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan penglihatan, pendengaran, fizikal, pertuturan, masalah pembelajaran atau ketidakupayaan pelbagai. Murid ini boleh mengikuti pendidikan sama ada di Sekolah Pendidikan Khas (SPK), Program Pendidikan Khas Integriti (PPKI) atau Program Pendidikan Inklusif (PPI).

Bilangan MBPK yang berdaftar di sekolah KPM meningkat secara konsisten sejak lima tahun lalu. Pada tahun 2022 105,785 MBPK (8.81%) berada dalam sistem KPM berbanding 83,598 (4.71%) pada 2018. Peratus MBPK yang berada dalam PPI juga meningkat dengan ketara berbanding lima tahun lalu iaitu tahun 2022 merekodkan 83.47% MBPK berada dalam PPI berbanding hanya 50.49% pada 2018.

### 3.3.1 PENINGKATAN PERATUS MBPK DALAM PPI

### 3.3.2 PEMANTAPAN KOMPETENSI PENTADBIRAN DAN GURU DARI SEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN KHAS MELALUI AKTIVITI BERIKUT:



### 3.3.3 PENINGKATKAN SOKONGAN DARIPADA AGENSI LUAR, INDUSTRI DAN MASYARAKAT SECARA KESELURUHAN MELALUI PROGRAM SARINGAN DAN INTERVENSI AWAL SERTA PROGRAM OUTREACH INKLUSIF DAN KEBOLEHPASARAN MBPK.

## 3.3.1 Peningkatan Peratus MBPK dalam PPI

Berdasarkan data pada tahun 2022, berlaku peningkatan sebanyak 8.81% MBPK yang berdaftar dalam sistem KPM, membawa kepada jumlah keseluruhan seramai 105,785 MBPK mengikuti pembelajaran di 6,499 sekolah yang mempunyai Program Pendidikan Khas di seluruh Malaysia.

Eksibit 3.7: Bilangan MBPK berada dalam sistem KPM (2018 – 2022)

TAHUN	2018	2019	2020	2021	2022
BILANGAN MBPK	83,598	88,419	93,951	97,220	105,785
PERATUS PENINGKATAN	4.71%	5.77%	6.26%	3.48%	8.81%

(Sumber: Bahagian Pendidikan Khas)

Kesedaran berkaitan kepentingan bagi menyediakan ruang dan peluang pendidikan kepada MBPK telah membawa kepada peningkatan peratus MBPK yang belajar menerusi PPI. Pada tahun 2022, terdapat peningkatan sebanyak 8.89% iaitu seramai 88,300 daripada 105,785 MBPK merupakan murid yang mengikuti PPI.

Pada tahun 2022, terdapat peningkatan sebanyak 8.89% iaitu seramai 88,300 daripada 105,785 MBPK merupakan murid yang mengikuti Program Pendidikan Inklusif



Eksibit 3.8: Bilangan MBPK berada dalam Program Pendidikan Inklusif (2018 – 2022)

TAHUN	PENCAPAIAN	PENINGKATAN
2018	50.49% (83,598 orang murid)	Baseline
2019	60.87% (88,419 orang murid)	10.38%
2020	71.84% (93,951 orang murid)	10.97%
2021	74.58% (97,220 orang murid)	2.74%
2022	83.47% (105,785 orang murid)	8.89%

(Sumber: Bahagian Pendidikan Khas)

### 3.3.2 Pemantapan Kompetensi Pentadbiran serta Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Khas

- i. *Program Latihan Kepimpinan* dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan 180 Pemimpin Pendidikan Khas dalam aspek pengurusan pendidikan khas. Program yang dilaksanakan dengan kerjasama Institut Aminuddin Baki tersebut adalah melibatkan:
  - a. Pengetua/ Guru Besar, Guru Penolong Kanan Pentadbiran, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Sekolah Pendidikan Khas; dan
  - b. Guru Penolong Kanan Pendidikan Khas di PPKI.
- ii. *Pemantapan PPI Model Holistik*

Setiap JPN telah melaksanakan *Gallery Walk* PPI Holistik sebagai salah satu aktiviti bagi meningkatkan inklusiviti antara MBPK dengan murid arus perdana. Sebanyak 288 buah PPKI telah menjadikan program ini sebagai salah satu wadah bagi PLC sama ada untuk sekolah masing-masing, mahupun untuk sekolah di sekitar. Aktiviti tersebut telah dipertandingkan pada peringkat kebangsaan dan telah dimenangi oleh SK Seremban 2A, Seremban, Negeri Sembilan bagi sekolah rendah dan SMK Sultan Ismail, Kemaman, Terengganu bagi sekolah menengah. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh DYMM Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani binti Almarhum Tengku Besar Mahmud pada 30 September 2022 di Hotel Royal Chulan, Seremban, Negeri Sembilan.




- iii. Program Memperkasa Pemimpin Sekolah dalam PPI dilaksanakan kepada 21 orang pemimpin sekolah yang belum melaksanakan PPI. PGB daripada sekolah yang terlibat dikenal pasti menerusi sistem APDM, KPM. Matlamat program tersebut adalah untuk meningkatkan kesedaran pihak sekolah bagi menyediakan ruang dan peluang kepada MBPK mengikuti pembelajaran bersama sama murid di arus perdana. Hasil daripada program tersebut, 90% PGB telah melaksanakan PPI di sekolah masing-masing.



iv. *Penghasilan Modul Latihan Guru yang Standard*

Sebanyak empat (4) modul latihan guru pendidikan khas telah dihasilkan bagi memastikan semua guru pendidikan khas memperoleh pengetahuan yang standard dalam aspek pembelajaran bagi MBPK. Modul yang dihasilkan merupakan panduan dan guru boleh meningkatkan pengetahuan masing-masing menerusi pelbagai cara lain. Empat (4) modul yang dihasilkan ialah Modul Latihan Orientasi dan Mobiliti, Modul Latihan Kemahiran Membraile dan Membaca Braille, Modul Latihan Pembinaan Grafik Taktil dan Modul Intervensi MBPK dengan Sokongan Maksimum. Kesemua modul tersebut digunakan dalam latihan pada peringkat pra perkhidmatan dan dalam perkhidmatan.



---

**Modul yang dihasilkan merupakan panduan dan guru boleh meningkatkan pengetahuan masing-masing menerusi pelbagai cara lain**



vii. Program Kenali Kebolehpasaran MBPK

Seramai 2,991 orang guru yang merangkumi 2,077 GBK dan 914 guru PPKI Menengah telah dilibatkan dalam Program Kenali Kebolehpasaran Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Tahun 2022. GBK telah didedahkan dengan kaedah bagi mengenal pasti potensi dan kekuatan diri MBPK dalam merancang hala tuju pendidikan dan kerjaya MBPK pada masa akan datang. Manakala guru PPKI pula diperkukuhkan dalam aspek pelaksanaan Program Transisi Kerjaya secara merentas kurikulum semasa proses PdP.



**GBK telah didedahkan dengan kaedah bagi mengenal pasti potensi dan kekuatan diri MBPK dalam merancang hala tuju pendidikan dan kerjaya MBPK pada masa akan datang**

### **3.3.3 Peningkatan Kerjasama dan Sokongan daripada Agensi Luar, Industri dan Masyarakat**

Kerjasama serta sokongan pelbagai agensi, masyarakat serta pihak industri merupakan antara faktor yang membantu meningkatkan enrolmen dan kebolehpasaran MBPK. Beberapa aktiviti telah dilaksanakan bagi meningkatkan kerjasama dua hala tersebut. Antaranya ialah:

i. Program Saringan dan Intervensi Awal

Pelaksanaan saringan ke atas kanak-kanak pada usia seawal kelahiran dapat membantu menyediakan intervensi yang bersesuaian terhadap kanak-kanak yang dikenal pasti mempunyai ciri-ciri berkeperluan pendidikan khas. Langkah ini juga amat penting ke arah menyediakan mereka mengikuti pembelajaran di sekolah. Pada tahun 2022, KPM telah menyediakan suatu peruntukan yang khusus untuk melaksanakan saringan yang bersasar iaitu khusus kepada murid-murid di Program Pemulihan Khas yang tidak menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) bermula tahun 3 hingga tahun 6. Inisiatif ini merupakan program kolaboratif

antara KPM dengan kementerian dan agensi lain termasuklah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), JAKOA, Hospital Universiti, dan Bank Simpanan Nasional (BSN).

Seramai 1,500 pegawai KKM, 150 pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan 47 pegawai bidang khusus daripada KPM dan 920 orang guru pemulihan telah menghasilkan sinergi yang mantap dalam menjayakan pelaksanaan saringan ini. Hasil daripada program tersebut, seramai 9,679 orang murid berjaya disaring termasuk murid daripada Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK). Daripada bilangan tersebut, seramai 7,806 murid telah dirujuk untuk mendapatkan penilaian lanjut. Hasilnya, seramai 4,249 orang murid telah diperaku sebagai MBPK.




ii. Program *Outreach* Inklusif dan Kebolehpasaran MBPK

Perancangan KPM untuk melaksanakan Program *Outreach* Inklusif dan Kebolehpasaran MBPK telah disambut baik oleh pihak luar KPM seperti Nestle Sdn. Bhd, RMT Entertainment, Persatuan Orang Kurang Upaya (OKU) Fizikal Negeri Sembilan dan UTEM. Pelibatan pelbagai pihak tersebut dengan gandingan JPN Negeri Sembilan selaku tuan rumah Program *Outreach* Inklusif dan Kebolehpasaran Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Tahun 2022 berjaya menarik penyertaan ibu bapa, dan masyarakat setempat. Program ini telah menjadi wadah untuk mempromosikan potensi MBPK dan sekaligus dapat meningkatkan kesedaran berkaitan OKU dan kebolehpasaran mereka.



Eksibit 3.10: Kebolehpasaran MBPK



(Sumber: Bahagian Pendidikan Khas)

Usaha yang dilaksanakan pada tahun 2021 telah menyerlahkan hasilnya pada tahun 2022 apabila kebolehpasaran MBPK meningkat sebanyak 11.88% kepada 69.27%. Berdasarkan data Sistem e-Profil Kerjaya Murid (SePKM) pada 2022, seramai 2,066 daripada 4,445 MBPK yang tamat persekolahan pada tahun 2021 mendapat pekerjaan, manakala 1,013 MBPK pula menyambung pelajaran pada peringkat selanjutnya.

Eksibit 3.11: Peratus Kebolehpasaran MBPK dari tahun 2019 hingga 2022

TAHUN	PENCAPAIAN	PENINGKATAN
2019	69.46% (1,112/ 1,601)	39.46%
2020	67.95% (2,815/ 4,143)	1.51%
2021	57.39% (2,571/ 4,480)	10.56%
2022 (sehingga 31 Oktober)	69.27% (3,079/ 4,445)	11.88%

(Sumber: Bahagian Pendidikan Khas)




Usaha yang dilaksanakan pada tahun 2021 telah menyerlahkan hasilnya pada tahun 2022 apabila kebolehpasaran MBPK meningkat sebanyak 11.88% kepada 69.27%

Eksibit 3.12: Peratus Perincian Kebolehpasaran MBPK dari Tahun 2019 hingga 2022

TAHUN	2019	2020	2021	2022
Bekerja	37.85% 606 / 1,601	38.21% 1,583 / 4,143	36.83% 1,650 / 4,480	46.48% 2,066 / 4,445
Menyambung Pelajaran	31.61% 506 / 1,601	29.74% 1,232 / 4,143	20.56% 921 / 4,480	22.79% 1,013 / 4,445

(Sumber: Bahagian Pendidikan Khas)

3.13: Industri Pekerjaan yang Diceburi oleh MBPK pada Tahun 2022



(Sumber: Bahagian Pendidikan Khas)

## Melangkah Ke Hadapan

Kementerian akan meneruskan usaha meningkatkan kualiti pengoperasian pendidikan khas bagi tahun 2023. Pemantapan barisan pengurusan PPI akan terus menjadi agenda utama bagi memastikan MBPK memperoleh pendidikan yang berkualiti. Hasrat tersebut akan dilaksanakan menerusi pelbagai aktiviti sokongan, antaranya ialah penyediaan *Inclusivity Index*, penambahbaikan Kod Amalan Pendidikan bagi MBPK serta penataran pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu Edisi Kedua. Kementerian juga akan mempertingkatkan usaha untuk mengesan MBPK dengan menjalankan lebih banyak sesi saringan kepada murid seawal usia 4 tahun.

Di samping itu, jalinan kerjasama dengan industri serta institusi latihan lanjutan akan dipertingkatkan bagi membantu memperluaskan ruang dan peluang kebolehpasaran MBPK. Bagi mencapai tujuan tersebut, kompetensi guru Pendidikan Khas akan menjadi fokus utama supaya MBPK dapat dilengkapi dengan elemen transisi alam persekolahan ke kerjaya.



---

## BAB 04

MEMBANGUNKAN KARAKTER  
DAN MEMUPUK PERPADUAN  
MELALUI PENDIDIKAN

## 4.1 PENGUKUHAN PERPADUAN DI SEKOLAH

Inisiatif Perpaduan adalah untuk memastikan semua murid yang mengikuti sistem persekolahan formal dapat menerima, menghormati dan menghargai kepelbagaian yang wujud di Malaysia dari segi latar belakang sosioekonomi, agama, bahasa dan etnik. Alam persekolahan memberi peluang kepada semua murid berkongsi pengalaman dalam kepelbagaian demi membentuk dan memperkukuh asas perpaduan rakyat Malaysia. Setelah lapan tahun kajian pengukuran indeks perpaduan dilaksanakan di sekolah KPM, indeks perpaduan telah menunjukkan peningkatan yang dapat dibanggakan. Walau bagaimanapun, masih terdapat jurang yang boleh ditingkatkan di sekolah terutama yang melibatkan negeri yang homogen seperti negeri Terengganu, Kelantan, Pahang, Perlis dan Kedah yang mempunyai indeks perpaduan yang masih rendah berbanding negeri lain.

Ini berkemungkinan kerana kurangnya pendedahan meluas dalam masyarakat seharian yang melibatkan masyarakat pelbagai kaum. Berdasarkan dapatan ini, tumpuan utama KPM pada tahun ini adalah untuk meningkatkan indeks dalam kalangan negeri tersebut. Selain itu, aktiviti yang melibatkan pensyarah Institut pendidikan KPM, sekolah dan pentadbiran di KPM terus dilaksanakan bagi memastikan kelestarian perpaduan dalam kalangan warga sekolah.

Pada tahun 2022, fokus inisiatif ini:

### 4.1.1 PELAKSANAAN KAJIAN PENGUKURAN INDEKS PERPADUAN DI SEKOLAH BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2022

Tinjauan Pelaksanaan Kajian Pengukuran Indeks Perpaduan

### 4.1.2 PENGUKUHAN PERPADUAN DALAM EKOSISTEM SEKOLAH

Pemantapan Modul Rukun Negara

Kem Perpaduan

Penambahbaikan Program/ Kursus Latihan Guru Sedia Ada di IPG Berkaitan Penerapan Perpaduan

Pemantapan Kualiti Pensyarah IPG dalam Penerapan Perpaduan

Pemantapan Kompetensi Pensyarah IAB dan Pemimpin Sekolah dalam Pengurusan Perpaduan di Sekolah




Setelah lapan tahun kajian pengukuran indeks perpaduan dilaksanakan di sekolah KPM, indeks perpaduan telah menunjukkan peningkatan yang dapat dibanggakan

## 4.1.1 Pelaksanaan Kajian Pengukuran Indeks Perpaduan di Sekolah bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2022

Kajian Pengukuran Indeks Perpaduan di Sekolah tahun 2022 merupakan kajian kelima dilaksanakan semenjak tahun 2014. Kajian ini dilaksanakan secara atas talian menggunakan pelantar Portal DELIMa. Secara keseluruhan terdapat peningkatan yang signifikan antara pencapaian indeks tahun 2021 dan 2022 iaitu daripada 6.25 kepada 7.1 yang menunjukkan tahap perpaduan yang Tinggi (Erat). Dapatan kajian ini memberi implikasi bahawa terdapat keberkesanan program pengukuhan perpaduan pada semua peringkat Kementerian. Walau bagaimanapun, terdapat elemen yang boleh ditambah baik iaitu elemen menerima perbezaan.

Eksibit 4.1: Trend Indeks Perpaduan di Sekolah



(Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan)

### Tinjauan Pelaksanaan Kajian Indeks Perpaduan Untuk Guru dan Murid Sekolah Rendah dan Menengah

Tinjauan melibatkan seramai 108 orang murid dan 30 orang guru dari enam buah negeri iaitu Terengganu, Kelantan, Pahang, Kedah, Perak dan Sabah dilaksanakan bagi membuat *post-mortem* berkaitan dapatan dan instrumen soal selidik Kajian Pengukuran Indeks Perpaduan di Sekolah KPM 2021 serta menambah baik instrumen serta tatacara urus tadbir kajian bagi tahun 2022. Dapatan tinjauan mendapati, kebanyakan sekolah yang dikunjungi mengadakan aktiviti/ program berbentuk perpaduan yang dilaksanakan secara langsung mahupun tidak langsung seperti sambutan hari perayaan, kebudayaan, sukan, sambutan kemerdekaan, ceramah daripada universiti luar tentang perpaduan, Kelab Rukun Negara dan doktor muda yang menerapkan semangat perpaduan kepada murid. Namun begitu, segelintir murid yang tidak



berpeluang bergaul dengan rakan dari kaum lain di sekolah seperti di SJKC dan SABK masih dapat berhubung dengan rakan pelbagai bangsa dan latar belakang melalui medium seperti Telegram, Whatsapp, Instagram, Facebook dan permainan dalam talian.

Tinjauan ini juga mendapati walaupun murid dilibatkan dengan aktiviti perpaduan, kefahaman murid dalam mengisi instrumen kaji selidik secara atas talian juga terbatas. Sehubungan dengan itu, dapatan tinjauan ini telah membantu KPM untuk menambah baik instrumen dengan memberi tumpuan terhadap konstruk menerima perbezaan.

Elemen aktiviti perpaduan dalam kalangan murid juga ditambah dalam soal selidik bagi memberi gambaran yang lebih holistik mengenai aktiviti perpaduan terutamanya bagi murid di negeri homogeneous yang tidak berpeluang untuk berinteraksi dengan pelbagai kaum.



## 4.1.2 Pengukuhan Perpaduan dalam Ekosistem Sekolah

Ekosistem sekolah yang terdiri daripada latar belakang yang pelbagai merupakan platform utama untuk menyemai sikap saling menerima, mengurus dan menghormati kepelbagaian. Sehubungan dengan itu, Kementerian terus memastikan kelestarian aktiviti pengukuhan perpaduan melalui:

### **Pemantapan Modul Rukun Negara**

Hasrat dan aspirasi yang terkandung dalam Rukun Negara merupakan kunci keharmonian dan perpaduan rakyat dan harus diterapkan dari peringkat sekolah. Oleh itu, KPM telah bekerjasama dengan Kementerian Perpaduan Negara bagi memantapkan lagi kandungan Modul Rukun Negara yang akan diguna pakai oleh semua sekolah di Malaysia.

## Kem Perpaduan

Kem Perpaduan telah dilaksanakan bagi menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan negeri yang menunjukkan indeks perpaduan yang lebih rendah berbanding negeri lain iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah dan Perak. Tujuan kem ini dilaksanakan adalah untuk memberi peluang dan ruang murid daripada pelbagai kaum berinteraksi dan bergaul dalam suasana muhibah. Melalui aktiviti yang menggalakkan pengenalan kepada kepelbagaian budaya, murid-murid bukan sahaja mendapat pengetahuan baharu yang menambah kepada kefahaman mereka, malahan berpeluang untuk mendapat kawan baharu yang berbilang bangsa.



---

**Tujuan kem ini dilaksanakan adalah untuk memberi peluang dan ruang murid daripada pelbagai kaum berinteraksi dan bergaul dalam suasana muhibah**



## Penambahbaikan Program/ Kursus Latihan Guru Sedia Ada di IPG Berkaitan Penerapan Perpaduan


IPGM perlu melaksanakan tindakan ke arah menambah baik program/ kursus latihan guru sedia ada di IPG berkaitan penerapan perpaduan.

Bagi mencapai matlamat memantapkan pedagogi guru pelatih, kursus/ program latihan guru sedia ada di IPG, IPGM telah menyemak kurikulum latihan guru yang melibatkan kursus Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dan kursus-kursus bagi Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) dan Program Diploma Perguruan (PDP) mulai tahun 2019 hingga 2021. Sebahagian kurikulum bagi ketiga-tiga program pendidikan guru telah diguna pakai mulai Oktober 2020 hingga sekarang. Sebanyak 75 kursus melibatkan ketiga-tiga program telah dikenal pasti memberi penumpuan terhadap penerapan elemen perpaduan dan nilai merentas kurikulum termasuk kursus berkaitan pembentukan kemahiran insaniah pelajar.

## Pemantapan Kualiti Pensyarah IPG dalam Penerapan Perpaduan

IPGM dalam proses menyiapkan Garis Panduan Penerapan Elemen Perpaduan dan Nilai Merentas Kurikulum bertujuan untuk meningkatkan pedagogi pensyarah dalam menerapkan elemen perpaduan dan nilai di dalam atau luar bilik kuliah. Fokus teras perpaduan yang diberi penekanan ialah patriotisme dan demokrasi, identiti nasional dan ekosistem perpaduan. Berpaksikan tiga teras ini, elemen atau nilai perpaduan dicerakinkan melalui tiga konstruk iaitu menerima perbezaan, menghormati perbezaan dan mengurus perbezaan. Oleh yang demikian, pengukuhan perpaduan di sekolah akan dipacu oleh tiga konstruk utama melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum.

*Fokus Teras Perpaduan*



## Pemantapan Kompetensi Pensyarah IAB dan Pemimpin Sekolah dalam Pengurusan Perpaduan di Sekolah

PGB bertanggungjawab untuk memastikan penghayatan nilai perpaduan serta pembudayaan amalan perpaduan pada peringkat sekolah. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9 Tahun 2018 yang dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan berkenaan penguatkuasaan Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Harian bagi Perpaduan di Sekolah KPM jelas menyatakan bahawa, PGB berperanan untuk memastikan berlakunya proses pengukuhan perpaduan dalam kalangan warga sekolah ke arah mencapai aspirasi murid iaitu mengupayakan pembentukan identiti nasional. Antara usaha bagi merealisasikannya adalah melalui pelaksanaan aktiviti dengan melibatkan warga sekolah daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi, etnik, jantina, bangsa dan agama. Oleh itu mereka berpeluang untuk belajar memahami, menerima, menghormati serta menghargai perbezaan yang wujud antara mereka.

Pada tahun 2022, bengkel kerja Train of Trainers (ToT) melibatkan 16 orang pensyarah IAB telah diadakan sebagai latihan khas selaku jurulatih untuk meningkatkan kompetensi pegawai untuk membimbing pemimpin sekolah dengan lebih berkesan. Bengkel kerja yang diadakan pada bulan April 2022 itu dijayakan dengan mendapat bantuan kepakaran daripada Universiti Putra Malaysia (UPM).

Untuk memantapkan kompetensi pemimpin sekolah dalam aspek pengurusan perpaduan pula, seramai 367 orang PGB telah dilatih oleh IAB secara dalam talian (e-Kursus) dan 21 orang PGB telah berjaya dilatih secara bersemuka pada tahun 2022. Objektif kursus adalah untuk memberi kesedaran dan kefahaman kepada pemimpin sekolah berkaitan kepentingan perpaduan, membuka minda terhadap cabaran perpaduan yang dihadapi seterusnya mengupayakan PGB untuk mengurus perpaduan di sekolah dengan berkesan sebagaimana yang dinyatakan dalam aspek 2.6 Pengurusan Perpaduan dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2).



*Penceramah sedang menyampaikan latihan dan peserta khusyuk memberi fokus.*



*Follow up follow through* (tindakan susulan) yang bertujuan untuk memantapkan lagi kefahaman pemimpin sekolah berkaitan pengurusan perpaduan melalui sesi perbincangan dan bimbingan secara perseorangan



*Kursus Bersemuka untuk PGB dari PPD Kuala Kangsar, Perak pada 12-15 September 2022*

PGB yang telah mengikuti Kursus Penerapan Nilai Perpaduan yang dianjurkan oleh IAB akan dibimbing oleh pensyarah dalam sesi kunjung bantu ke sekolah iaitu dikenali sebagai FUFT (tindakan susulan) yang bertujuan untuk memantapkan lagi kefahaman pemimpin sekolah berkaitan pengurusan perpaduan melalui sesi perbincangan dan bimbingan secara perseorangan.

Melalui sesi bimbingan di lapangan, PGB dibimbing bagaimana untuk membudayakan perpaduan di sekolah melalui perancangan dan pelaksanaan aktiviti serta program yang boleh menyemarakkan perpaduan melalui penglibatan warga sekolah juga pemegang taruh.



*Sebahagian daripada sekolah yang dikunjungi dalam program FUFT*

## Melangkah ke Hadapan

Pada tahun 2023, Kementerian merangka perancangan yang berterusan untuk memastikan momentum usaha memupuk semangat perpaduan yang mantap. Perancangan tahun 2023 adalah:

1. Pelaksanaan kajian pengukuran indeks perpaduan 2023 dan pemurnian item kajian pengukuran indeks perpaduan.
2. Pemantauan dan bimbingan kepada 52 orang Pengetua dan Guru Besar yang telah mengikuti Modul Latihan Penerapan Nilai Perpaduan.
3. Penggubalan Garis Panduan Penerapan Elemen Perpaduan dan Nilai Merentas Kurikulum untuk Guru Pelatih.
4. Pemantapan penerapan semangat perpaduan dalam semua aktiviti kokurikulum.
5. Peningkatan promosi mengenai kepentingan perpaduan dalam kalangan warga sekolah, ibu bapa dan komuniti.
6. Penubuhan Jawatankuasa Perpaduan peringkat KPM untuk merancang dan memantau usaha menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan warga sekolah dan KPM.
7. Penilaian bagi mengiktirafkan sekolah yang membudayakan perpaduan dan identiti nasional.

## 4.2 PEMBANGUNAN POTENSI DAN KARAKTER MURID

Pembangunan potensi dan karakter murid bertujuan melahirkan warganegara yang mempunyai kualiti dalam semua aspek kehidupan, baik dari segi pendidikan, tingkah laku, pekerjaan, cara berfikir dan bertindak, kesedaran sivik yang tinggi serta sedar peranan mereka kepada agama, masyarakat dan negara. Penekanan kemenjadian murid yang holistik dari aspek Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI) digerakkan melalui pelbagai aktiviti yang melibatkan murid, guru dan juga komuniti.

Inisiatif ini juga dilaksanakan untuk mengekang isu salah laku disiplin dalam kalangan murid. Pelbagai intervensi selaras dengan PPPM yang memberi tumpuan kepada aspek mengurangkan masalah disiplin dijalankan.

Pada tahun 2022, fokus inisiatif ini:

### 4.2.1 PENGURANGAN SEKOLAH BERMASALAH DISIPLIN TINGGI MELALUI PROGRAM PEMBANGUNAN SAHSIAH DIRI MURID (PPSDM),

### 4.2.2 PENGUKUHAN PERANAN PENGETUA DAN GURU UNTUK MENINGKATKAN KOMPETENSI DAN PROFESIONALISME GBK




## 4.2.1 Pengurangan Sekolah Bermasalah Disiplin Tinggi melalui Program Pembangunan Sahsiah Diri Murid (PPSDM)

Kementerian amat mengambil berat isu salah laku disiplin dalam kalangan murid. PPSDM dilaksanakan dengan menjadikan kemahiran insaniah sebagai elemen penting yang dipraktikkan untuk mengurus murid dan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada mereka membuat perubahan sikap dan tingkah laku bagi membangunkan potensi diri secara menyeluruh. Untuk mencapai matlamat tersebut, PPSDM ini telah dilaksanakan secara berfokus dalam 4 fasa utama, iaitu fasa kenal pasti peserta, fasa intervensi, fasa perkembangan dan pengukuhan serta fasa pengayaan.


Matlamat PPSDM adalah untuk menangani lima salah laku kategori berat iaitu salah laku berunsur jenayah, salah laku berunsur kelucahan, tingkah laku musnah, ponteng sekolah dan buli serta pelibatan murid dengan gejala dadah. Pada tahun 2022, PPSDM menambah fokus isu iaitu tingkah laku kurang sopan, kekemasan diri, kenakalan, tidak pentingkan masa dan merokok. Data diambil melalui Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM). Murid yang dipilih berdasarkan SSDM murid berkenaan. Fokus pelaksanaan PPSDM tahun 2022 meliputi 233 buah sekolah menengah (Kohort 1) seluruh negara. 115 buah sekolah menengah dalam Kohort 1 terpilih untuk dilaksanakan intervensi berfokus PPSDM yang melibatkan 1725 orang murid.

Impak PPSDM dapat melihat melalui dapatan skor Ujian Pra dan Ujian Pos yang dijalankan kepada peserta. Ujian Pra dan Ujian Pos ini adalah untuk melihat skor perubahan diri murid dalam aspek nilai jati diri, nilai tanggungjawab, nilai harga diri dan nilai kualiti diri bagi mencapai objektif pelaksanaan PPSDM. Penilaian ini mengikut skor di bawah:

Eksibit 4.2: Analisis Skor Ujian Pra dan Pos PPSDM



**Matlamat PPSDM adalah untuk menangani lima salah laku kategori berat**



Sebelum murid menyertai program PPSDM, didapati 0.4% murid berada pada tahap rendah, 8.3% murid pada tahap sederhana, 69.6% murid berada pada tahap tinggi dan 21.7% berada pada tahap sangat tinggi. Setelah murid menjalani PPSDM, terdapat perubahan dalam diri murid. Hal ini dibuktikan menerusi ujian pos yang menunjukkan terdapat penurunan sebanyak 0.3% pada tahap rendah dan 6.9% di tahap sederhana. Skor perubahan diri murid secara keseluruhan telah meningkat dan berpindah ke tahap yang lebih baik dan dapat dilihat dengan peningkatan pada tahap sangat tinggi iaitu sebanyak 51.3%.

Secara keseluruhan, PPSDM ini mencapai objektif program untuk mengukur empat aspek yang ditanam dalam jiwa murid. Ini dapat dilihat berdasarkan penurunan jumlah Sekolah Bermasalah Disiplin Tinggi (SBDT) berbanding 2017 seperti jadual di bawah:

Eksibit 4.3: Pengurangan Bilangan Sekolah Bermasalah Disiplin Tinggi (SBDT)

TAHUN	BILANGAN SBDT
2017	665
2018	630
2019	261
2020	233 (PKP*)
2021	233 (PKP*)
2022	179

(Sumber data: Sistem Sahsiah Diri Murid)

\*PKP - Perintah Kawalan Pergerakan

## Program Pembangunan Karakter Murid sehingga Peringkat Sekolah

### a. Program Rintis Program Khidmat Masyarakat

Program Khidmat Masyarakat (KhidMas) ditakrifkan sebagai aktiviti yang dijalankan oleh murid secara individu atau secara berkumpulan dengan mana-mana pihak termasuk individu, komuniti, persatuan, agensi kerajaan, pihak swasta dan NGO sama ada dalam atau di luar sekolah. Aktiviti KhidMas yang disertai dan dianjurkan perlulah aktiviti yang membawa impak positif kepada murid, sekolah dan masyarakat.

Program Rintis KhidMas telah melibatkan seramai 10,446 orang murid Tingkatan 4 di 64 buah sekolah di Kedah, Pahang, Melaka, Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Sabah. Pelibatan murid dalam Program KhidMas ini telah memberi kelebihan dalam aspek psikologi, sosial dan kognitif kepada mereka. Terdapat tujuh elemen yang boleh dipilih oleh murid, iaitu aktiviti Kejiranan/ Komuniti, Alam Sekitar, Bencana Alam, Khidmat Jabatan/ Agensi, Kebudayaan/ Kesenian/ Integrasi, Kerohanian dan Insaniah. Untuk setiap aktiviti yang disertai, sebanyak 2 markah akan diperuntukkan. Murid yang melaksanakan lebih dari lima aktiviti KhidMas layak untuk memperoleh markah penuh iaitu 10 markah. Sebanyak 89% orang murid yang terlibat dalam program rintis ini telah berjaya memperolehi markah penuh iaitu 10 markah.

## b. Program Intervensi Minda Sihat (PRISMA)


Program Intervensi Minda Sihat (PRISMA) dilaksanakan untuk meningkatkan kesejahteraan minda murid dengan memberi fokus kepada peningkatan tahap sosioemosi murid. PRISMA membantu murid meningkatkan kesedaran kepentingan kesejahteraan mental serta memberi panduan dan teknik menguruskan emosi dengan baik dan mendapatkan bantuan apabila berhadapan dengan sesuatu masalah.

Murid yang mengikuti PRISMA ialah murid berkeperluan tinggi yang dikenal pasti melalui Saringan Minda Sihat di sekolah. Murid berkeperluan tinggi merujuk kepada murid yang mendapat tahap skor teruk, sangat teruk dan murid yang menunjukkan tanda-tanda amaran ketidakstabilan emosi. Seramai 1,200 orang murid yang terdiri daripada 400 orang murid sekolah rendah, 400 orang murid menengah rendah dan 400 orang murid menengah atas seluruh Malaysia mengikuti program intervensi ini.

Program intervensi menggunakan Modul PRISMA merupakan wadah penting dalam meningkatkan tahap sosioemosi. Modul ini memberi penekanan kepada pembelajaran sosioemosi, teknik relaksasi, latihan pernafasan, kemahiran menangani stres, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran daya tindak murid dalam menguruskan emosi dengan baik.


Kesimpulannya, melalui inisiatif ini sokongan awal kepada setiap murid dapat diberikan dalam mengurus emosi dengan berkesan seterusnya dapat meningkatkan kesejahteraan minda murid.

Eksibit 4.4: Perbandingan Data Pra dan Pasca Program Intervensi Minda Sihat (PRISMA) Mengikut Lima Domain Utama Kemahiran Sosioemosi bagi Murid Sekolah Rendah




**PRISMA membantu murid meningkatkan kesedaran kepentingan kesejahteraan mental serta memberi panduan dan teknik menguruskan emosi dengan baik**

Eksibit 4.5: Perbandingan Data Pra dan Pasca Program Intervensi Minda Sihat (PRISMA) Mengikut Lima Domain Utama Kemahiran Sosioemosi bagi Murid Sekolah Menengah Rendah



Eksibit 4.6: Perbandingan Data Pra dan Pasca Program Intervensi Minda Sihat (PRISMA) Mengikut Lima Domain Utama Kemahiran Sosioemosi bagi Murid Sekolah Menengah Atas




## 4.2.2 Pengukuhan Peranan Pengetua dan Guru untuk Meningkatkan Kompetensi dan Profesionalisme GBK

### Pemantapan PdP Kurikulum Bertema dalam Pembangunan Karakter

Pemugaran dan tinjauan elemen pembangunan karakter melalui kurikulum dilakukan berdasarkan tema. Kit Pemugaran Elemen Pembangunan Karakter melalui PdP berdasarkan tema telah dibangunkan.

Eksibit 4.7: Empat Instrumen Tinjauan Elemen Pembangunan Karakter di Sekolah



### Program Nilai dan Karakter

Program Nilai dan Karakter (PRONIKA) memberi fokus kepada pementapan peranan pemimpin sekolah dan guru sebagai suri teladan dalam penerapan nilai dan sahsiah di sekolah. Program ini mendedahkan peserta dengan personaliti diri melalui instrumen *personality plus* dan membangunkan personaliti bagi melahirkan guru berjiwa pendidik.

Seramai 794 peserta telah berjaya dilatih mengikut zon seperti Eksibit 4.8. Pada tahun 2022, program ini bertujuan untuk:

- memperincikan peserta kepada empat tahap pengoperasian nilai dan pembangunan karakter di sekolah yang dijalankan.
- melatih dan mencadangkan aktiviti yang bersesuaian dengan nilai dan pembangunan karakter di sekolah secara merentas kurikulum.
- memindahkan idea untuk membudayakan nilai teras, sahsiah dan pembangunan dalam kehidupan.

Eksibit 4.8: Bilangan Peserta PRONIKA Tahun 2022 Mengikut Zon

ZON	JUMLAH PESERTA
UTARA	239
TENGAH	146
SELATAN	197
TIMUR	136
SABAH DAN SARAWAK	76
<b>JUMLAH</b>	<b>794</b>


## Program Pembangunan Kompetensi Guru Bimbingan dan Kaunseling (Opsyen) dan Guru Bimbingan Lantikan Sekolah (Bukan Opsyen)

Program Peningkatan Kompetensi GBK Guru Bimbingan Lantikan Sekolah (GBLS) dilaksanakan bagi meningkatkan profesionalisme GBK (Opsyen) dan GBLS (Bukan Opsyen) dalam merancang, melaksana, menilai perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang sistematik, berkualiti dan bekasan. Program ini menyediakan GBK dan GBLS yang kompeten dalam melaksanakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling murid yang memfokuskan kepada pembangunan sahsiah, peningkatan disiplin, pendidikan kerjaya dan kesejahteraan emosi murid.


Modul Pembangunan Kompetensi GBK (Pro-GBK) dibangunkan melalui analisis keperluan kepada GBK dan GBLS. Modul ini telah mendapat Pingat Perak dalam *International Counseling Innovation and Showcase i-Conovas 2.0* anjuran Persatuan Kaunseling Antarabangsa Malaysia (PERKAMA *International*) pada tahun 2021 di UPM.

Seramai 250 orang GBK (Opsyen) dan 250 orang GBLS (Bukan Opsyen) daripada JPN Kedah, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Sarawak telah mengikuti program pembangunan kompetensi ini. Terdapat peningkatan yang ketara dari segi kompetensi guru setelah menjalani program ini seperti direkodkan dalam Eksibit 4.9 dan 4.10.

Eksibit 4.9: Perbandingan Data Pra dan Pasca Program Pembangunan Kompetensi GBK (Opsyen)



Eksibit 4.10: Perbandingan Data Pra dan Pasca Program Pembangunan Kompetensi GBK (Bukan Opsyen)



## Sesi Jerayawara, Libat Urus dan Pengesahan GBK sebagai Kaunselor Berdaftar

Kementerian telah mengadakan sesi jerayawara bagi mempromosikan kepada GBK yang layak untuk mendaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM). Sebanyak 3 siri telah diadakan yang melibatkan 97 orang GBK.

Sehingga 31 Disember 2022 seramai 2,184 atau 40% daripada 5509 GBK layak mendaftar telah mendaftar dengan LKM.



---

**Sehingga 31 Disember 2022 seramai 2,184 atau 40% daripada 5,509 GBK layak mendaftar telah mendaftar dengan LKM**



## Melangkah ke Hadapan

Kementerian akan terus meningkatkan usaha untuk memperkukuh pendidikan karakter murid melalui peluasan Program Pembangunan Karakter Murid di Sekolah dan Pemantapan PdP dalam kurikulum dan kokurikulum serta pelaksanaan program khidmat masyarakat di semua sekolah menengah setelah kejayaan menjalankan program rintis pada tahun 2022.

Di samping itu, peranan pemegang taruh akan terus diperkasakan seperti peningkatan pengetahuan dan kemahiran pemimpin sekolah dan penambahbaikan pelibatan ibu bapa, komuniti dan agensi luar dalam pembangunan karakter murid.

Peranan serta kualiti perkhidmatan kaunseling di sekolah akan menjadi antara fokus utama KPM untuk mengukuhkan peranan GBK dan GBK (bukan opsyen) dan meningkatkan bilangan GBK berdaftar dengan LKM.



## BAB 05

MEMANTAPKAN KECEKAPAN  
PENYAMPAIAN PENDIDIKAN

## 5.1 PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR ASAS DI SEMUA SEKOLAH

Penyediaan Infrastruktur Asas di semua sekolah kekal menjadi keutamaan KPM kerana sekolah kondusif akan memberi motivasi kepada murid untuk hadir ke sekolah dan belajar. Melalui penilaian menggunakan skor gred impak Skala 1 hingga 7, Kementerian dapat menentukan keutamaan untuk melaksanakan projek pembangunan semula atau menaik taraf sekolah dengan memberi fokus kepada bangunan daif yang berada pada skala 6 dan 7.

Pada tahun 2022, fokus inisiatif ini ialah:

**5.1.1 PEMBANGUNAN SEMULA DAN NAIK TARAF SEBANYAK 49 BUAH PROJEK DAIF DARIPADA SENARAI SEKOLAH YANG MEMPUNYAI BANGUNAN DAIF SKALA 6 DAN 7 DISELESAIKAN MENGIKUT JANGKA MASA YANG DITETAPKAN**

**5.1.2 PENGENALPASTIAN BILANGAN SEKOLAH YANG MENCAPAI PENANDA ARAS INFRASTRUKTUR ASAS**

Penambahbaikan sistem *Education Management Information Systems (EMIS)*

ToT untuk audit akses MBPK

### 5.1.1 Pembangunan Semula dan Naik Taraf Sebanyak 49 Buah Projek Daif daripada Senarai Sekolah yang Mempunyai Bangunan Daif Skala 6 dan 7 Diselesaikan Mengikut Jangka Masa yang Ditetapkan

Sebanyak 57 projek pembangunan semula atau naik taraf sekolah yang mempunyai bangunan daif yang berada pada skala 6 dan skala 7 telah siap dilaksanakan berbanding sasaran sebanyak 49 projek.

### 5.1.2 Pengenalpastian Bilangan Sekolah yang Mencapai Penanda Aras Infrastruktur Asas


Pencapaian kepada 6 garis asas kemudahan minimum untuk penyampaian kurikulum KPM adalah seperti Eksibit 5.1.

Eksibit 5.1: Bilangan Sekolah Dengan Kemudahan Minimum Infrastruktur Asas

KEMUDAHAN MINIMUM	BILANGAN SEKOLAH
6	168
5	1,470
4	3,572
3	3,389
2	1,297
1	304



Eksibit 5.2: Garis Asas Enam (6) Kemudahan Minimum di Sekolah untuk Penyampaian Kurikulum



## Melangkah ke Hadapan

Penambahbaikan proses audit bangunan daif telah menunjukkan impak positif dalam tatacara pengurusan sekolah yang mempunyai bangunan daif. Hasil proses audit tersebut, sebanyak 76 cadangan projek sekolah dengan bangunan daif telah dikenal pasti untuk penggantian dan naik taraf dalam Rancangan Malaysia Ke-12 *Rolling Plan* 3 tahun 2023. Mulai tahun 2023, Kementerian telah menambah baik prosedur kerja dengan melibatkan Bahagian Pengurusan Aset untuk meneliti langkah alternatif *Preventive Maintenance*.



## 5.2 PEMBIAYAAN SAKSAMA BAGI BANTUAN PERSEKOLAHAN KPM

Inisiatif Pembiayaan Saksama bagi Bantuan Persekolahan KPM adalah untuk mencapai pengurusan kewangan yang lebih strategik bagi meningkatkan keberhasilan murid. Inisiatif ini masih memberi tumpuan kepada pengurusan kewangan yang saksama kerana belum mencapai hasrat yang ditetapkan.

Pelaksanaan autonomi kewangan membolehkan sekolah menggunakan peruntukan bantuan persekolahan umum semaksimum yang mungkin dan memberi manfaat kepada sekolah tersebut mengikut keperluan pada tahun semasa.

Pada tahun 2022, terdapat dua fokus utama inisiatif iaitu;

### 5.2.1 PENYEDIAAN KADAR BAHARU PEMBIAYAAN BANTUAN PERSEKOLAHAN

### 5.2.2 PELAKSANAAN AUTONOMI SEKOLAH

Peningkatan kesediaan pihak sekolah dalam melaksanakan autonomi kewangan mengikut garis panduan yang ditetapkan.

## 5.2.1 Penyediaan Kadar Baharu Pembiayaan Bantuan Persekolahan

Kementerian telah menyediakan Kertas Cadangan Kaedah Pembiayaan Baharu bagi Bantuan Persekolahan Umum untuk Sekolah Bawah KPM dalam meningkatkan keberhasilan murid melalui pengurusan kewangan yang lebih strategik dan efisien. Kaedah pembiayaan baharu yang dicadangkan supaya sekolah yang terpinggir dari segi kewangan mendapat peruntukan tambahan berdasarkan faktor lokasi sekolah, latar belakang sosioekonomi dan enrolmen selain peruntukan bantuan persekolahan umum sedia ada. Kertas cadangan ini telah mendapat kelulusan KPM dan seterusnya diserahkan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan.

**Kaedah pembiayaan baharu yang dicadangkan supaya sekolah yang terpinggir dari segi kewangan mendapat peruntukan tambahan berdasarkan faktor lokasi sekolah, latar belakang sosioekonomi dan enrolmen selain peruntukan bantuan persekolahan umum sedia ada**



## 5.2.2 Pelaksanaan Autonomi Sekolah

Sekolah yang diberi autonomi merupakan sekolah yang terpilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan iaitu pencapaian sekolah dalam laporan audit sekolah, iaitu mencapai status audit tanpa teguran dalam menyediakan penyata kewangan sekolah dan mencapai status cemerlang dalam pengurusan kewangan sekolah bagi kohort pertama untuk dua (2) tahun berturut-turut.


Kementerian telah melaksanakan pemberian autonomi kepada 937 buah sekolah dalam kaedah pembiayaan bantuan persekolahan umum KPM bagi kohort pertama (tahun 2020 – 2022) dan pemilihan sekolah bagi kohort ini berdasarkan laporan audit sekolah bagi tahun 2016 dan 2017.

Kementerian telah melaksanakan pemantauan dan bimbingan secara berkala kepada sekolah sejak kohort pertama. Sebanyak 120 buah sekolah dari setiap negeri dikenal pasti bagi kohort tersebut. Hasil pemantauan mendapati sekolah telah memanfaatkan autonomi pengurusan kewangan yang diberi.

Hasil pemantauan mendapati sekolah telah membuat perbelanjaan dengan menggunakan peruntukan yang diterima mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

Tinjauan pemantauan mendapati sebanyak 636 daripada 937 buah sekolah berautonomi berjaya mencapai sasaran prestasi perbelanjaan sekolah melebihi 50% seperti yang ditunjukkan dalam Eksibit 5.3. Hasil tinjauan juga menyatakan bahawa sekolah bersetuju dengan pemberian autonomi dalam pengurusan kewangan.

Eksibit 5.3: Prestasi Perbelanjaan Sekolah Autonomi 2022





*Taklimat Pemantauan dan Bimbingan Autonomi di Zon Tengah pada 25 Ogos 2022*



*Pemantauan dan Bimbingan Sekolah Diberi Autonomi Pengurusan Kewangan Sekolah Tahun 2022 di SK Belengu*

---

**Kementerian telah melaksanakan pemberian autonomi kepada 937 buah sekolah dalam kaedah pembiayaan bantuan persekolahan umum KPM bagi kohort pertama (tahun 2020 – 2022) dan pemilihan sekolah bagi kohort ini berdasarkan laporan audit sekolah bagi tahun 2016 dan 2017**


## **Melangkah ke Hadapan**

Sekolah yang diberi autonomi dalam pengurusan kewangan membolehkan PGB membuat pindah peruntukan antara bantuan persekolahan umum bagi membantu sekolah membuat perbelanjaan secara optimum berdasarkan perancangan untuk meningkatkan keberhasilan murid.

Hasil daripada pemantauan dan bimbingan kepada sekolah yang diberi autonomi pengurusan kewangan sekolah sepanjang tahun 2020 – 2022 yang telah dilaksanakan oleh Kementerian mendapati pemberian autonomi ini membantu sekolah dalam membuat perancangan dan pengurusan kewangan dengan efektif.

Mulai tahun 2023, aktiviti pemantauan dan bimbingan tersebut akan dilaksanakan sepenuhnya pada peringkat JPN. Oleh itu, Kementerian telah mengadakan sesi taklimat pemantauan dan bimbingan tersebut kepada pegawai perhubungan JPN, akauntan dan penolong akauntan JPN/ PPD. Sesi tersebut telah diadakan di enam buah zon dan melibatkan 16 JPN dan 144 buah PPD.

Usaha ini menunjukkan kerjasama yang bermula daripada peringkat bahagian, jabatan dan PPD dalam memastikan objektif pemberian autonomi ini tercapai dan usaha ini seharusnya diteruskan.



---

## BAB 06

MERAIKAN KEJAYAAN  
PPPM BERSAMA



# KEJAYAAN PPPM MILIK KITA BERSAMA PECUTAN TERAKHIR GELOMBANG 3

Keunikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2023 terletak pada pelaksanaannya yang dipantau rapat oleh sebuah unit kecil iaitu Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan atau *Education Performance and Delivery Unit* (PADU) khusus untuk memacu pelaksanaan PPPM merentas Kementerian dan sekolah. Bab ini akan mengimbuu kembali 10 tahun perjalanan PADU dalam memacu penyampaian transformasi sistem pendidikan negara.

Ditubuhkan pada 20 Mac 2013, PADU merupakan satu unit bebas di Kementerian Pendidikan Malaysia yang berperanan mewujudkan ketelusan pelaksanaan dan prestasi Inisiatif PPPM melalui pemantauan kemajuan, penyelesaian isu pelaksanaan dengan pegawai bertanggungjawab, dan pengurusan komunikasi bersama-sama pihak berkepentingan tentang transformasi pendidikan.

Selaku rakan strategik Kementerian, komposisi PADU yang terdiri daripada pegawai sektor awam dan swasta dengan pengalaman kumulatif lebih 50 tahun dalam transformasi pendidikan merupakan keunikan dan kelebihan unit ini. Gabungan pengetahuan dan kemahiran bakat terbaik daripada sektor awam dan swasta membantu merapatkan jurang antara kedua-dua sektor dan menggalakkan kerjasama antara pasukan yang merentas fungsi, serta memupuk budaya kerja yang berupaya meningkatkan kecekapan pelaksanaan dari segi masa dan kos.

---

Selaku rakan strategik Kementerian, komposisi PADU yang terdiri daripada pegawai sektor awam dan swasta dengan pengalaman kumulatif lebih 50 tahun dalam transformasi pendidikan merupakan keunikan dan kelebihan unit ini



## PADU Memacu Transformasi Pendidikan yang Kompleks dan Meluas

Bagi memacu pelaksanaan PPPM, satu plan komprehensif untuk mentransformasikan sistem pendidikan di Malaysia, PADU telah membangunkan Kitaran Pengurusan Inisiatif PPPM dan Kerangka Penyampaian PADU, berdasarkan kerangka *Managing Successful Programme* (MSP) dan *Big Fast Result* (BFR) iaitu metodologi yang diiktiraf membantu memastikan penyampaian program dan projek yang kompleks dengan berkesan. Kerangka dan kitaran ini membimbing kerja harian PADU dan pasukan Inisiatif PPPM daripada fasa perancangan hingga pemantauan.

Kitaran Pengurusan Inisiatif mengandungi empat fasa iaitu perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian. Kitaran ini melibatkan setiap peringkat dalam organisasi KPM daripada Menteri Pendidikan, Pengurusan Tertinggi hingga pegawai yang membentuk pasukan inisiatif (seperti Eksibit 6.1).

Kerangka Penyampaian PADU terdiri daripada templat Perancangan Inisiatif (piagam, kamus *Key Performance Indicator* (KPI) dan Pelan 3-kaki), *dashboard* pemantauan, proses berstruktur dan platform penyelesaian masalah, penilaian pertengahan tahun, penilaian akhir tahun dan laporan tahunan (seperti Eksibit 6.2).

Eksibit 6.1: Kitaran Pengurusan Inisiatif





Metodologi pengurusan program yang digunakan untuk menyediakan pendekatan bersestematik bagi menguruskan Inisiatif PPPM. Penerapan budaya disiplin penyampaian ini telah diperkenalkan di Kementerian sejak mula pelaksanaan PPPM pada tahun 2013. Sehingga tahun 2022, PADU telah bekerjasama dan melatih serama 141 orang Pengurus Program dan lebih 600 orang Ketua Alur Kerja berkenaan pengurusan dan penyampaian program.

## Pengurusan Perubahan dan Komunikasi Strategik Melancarkan Pelaksanaan Transformasi

Pelibatan serta kerjasama daripada pihak berkepentingan dan rakan strategik penting dalam memastikan kejayaan transformasi pendidikan. Dalam konteks pelaksanaan PPPM, pengurusan perubahan dan kemahiran komunikasi strategik perlu diterapkan kepada semua pihak berkepentingan khususnya kepada para pegawai Kementerian bagi memastikan maklumat tentang inisiatif yang dirancang dapat disampaikan dengan jelas dan diterima baik.

Berpegang kepada prinsip pengurusan perubahan, PADU memastikan mesej utama yang ingin disampaikan berkaitan pelaksanaan PPPM kepada pihak awam dilaksana secara strategik. Mesej disampaikan kepada setiap lapisan pihak berkepentingan melalui pelbagai mod dan platform bagi memastikan aspirasi PPPM dapat dicapai. Pelan komunikasi strategik diimplementasi dan diukur keberkesannya supaya penambahbaikan dapat dibuat. Sepanjang 10 tahun pelaksanaan PPPM, dua siri audit jenama atau *Brand Audit* telah dikendalikan bagi mengukur kesedaran, pemahaman dan penerimaan pihak awam dan berkepentingan.

Secara keseluruhan, PADU tidak hanya menitikberatkan fungsi komunikasi semata-mata, malah turut menekankan kepentingan pengurusan perubahan dalam membantu organisasi menghadapi cabaran, meningkatkan daya saing, mengelola perubahan yang kompleks dan mengurangkan ketidakpastian yang mungkin timbul akibat proses perubahan semasa pelaksanaan semua inisiatif PPPM.



## Pengurusan Kewangan Inisiatif PPPM Menjamin Akauntabiliti dan Ketelusan

PADU bertanggungjawab menyelaras peruntukan Inisiatif PPPM di bawah komponen bajet Program Khusus Belanjawan Negara iaitu menyediakan Anggaran Belanja Mengurus (ABM) tahunan, memudah cara penyaluran peruntukan kepada pasukan inisiatif dan memantau serta melaporkan prestasi perbelanjaan inisiatif secara bulanan dan tahunan. mengurangkan risiko dan isu pematuhan PADU sebagai pemudah cara perancangan kewangan inisiatif melalui pendekatan Bajet Berasaskan *Outcome (Outcome Based Budgeting)* melalui proses saringan semakan Bahagian Kewangan KPM dan Kementerian Kewangan. Perancangan dan unjuran perbelanjaan dibuat secara terperinci melalui Pelan 3-kaki inisiatif iaitu pelan komprehensif pelaksanaan inisiatif bagi mengurangkan risiko dan isu pematuhan.

Selain memudah cara, PADU juga memantau prestasi perbelanjaan inisiatif secara berkala berdasarkan unjuran perbelanjaan bulanan inisiatif bagi meningkatkan prestasi dan kualiti belanja. Kumpulan Inisiatif yang berprestasi rendah dalam perbelanjaan, akan dibantu mengenal pasti isu jurang perbelanjaan peruntukan berdasarkan unjuran melalui sesi klinik anjuran PADU. Di samping itu, laporan prestasi perbelanjaan inisiatif juga dibentangkan kepada Pengurusan Teringgi KPM, dan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun Kementerian. Usaha pemantauan secara berkala terhadap prestasi perbelanjaan adalah untuk memastikan akauntabiliti dan ketelusan dalam kalangan kumpulan inisiatif.



## Meningkatkan Kecekapan Penyampaian Kementerian Melalui ICT

Salah satu cara PADU membantu menyokong pemantauan pelaksanaan inisiatif adalah melalui pembangunan papan pemuka interaktif atau *dashboard*. Dengan adanya *dashboard*, pelbagai maklumat/ data dapat dipaparkan dalam bentuk interaktif dan bersepadu bertujuan meningkatkan kecekapan penyampaian inisiatif supaya segala keputusan yang dibuat adalah tepat dan berkesan. Sehingga tahun 2022, lebih 100 *dashboard* pelbagai fungsi telah dibangunkan antaranya *Dashboard* Inisiatif PPPM.

Paparan visual yang ringkas dan mudah difahami melalui paparan carta, peta, dan elemen data lain memberikan pandangan terperinci tentang prestasi dan trend data. Selain dapat membuat keputusan yang tepat, data yang diperoleh melalui dashboard juga dapat meningkatkan keberkesanan penyelesaian masalah dengan menganalisis dan memahami data secara lebih efektif.

## PELAKSANAAN DENGAN KAEDAH TERBEZA

PADU memastikan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan PPPM dengan kaedah terbeza. Pendekatan yang diambil adalah berorientasikan hasil dan berasaskan data dengan pelbagai alat dan kaedah seperti *dashboard*, visualisasi data, pengurusan perubahan, dan komunikasi untuk memantau, menilai dan menambah baik prestasi dan hasil inisiatif PPPM. PADU juga melibatkan dan memperkasakan rangkaian pelbagai pihak berkepentingan, termasuk pelajar, guru, ibu bapa, pemimpin sekolah, pegawai pendidikan daerah, jabatan pendidikan negeri, dan agensi lain untuk bekerjasama dan menyumbang kepada transformasi pendidikan.



# 1. Keberkesanan Pengurusan Program

## a. Pelibatan pihak pengurusan tertinggi Kementerian melalui Bengkel Permukiman PPPM 2022

Bengkel Permukiman PPPM 2022 telah dianjurkan melibatkan Pengurusan Tertinggi dan Ketua Bahagian Kementerian yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan Inisiatif PPPM. Kepimpinan Kementerian telah diberi penerangan mengenai pencapaian utama PPPM sepanjang 10 tahun pelaksanaan dan isu serta cabaran penyampaian inisiatif. Antara isu serta cabaran utama yang dibincangkan adalah berkenaan dengan pelaksanaan PPPM yang dilihat tidak menjadi keutamaan Kementerian, pengurusan program yang masih kurang komprehensif dan budaya kerja secara bersendirian.

Sesi penyelesaian masalah diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha dan Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia dan dibantu dan diselia oleh fasilitator daripada PADU. Cadangan penyelesaian masalah telah dibentangkan kepada Pengurusan Tertinggi Kementerian. Hasil permukiman adalah iltizam dan komitmen pengurusan Kementerian untuk terus mengangkat PPPM 2013 – 2025 sebagai pelan strategik Kementerian dalam mentransformasikan sistem pendidikan negara dan melaksanakan langkah intervensi bagi menambah baik penyampaian dan pelaksanaan inisiatif PPPM yang hanya berbaki 3 tahun.

## b. Pelaksanaan Ops Cicir Sifar dan Jawatankuasa Peningkatan Enrolmen Menengah

Dalam usaha melestarikan program pengurangan keciciran murid, PADU telah bekerjasama dengan agensi luar seperti Exco Pendidikan Negara, Polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kumpulan Agama, Ketua Komuniti, dan NGO di kawasan yang terlibat bagi menubuhkan Ops Sifar dan Jawatankuasa Peningkatan Enrolmen Menengah (JPEM). Kerjasama ini membolehkan penyelarasan koordinasi yang lebih baik yang seterusnya menghasilkan kejayaan dalam pengurangan bilangan murid cicir.

## c. Pembangunan Profil PPD

PADU mengumpulkan data bagi pemprofilan 16 JPN dan 142 PPD. Profil ini berfungsi sebagai alat Kepintaran Perniagaan (Business Intelligence Tool) yang memberikan gambaran keseluruhan tentang demografi JPN/ PPD, input (aktiviti), dan hasil (seperti keputusan dan kehadiran). Melalui profil ini, JPN dan PPD diperkasakan dengan ilmu dan kemahiran membuat hipotesis awal bagi menyelesaikan masalah. Pengarah JPN dan Ketua PPD dilatih menggunakan instrumen penyelesaian masalah, perancangan strategik, dan membuat strategi berdasarkan data langsung yang diberikan kepada setiap daerah masing-masing. Hasilnya, JPN dan PPD dapat membuat perancangan strategik yang didorong data, berfokus dan inovatif dengan menggunakan alat yang tepat dan kemahiran dapat dipertingkatkan.

## d. Forum Transformasi Daerah

Selaras dengan Anjakan 6 PPPM 2013-2025, iaitu mengupayakan JPN, PPD dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berdasarkan keperluan, PADU telah menganjurkan Forum Transformasi Daerah (*District Transformation Forum, DTF*). Forum ini dihadiri oleh 156 orang pegawai yang terdiri daripada pegawai jawatan utama di JPN dan PPD di seluruh Malaysia, dengan sokongan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH). Forum yang bertemakan "*A Changed Mindset, A Transformed PPD*" diadakan untuk berkongsi pendekatan dan amalan terbaik proses transformasi pendidikan yang telah dilaksanakan dengan berkesan di sesetengah daerah. Forum ini telah diterima baik oleh para peserta serta mendapat maklum balas yang positif kerana peserta berpeluang meneroka kaedah baharu untuk pelaksanaan program transformasi, dan membantu menyelesaikan isu-isu berbangkit di kalangan daerah dan negeri. Selain itu, forum ini juga menjadi platform untuk mengadakan perbincangan di antara pengurusan tertinggi Kementerian dengan pegawai JPN dan PPD.

## 2. Kerjasama Dengan Pihak Swasta Melalui Kerjasama Awam Swasta (PPP)

### a. STEMforAll

PADU bekerjasama dengan entiti luar seperti Microsoft, Petrosains, dan Persatuan Kreativiti & Inovasi Malaysia (MACRI) bersama-sama 52 buah organisasi yang telah menandatangani perjanjian untuk menjadi sebahagian daripada agen komunikasi #STEMforAll sebagai sebahagian daripada inisiatif Pengukuhan Pendidikan STEM.

### b. Kerjasama Awam Swasta (PPP) untuk Murid Orang Asli

PADU meluaskan kerjasamanya dengan NGO bagi melaksanakan program intervensi bagi inisiatif Orang Asli. Antara pihak NGO yang terlibat ialah Yayasan Pintar dan MyKasih. MyKasih membiayai barangan asas sekolah untuk 60 orang pelajar dari kawasan Gunung Tahan setiap bulan bagi tempoh tiga hingga lima tahun.

### c. Kerjasama Awam Swasta (PPP) dengan Industri bagi Menyokong Pentadbiran Kolej Vokasional (KV) Baharu

PADU mempromosikan PPP dan menyelaraskan perbincangan dengan pemain industri. Memainkan peranan penting dalam inisiatif, PADU telah dilantik untuk menjadi sebahagian daripada Pasukan Petugas bagi memastikan pemain industri mengendalikan kursus di KV baharu. Antara perkongsian yang berjaya diwujudkan ialah dengan Pusat Pembangunan Petroleum Johor yang bersetuju untuk bekerjasama dengan KV dalam program kimpalan bersepadu yang telah dilancarkan pada tahun 2019.



## 3. Penyampaian Pengurusan Perubahan dan Komunikasi Strategik

### a. Edufluencers

Sedar akan keupayaan untuk mempengaruhi guru-guru, PADU bekerjasama dengan Kementerian membentuk satu komuniti guru mempengaruhi didik (*Edufluencers*) yang dipilih dari guru-guru hebat melalui kempen pencarian Edufluencers kohort satu pada tahun 2019 dan kohort dua pada 2022. Komuniti ini telah menghimpunkan seramai 190 guru dari seluruh Malaysia. Komuniti *Edufluencers* ini berperanan menjadi suri teladan dan Pengaruh Pendidik di platform media sosial boleh membantu Kementerian menyampaikan maklumat kepada pemegang taruh yang lain terutamanya kepada rakan guru, murid dan ibu bapa.

## b. Audit Jenama


Sepanjang penubuhan PADU, pelbagai mesej yang menarik telah dilaksanakan bagi memastikan aspirasi PPPM dapat dilaksanakan. Pelaksanaan Audit Jenama yang telah dijalankan melalui temu bual berfokus (*focus group interview*), tinjauan kaji selidik dan *interview* pihak berkepentingan bagi mendapat maklum balas pelaksanaan PPPM. Hasil dapatan audit jenama 2.0 menunjukkan terdapat sedikit penurunan minat dalam kemajuan pelaksanaan PPPM. Hal ini berlaku pada kedua-dua pihak berkepentingan iaitu dalaman dan luaran terutama selepas gangguan kepada komunikasi yang berterusan dan pelibatan pihak berkepentingan akibat pandemik COVID-19. Untuk memastikan proses transformasi skala besar ini berjaya, kita perlu menangani *implementation fatigue*, hilang minat terhadap PPPM, dan rasa pengasingan dari pihak berkepentingan.

## c. Key Opinion Leaders (KOLs)

PADU merupakan antara agensi Kementerian yang terawal bekerjasama dengan *Key Opinion Leaders* (KOLs) yang terdiri daripada personaliti berpengaruh pelbagai bidang seperti hiburan, sukan, korporat dan pendidikan. Melalui KOLs, kesedaran terhadap PPPM berjaya diluaskan serta mesej PPPM dapat disampaikan ke khalayak awam dengan lebih berfokus.

## d. Iklan Pawagam

Pengiklanan di pawagam juga telah dijalankan bagi meningkatkan kesedaran serta sokongan PPPM. Pengiklanan ini telah mendapat jutaan tontonan dalam jangka masa terhad dengan pemilihan waktu tayangan semasa filem-filem pecah panggung ditayangkan. Secara keseluruhan, PADU tidak hanya menitikberatkan fungsi komunikasi semata-mata malah menekankan fungsi pengurusan perubahan kerana faktor penting untuk membantu organisasi menghadapi cabaran, meningkatkan daya saing, mengelola perubahan yang kompleks dan mengurungi ketidakpastian yang mungkin timbul selama proses perubahan terutama semasa membantu proses implementasi semua Inisiatif PPPM.



# 4. Pembangunan Penyelesaian Teknologi Maklumat

## a. Automasi Proses: Memperkemas Tugas Pentadbiran

Kewujudan pelbagai sistem yang berfungsi secara silo dan kepelbagaian struktur data adalah antara isu dan cabaran yang dihadapi oleh Kementerian. Ini merumitkan proses capaian data dan penjaanaan laporan serta memerlukan proses kesahihan secara manual.

PADU telah dilibatkan bagi mengkaji proses kerja operasi dan mencadangkan penyelesaian automasi bagi menyeragamkan proses kerja operasi secara keseluruhan. Aktiviti ini memudahkan pencapaian data serta menghasilkan laporan secara sistematik dan pantas, serta mengurangkan risiko kesilapan manusia.

Selain itu, PADU juga telah membantu Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) membangunkan sistem automasi PLaN untuk pentaksiran bilik darjah (PBD) bagi murid tahun 1, 2 dan 3 bagi tujuan intervensi awal. Projek ini melibatkan pengumpulan data pentaksiran bilik darjah untuk 7,000 sekolah seluruh Malaysia.




**b. Dashboard dan Visualisasi Data: Memacu Pembuatan Keputusan Berdasarkan Data**

Papan pemuka interaktif atau *Dashboard*, merupakan salah satu elemen penting dalam memaparkan informasi dalam bentuk interaktif dan bersepadu. Lebih dari 100 dashboard pelbagai fungsi dibangunkan seperti *Dashboard Cerdik* untuk paparan projek distribusi peranti, *Dashboard GSEFE* untuk senarai kemahiran guru digital seluruh Malaysia, *Dashboard Digital Me Badge* untuk senarai penerima lencana khas yang mengikuti program kemahiran khas.

Paparan visual yang terdiri daripada carta, peta, dan elemen data lain disajikan dengan cara yang mudah difahami dan memberikan pandangan terperinci tentang prestasi dan trend data. Paparan visual ini juga membantu pengguna menganalisis, memahami, dan membuat keputusan berdasarkan data secara lebih efektif dan efisien. Pembangunan dashboard ini dibangunkan secara dalaman oleh PADU tanpa sebarang kos tambahan kepada Kementerian. Selain itu, PADU turut melaksanakan sesi bengkel pembangunan dashboard kepada Kementerian bagi meningkatkan kemahiran pegawai Kementerian membina *dashboard* mengikut keperluan dan fungsi masing-masing.

Dengan kerjasama BPM dan EPRD, *dashboard* dapat direalisasikan dengan kewujudan pengkalan data repositori yang telah diintegrasikan dengan pelbagai sistem seperti APDM dan e-Operasi.



### c. Pengintegrasian Teknologi

Pengalaman bersama Kementerian membantu PADU memahami keperluan semasa institusi pendidikan, di samping bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan untuk merangka penyelesaian teknologi yang bersesuaian.

CERDIK merupakan salah satu projek antara Kementerian dan pihak swasta yang PADU berperanan penting dalam membangunkan penyelesaian teknikal pemantauan peranti digital yang disumbangkan oleh pihak swasta sebagai penaja dan pengurus pengagihan. Sumbangan PADU membolehkan projek ini memantau keberhasilan projek secara telus. Laporan penggunaan peranti digital dijana melalui papan interaktif oleh murid mengikut sekolah terlibat. CERDIK merupakan salah satu projek pemantauan peranti digital yang melibatkan integrasi dan pemantauan antara penaja, pengurus pengagihan dan penerima bantuan. Aktiviti ini merekod setiap peranti yang disumbang secara terperinci. Pada akhir projek ini, Kementerian mendapat laporan yang dijana melalui papan interaktif yang menunjukkan bilangan peranti, sekolah terlibat, penerima dan banyak lagi.

PADU juga menjalankan beberapa sesi latihan perkongsian ilmu secara maya dan juga bersemuka. Antara bahagian yang mendapat latihan ialah BPSH, BSTP, BPK, BPPDP. Sesi latihan ini lebih fokus kepada analisis data, kaedah terbaik, serta penjana laporan kerja.

## 5 Kecekapan Pengurusan Kewangan

### Pengurusan Kewangan Inisiatif PPPM

PADU bertanggungjawab untuk menyelaraskan peruntukan Inisiatif PPPM bawah komponen bajet Program Khusus Belanjawan Negara iaitu menyediakan Anggaran Belanja Mengurus (ABM) tahunan, memudah cara penyaluran peruntukan kepada 17 pasukan inisiatif dan memantau serta melaporkan prestasi perbelanjaan inisiatif secara bulanan dan tahunan. Bagi tahun 2022, peruntukan Inisiatif PPPM yang diperuntukkan adalah RM45 juta.

PADU memudah cara perancangan kewangan inisiatif berdasarkan pendekatan *outcome based budgeting* melalui proses saringan semakan Bahagian Kewangan KPM dan Kementerian Kewangan.


Pemantauan prestasi perbelanjaan inisiatif dibuat berdasarkan unjuran perbelanjaan bulanan inisiatif yang telah dibangunkan melalui Pelan 3-kaki. Inisiatif yang menunjukkan prestasi kurang baik dalam perbelanjaan dibantu oleh PADU melalui sesi klinik bagi mengenal pasti isu jurang perbelanjaan peruntukan berdasarkan unjuran. PADU bertanggungjawab membentangkan prestasi inisiatif kepada Pengurusan Tertinggi KPM dan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun Kementerian. Pemantauan secara berkala perlu diteruskan sehingga tahun akhir pelaksanaan Inisiatif PPPM untuk memastikan prestasi pelaksanaan dan perbelanjaan peruntukan Inisiatif PPPM dapat dikekalkan dan dipertingkatkan.

---

PADU memudahcara perancangan kewangan inisiatif melalui pendekatan *outcome based budgeting* melalui proses saringan semakan Bahagian Kewangan KPM dan Kementerian Kewangan



# PADU MELANGKAUI BATASAN PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB



## 2015

### PROGRAM TRANSFORMASI DAERAH (DTP)

Pada tahun 2015, PADU diberi tanggungjawab untuk membina keupayaan pegawai di 5 buah JPN dan 30 buah PPD yang diberi prioriti. PPD berperanan mendukung dan meningkatkan kualiti pendidikan di semua sekolah.

Hasil daripada program ini, lima buah negeri prioriti telah menunjukkan peningkatan pencapaian kualiti pendidikan. Perlis muncul sebagai negeri yang memperoleh pencapaian tertinggi, manakala pencapaian negeri Kedah meningkat melebihi purata kebangsaan. Pengurangan kos kebangsaan juga dapat dicapai hasil daripada program ini.

## 2016


### SEMAKAN BAJET ABM 2017 KPM

Perkhidmatan perundingan PADU telah digunakan oleh Kementerian Kewangan pada tahun 2016 dalam usaha meningkatkan kecekapan peruntukan bajet Kementerian Pendidikan setiap tahun berikutnya. Melalui peranan ini, PADU mengawal dan menyelaraskan semula semua program dan aktiviti Kementerian dengan:

- (i) menghapuskan pelbagai bajet yang berlebihan, dengan meneliti semua permintaan bajet bahagian dan menghapuskan penggandaan;
- (ii) memberi keutamaan kepada program, dengan menghapuskan atau mengurangkan program sedia ada yang memberi kesan minimum terhadap keberhasilan murid atau sistem penyampaian; dan
- (iii) memberi tumpuan kepada program yang berorientasikan keberhasilan, dengan memastikan bahawa peruntukan bajet diberikan kepada program dan aktiviti yang berkaitan dengan keberhasilan yang diinginkan oleh Kementerian dan menyokong pencapaian petunjuk prestasi utamanya (KPI).

Hasil daripada latihan ini, RM280 juta berjaya dijajarkan semula kepada program dan aktiviti pada tahun 2017 yang memberi impak lebih besar kepada keberhasilan murid.

Sepanjang sepuluh tahun pelaksanaan PPPM, PADU telah menjalankan pelbagai program dan aktiviti yang telah menyokong kejayaan PPPM. PADU terus memberi nilai tambah kepada Kementerian terutamanya dalam memupuk perubahan budaya untuk bekerja dengan penyampaian yang berkesan kepada pelaksanaan PPPM. Ini juga didorong dengan hasil usaha yang melangkaui batas peranan serta tanggungjawab yang diberikan bagi memastikan penyampaian PPPM dapat dilaksanakan.



## 2017

### BENGGEL PENGUKUHAN PELAN TINDAKAN STRATEGIK AGENDA STEM NEGARA

Selain daripada sokongan kepada pihak berkepentingan dalam Kementerian sendiri, PADU juga telah dijemput bagi membantu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebagai pemudah cara dalam Bengkel Pengukuhan Pelan Tindakan Strategik Agenda STEM Negara pada bulan Julai 2017. Salah satu pencapaian utama bengkel ini merupakan penubuhan Pusat STEM Negara yang telah diberikan tumpuan dalam Ucapan Bajet Negara 2018.

## 2018

- **MEMUDAH CARA PELAN STRATEGIK BAGI KEMUDAHAN PENDIDIKAN TINGGI KOMANWEL (CTEF)**  
Pada tahun 2018, PADU telah ditugaskan untuk memudah cara bengkel bagi membangunkan pelan strategik Kemudahan Pendidikan Tinggi Komanwel (*Commonwealth Tertiary Education Facility*, CTEF). PADU mendapat khidmat nasihat dan panduan daripada Lembaga Pemegang Amanah tentang cara memastikan hasil bengkel yang berkesan. Bengkel ini telah berjaya membangunkan draf pelan strategik dan diserahkan kepada pengurusan tertinggi Kementerian untuk diselaraskan.
- **MEMUDAH CARA WACANA STRATEGIK UNTUK LEMBAGA AHLI TEKNOLOGI MALAYSIA (MBOT)**  
Pada tahun 2017, PADU menjalankan sesi makmal yang turut dihadiri ahli pasukan pengurusan Lembaga Ahli Teknologi Malaysia (*Malaysian Board of Technologists*, MBOT). Hasil sesi makmal tersebut, PADU telah dipertanggungjawab merancang dan menganjurkan wacana mereka. Daripada sesi wacana yang diadakan pada tahun 2018, Lembaga Pengarah MBOT berjaya mengenal pasti isu utama, peluang dan pelan tindakan strategik utama untuk dibangunkan sebagai Pelan Strategik MBOT.
- **MEMBINA KEUPAYAAN MELALUI CIPTAAN BERSAMA**  
PADU terlibat sebagai pemudah cara dalam perumusan kerangka kerja. Rangka Kerja Makmal Pembangunan Nilai, Rangka Kerja Makmal Pelan Strategik Keperluan Pendidikan Khas, dan Elemen Nilai dalam kerangka instrumen Profil Murid antara contoh kerangka yang dibangunkan bersama-sama dengan pegawai Kementerian. Kerjasama ini mewujudkan persekitaran yang ideal untuk pegawai Kementerian mempelajari secara langsung untuk memudahkan, menghasilkan idea dan membangunkan penyelesaian semasa sesi makmal.

Selain peningkatan kemahiran, PADU juga membantu proses sindikasi Makmal Pembangunan Nilai bersama-sama Timbalan Menteri Pendidikan. Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas), peneraju Pelaksanaan Pelan Strategik Pendidikan Khas, telah berjaya memenuhi garis masa bagi kelulusan pada bulan Disember 2018. Akhirnya, rangka kerja Elemen Nilai dimasukkan dalam Profil Murid dan telah dirintis pada tahun 2019.

## 2019

- **KL YOUTH SUMMIT 2019**

PADU dijemput oleh penganjur *KL Youth Summit 2019* sebagai pemudah cara bengkel yang dihadiri oleh 200 orang peserta daripada 22 buah negara. PADU bertanggungjawab untuk membangunkan kandungan bengkel dan menguruskan bengkel. Bengkel ini melibatkan enam kluster iaitu Pendidikan, Ekonomi, Politik, Keusahawanan, Revolusi Industri 4.0 dan Tadbir Urus yang Baik. PADU membantu membangunkan skop perbincangan dan piagam bengkel. Bengkel tersebut telah berjaya menghasilkan sebanyak lapan resolusi bawah enam kluster.

- **EDUFLUENCERS (Pempengaruh Didik)**

Pada tahun 2019, komuniti Edufluencers telah diperkenalkan bagi membantu Kementerian dalam penyerbarluasan maklumat serta dasar KPM kepada masyarakat awam melalui platform media sosial. Guru *Edufluencers* memainkan peranan sebagai agen perubahan kepada Kementerian bagi memastikan pemegang taruh mendapat sumber informasi yang tepat dan sahih.

- **PENYELARASAN PERANCANGAN STRATEGIK TAWARAN BAHARU (NEW DEALS)  
KLUSTER SOSIAL: WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030**

PADU telah mewakili Kementerian Pendidikan untuk menyelaraskan Perancangan Strategik Tawaran Baharu Kluster Sosial: Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang melibatkan 8 kementerian seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. PADU berperanan membangunkan kerangka perancangan strategik, proses kerja dan pelaksanaan bengkel. Hasil perancangan tersebut telah dibentangkan kepada Menteri Kanan Pendidikan selaku Ketua Kluster Sosial dan seterusnya diserahkan kepada Pejabat Ketua Setiausaha Negara dan Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) selaku Sekretariat Tawaran Baharu.

- **DidikTV**

PADU telah bekerjasama dengan stesen televisyen dalam membantu Kementerian menyediakan bahan siaran pembelajaran pendidikan semasa pandemik COVID-19.

- **DELIMa**

Pada tahun 2018, Sistem Pengurusan Pengguna (SPP) telah dibangunkan PADU bersama-sama KPM merupakan proses automasi pengurusan ID DELIMa SPP yang meliputi pendaftaran murid, lesen penggunaan, perpindahan pengguna, kemas kini data murid dan kata laluan secara pukal bagi seluruh sekolah dalam ekosistem Kementerian. Projek ini berjaya memudahkan 10 proses kerja manual kepada satu sistem automasi pengurusan ID DELIMa.

## 2021

- **PROGRAM CERDIK**

PADU membantu dalam pemantauan peranti digital yang melibatkan kerjasama antara penaja, pengurus pengagihan dan penerima bantuan. Pada akhir projek ini, Kementerian mendapat laporan terperinci yang dijana melalui papan interaktif.

## 2022

- **PEMERKASAAN FUNGSI PEGAWAI PERHUBUNGAN**

PADU telah diberi tanggungjawab oleh mantan KSU untuk bekerjasama dengan Unit Komunikasi Korporat (UKK) bagi memantapkan proses komunikasi dan menambah baik kerangka komunikasi Kementerian secara menyeluruh. Bengkel Kerja Pembangunan Kerangka Serta Pelan Komunikasi Strategik telah diadakan bersama-sama pegawai perhubungan di bahagian atau JPN.

Bengkel kerja ini memberi pendedahan dan latihan kepada pegawai perhubungan untuk membentuk hala tuju serta merangka pelan dan latihan komunikasi strategik yang betul dan berkesan.

- **MALAYSIA EDUCATION BLUEPRINT FORUM**

Satu daripada strategi komunikasi dan pengurusan perubahan adalah pendekatan dan penyertaan pihak berkepentingan luaran. Oleh itu, pada tahun 2022 rakan strategik Kementerian bersama-sama menyokong PADU dalam transformasi pendidikan dilibatkan dalam sesi forum transformasi pendidikan.

Tujuan forum ini adalah untuk melibatkan rakan strategik sebagai penaja perubahan (*change sponsors*) dalam proses pengurusan perubahan yang mampu melancarkan transformasi pendidikan dengan sokongan dan komitmen mereka. Forum ini memberi peluang kepada rakan strategik untuk berkongsi amalan terbaik yang dihasilkan dan program yang dilaksanakan bersama-sama Kementerian.

- **PROGRAM PEMBANGUNAN KEUPAYAAN- JPN & PPD**

Selaras dengan mandat dan fungsi baru PADU yang telah dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Mac 2020 iaitu pelaksanaan pembangunan keupayaan Kementerian. Pada tahun 2022 PADU telah menganjurkan program perkongsian ilmu dan pembangunan keupayaan melalui program PADU Turun Padang. Objektif program Pembangunan Keupayaan Kementerian adalah untuk memindahkan pengetahuan dan amalan terbaik PADU ke KPM, khususnya untuk pegawai di JPN yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan mereka berdasarkan amalan terbaik.

## PPPM HAMPIR KE GARISAN PENAMAT

Menghampiri tahun-tahun terakhir PPPM, PADU sentiasa mendukung hasrat Kementerian dalam memacu transformasi pendidikan negara. Usaha berterusan memantau kemajuan, menyelesaikan isu pelaksanaan dengan pegawai bertanggungjawab dan mengurus komunikasi bersama-sama pihak berkepentingan menjadi fokus utama dalam transformasi pendidikan.

Sepanjang 10 tahun pelaksanaan PPPM, PADU telah menjalankan pelbagai program pembangunan keupayaan untuk pegawai di Kementerian, JPN dan PPD. Program pembangunan keupayaan ini merangkumi aspek Pengurusan Projek/ Program, Pengurusan Penyampaian, Pengurusan Perubahan dan Komunikasi dan Teknologi Maklumat.

Selaras dengan mandat untuk menyerahkan fungsi dan tanggungjawab melaksanakan inisiatif kepada Kementerian, satu unit pengurusan penyampaian akan ditubuhkan oleh Kementerian bagi mengambil alih objektif dan fungsi seperti yang telah dimandatkan kepada PADU. Unit Pengurusan Penyampaian PPPM (*Delivery Management Unit, DMU*) akan menjalankan fungsi PADU bagi memantau dan membantu pasukan inisiatif dalam melaksanakan hasrat PPPM sehingga tahun 2025. PADU akan terus membantu dan menyokong DMU dan KPM dalam pelaksanaan transformasi pendidikan.

---

Menghampiri tahun-tahun terakhir PPPM, PADU sentiasa mendukung hasrat Kementerian dalam memacu transformasi pendidikan negara



# GLOSARI

3M	Membaca, Menulis dan Mengira
ABC	Anak yang Baik lagi Cerdik
ABM	Anggaran Belanja Mengurus
ACS	<i>American Chemical Society</i>
AIU	Albukhary International University
APDM	Aplikasi Pengkalan Data Murid
ASP	Akademi Sains Pendang atau Sekolah Menengah Sains Pendang
BBBM	Bahan Bantu Mengajar Murid
BI	Bahasa Inggeris
BEM	Board of Engineers Malaysia
BFR	<i>Big Fast Result</i>
BM	Bahasa Melayu
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
BPKhas	Bahagian Pendidikan Khas
BPM	Bahagian Pengurusan Maklumat
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
BPSH	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
BSN	Bank Simpanan Nasional
BSTP	Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
CEFR	<i>Common European Framework of Reference for Languages</i>
CPD	Pembangunan Profesionalisme Berterusan
CTEF	<i>Commonwealth Tertiary Education Facility</i>
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DELIMa	<i>Digital Educational Learning Initiative Malaysia</i>
DLP	Program Dwi-Bahasa
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
DSTIN	Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara
DTF	<i>District Transformation Forum</i>
DTP	<i>District Transformation Program</i>
e-KDT IPG	Kursus dalam Talian Institut Pendidikan Guru
ELTC	<i>English Language Teaching Centre</i>
EMA	Enrolmen Menengah Atas
EMIS	<i>Education Management Information System</i>
eMyPro@IPG	Sistem Profiling Pemimpin Institut Pendidikan Guru
EOMS	Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan
FUFT	<i>follow up, follow through</i>

GAB	Guru Akademik Biasa
GBK	Guru Bimbingan dan Kaunseling
GBLS	Guru Bimbingan Lantikan Sekolah
GSEfE	<i>G Suite Enterprise for Education</i>
HIP	Program Imersif Tinggi
IAB	Institut Aminuddin Baki
IBSE	<i>Inquiry-Based Science Education</i>
ICT	Teknologi Malumat dan Komunikasi
ICU JPM	Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri
IEM	Institution of Engineers Malaysia
IET Malaysia	Institution of Engineering and Technology Malaysia
IKP	Inventori Kecerdasan Pelbagai
iKPSI	Inventori Kesejahteraan Psikologi
IMK	Inventori Minat Kerjaya
IoT	<i>Internet of Things</i>
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPGK	Institut Pendidikan Guru Kampus
IQ	<i>Intelligence Quotient</i>
ISM	Indeks STEM Murid
ISPPK	Instrumen Standard Penilaian Pembudayaan KBAT
ISTIC	International Science, Technology & Innovation Centre
i-WASP	i-Wellbeing Akademi Sains Pendang
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JERI	Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPEM	Jawatankuasa Peningkatan Enrolmen Menengah
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JU	Jurulatih Utama
K-KOMM	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
K9	Sekolah Model Khas Komprehensif 9 Tahun
K11	Sekolah Model Khas Komprehensif 11 Tahun
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KhidMas	Khidmat Masyarakat
KITA	Institut Kajian Etnik
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KOLs	<i>Key Opinion Leaders</i>
KPI	<i>Key Performance Indicator</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSBM	Kerangka Standard Bahasa Melayu
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KTE	Kolej Tingkatan Enam

KV	Kolej Vokasional
LKM	Lembaga Kaunselor Malaysia
LMS	<i>Learning Management System</i>
LPPP	Laluan Pembangunan Profesionalisme Pensyarah
LPPBM	Lembaga Pengiktirafan Pendidikan Bahasa Melayu
MACRI	Persatuan Kreativiti & Inovasi Malaysia
MBOT	Malaysia Board of Technologist
MBPK	Murid Berkeperluan Pendidikan Khas
MDEC	Malaysia Digital Economy Corporation
MKBM	Manual Kecemerlangan Bahasa Melayu
MKKG	Manual Kesejahteraan Kerjaya Guru
ML	<i>Middle Leader</i>
MoLIB	Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
MPV	Mata Pelajaran Vokasional
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
MQF	Kerangka Kelayakan Malaysia
MSP	<i>Managing Successful Programme</i>
MySPDL	Sistem Pengurusan Data Latihan
NGO	Agensi Bukan Kerajaan
OBB	<i>Outcome-Based Budgeting</i>
OKU	Orang Kurang Upaya
PADU	Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PBKP	Pakar Bidang Khusus Pendidikan
PBL	<i>Project-Based Learning</i>
PBMP	Pembelajaran Bahasa Melayu Berasaskan Projek
PBPPP	Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PDP	Program Diploma Pendidikan
PDPP	Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan
PdPR	Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
PERKAMA International	Persatuan Kaunseling Malaysia Antarabangsa
PGB	Pengetua dan Guru Besar
PIBKS	Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Swasta
PIKAP	Program Intervensi Khas Murid Orang Asli dan Peribumi
PIKeBM	Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu
PIMA	Perantisan Industri Menengah Atas
PIPPK	Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PISP	Program Ijazah Sarjana Perguruan
PKL	Pentaksiran Kompetensi dan Literasi
PLaN	Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah
PLC	Komuniti Pembelajaran Profesional - <i>Professional Learning Community</i>
PPCS	Program Perkhemahan Cuti Sekolah

PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPI	Program Pendidikan Inklusif
PPKBIS	Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PPP	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
PPPC	Program Pendidikan Pintar Cerdas
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPSDM	Program Pembangunan Sahsiah Diri Murid
PRISMA	Program Intervensi Minda Sejahtera Murid
Pro-ELT	<i>Professional Upskilling of English Language Teachers</i>
Pro-GBK	Pembangunan Kompetensi Guru Bimbingan dan Kaunseling
PRONIKA	Program Nilai dan Karakter
PTPK	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
PVMA	Program Vokasional Menengah Atas
QAS	<i>Quality Assurance Services</i>
RBT	Reka Bentuk dan Teknologi
RI	Remedial Instruction
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SAPS	Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah
SBDT	Sekolah Bermasalah Disiplin Tinggi
SBJK	Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
SePKM	Sistem e-Profil Kerjaya Murid
SIP+	<i>School Improvement Partner Plus</i>
SIRIM	Standards and Industrial Research Institute of Malaysia
SISC+	<i>School Improvement Specialist Coaches Plus</i>
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SKPMg2	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2
SLDN	Sistem Latihan Dual Nasional
SLT	<i>Senior Leader Team</i>
SM	Sekolah Menengah
SME	<i>Subject Matter Expert</i>
SMPK	Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan
SMPKV	Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional
SP IPG	Standard Penarafan Institut Pendidikan Guru
SPK	Sekolah Pendidikan Khas
SPLKPM	Sistem Pengurusan Latihan KPM
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SR	Sekolah Rendah
SSDM	Sistem Sahsiah Diri Murid
STEM	Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik
STEMatric-IBL	Program STEM Inquiry-Based Learning Program Matrikulasi
STEMEC	<i>STEM Executive Consultation</i>
STI	Sains, Teknologi dan Inovasi
ToT	<i>Training of Trainers</i>

TP	Tahap Penguasaan
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional <i>Technical and Vocational Education and Training</i>
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
ULBM	Ujian Lisan Bahasa Melayu
UniKL MICET	Universiti Kuala Lumpur Malaysia Institute of Chemical and Bioengineering Technology
UniMAP	Universiti Malaysia Perlis
UPBMG	Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru
UPM	Universiti Putra Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
UTeM	Universiti Teknologi Melaka
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia
YSE	<i>Young STEMist Expo</i>
YSN-ASM	<i>Young Scientist Network</i> – Akademi Sains Malaysia

